

ANALEK ANGKER

KOLEKSI KISAH SERAM
KIRIMAN FOLLOWERS DR CHAKU



ANALEK ANGKER

KOLEKSI KISAH SERAM
KIRIMAN FOLLOWERS DR CHAKU

ANALEK

Definisi: serangkaian petikan hasil penulisan seorang pengarang atau sekelompok pengarang. Analek biasanya digunakan sebagai istilah generik untuk merujuk kepada judul buku. Analek berasal daripada perkataan Yunani yang bermaksud “yang dikutip”. Analek juga disebut sebagai *analecta* atau bunga rampai.

ANGKER

Definisi: 1. kelihatan menyeramkan kerana dipercayai berhantu (berkenaan pokok besar, rumah besar, dan lain-lain); atau kelihatan menakutkan (berkenaan air muka seseorang).
2. Istilah yang merujuk kepada bahagian dalam alat elektrik yang bergetar dan mengeluarkan bunyi apabila terdapat aliran elektrik pada alat itu.

DISCLAIMER / PENAFIAN
(Kamarul Ariffin Nor Sadan)

Koleksi ini mengandungi lebih 100 kisah seram yang dikongsikan oleh para followers Facebook Kamarul Ariffin Nor Sadan.

Setiap kisah yang dipaparkan adalah hak milik penulis sepenuhnya. Nama penulis disiarkan bersama kisah yang dikongsi.

Terdapat sedikit penyuntingan dan olahan kepada penulisan asal untuk memastikan kisah dapat disampaikan dan mudah difahami.

Kebenaran dan kesahihan peristiwa yang berlaku dalam kisah-kisah di dalam koleksi ini hanya diketahui oleh penulisnya sendiri.

KANDUNGAN

Rumah Sewa	1
Penghuni Sel	2
Rumah Nenek	3
Kawan si Anak	5
Tanah Rata Cameron	7
Teksi Pelajar	8
Pakaian Kanak-Kanak	10
Outstation di Jakarta	11
Perpustakaan Kolej	12
Jururawat Masyarakat	13
Berbulan Madu	15
Lembaga di Ireland	16
Gangguan di PLKN	18
Upacara Kematian	20
Seruan Batu Nisan	23
Simpang Maut	28
Ketukan di Dinding	30
Makhluk di Pokok	31
Tubuh Bercahaya	32
Rumah Di Pandan Indah	33
Di Tingkap Kelas	34
Bunyi di Dinding	35
Tangga Rumah Baru	37
Pokok Bunga Di Hotel	38
Hujan Ke di Luar?	39
Kenduri Kendara	40
Diekori Sesuatu	42

Terajang Muka Lembaga	43
Pasar Raya di Chow Kit	45
Kau Gila	47
Diajak Ke Suatu Tempat	48
Wad di Tingkat E3	49
Jalan Ke Sekolah	52
Kamu Pun Lawa	53
Mira! Mira!	54
Cuitan di Hotel Desaru	56
Telefon Pejabat	59
Telefon Pejabat II	60
Melepak Tengah Malam	61
Tamparan Wanita	65
Lif Ke Tingkat 13	67
Perpustakaan Universiti	68
Kawan Berkebaya	70
Rumah Dalam Hutan	73
Laluan Bukit Lengkok	81
Dokumen Yang Hilang	85
Pelawat Tengah Malam	87
Tetamu Senja	88
Mesin Jahit Emak	90
Stor Dewan Bedah	92
Bukan Anak Saya	93
Bilik Isolasi COVID-19	94
Periuk Belanga	95
Insiden Ketika Basuh Baju	97
Berkelah Di Gunung Ledang	102
Siapakah Dia?	103
Jalan Jabor Ke LPT	107

Cakaran Dan Gegaran	109
Stor SK Gombak	110
Laluan Dia	111
Flat PPR	113
Malam Pertama Berpantang	115
Pink Pink!	116
Tukar Sekolah Kerana Diganggu	118
Lintasan di Cermin	121
Diperhati di Lebuhraya Karak	123
Kucing di Hotel Bangi	125
LRT Alam Sutera	126
Bau Lelaki Itu	127
Air 7 Masjid	128
Bunga Telur	131
Bola Adik	133
Nasib Tak Roboh	134
Panggilan Tak Dikenali	135
Musim Marhaban	136
4 Peristiwa di Jepun	138
Gantung Daun Di Laluan	145
Malam Sebelum Nikah	147
Mandi Awal Pagi	149
Bawah Pokok Nangka	150
Disimbah Air	151
Patung Besar Dari Narathiwat	156
Tetamu Pagi Raya	158
Peristiwa Bulan Syawal	160
Panjang Mengurai	168
Anak Syaitan	169
Nada Dering Telefon	184

Cantiknya Bilik!	186
Dahaga Jam 3 Pagi	190
Dahaga Jam 2 Pagi	191
Laptop Kawan Sabah	192
Kereta Warden	194
Selepas Light Off	195
Rumah Mak Mertua	198
Siapa Tu Mak?	199
Gangguan Malam Raya	200
Senyuman Adik Junior	202
Ayam Gantung	205
Tap Tap Tap!	207
Kawan Adik Ipar	210
SMS Minta Tolong	213
Bilik Mesyuarat	216
Tandas Hospital	218
Rambut Tebal Dan Panjang	221
2 Kisah Seram Pensyarah	222
Gelang Batu-Batu Kecil	224
Bangsai di Tepi Jalan	226
Saka Mencari Tuan Baru	228
Kursus di Cheng, Melaka	230
Haruman Bunga	235
Jenglot	237
Lif Hospital Johor Bahru	239
Pasir Gudang - Muar	240
Sesuatu Yang Tak Kena	243
Teluk Kumasi, 2015	244

RUMAH SEWA

Na'ziera Ishak

Masa saya berada di tingkatan 6, saya duduk di sebuah rumah sewa. Sebelum saya masuk menyewa, rumah itu sudah lama tidak didiami.

Pada satu malam, ketika saya dalam keadaan separa sedar, saya ternampak satu lembaga hitam berada di pintu tengah rumah. Saya fikir itu kawan saya yang hendak pergi ke bilik air.

Bangun pagi esoknya, saya bertanya kawan saya sama ada dia ada ke bilik air malam semalam. Kawan saya kata dia tak ada bangun ke bilik air malam berkenaan.

Tapikan memang dengar suara dia lah. Tertanya-tanya sampai hari ni, siapakah yang saya nampak malam tu.

PENGHUNI SEL

Ieyda Iskandar

Masa tengah bertugas di sebuah sentri lokap, tiba-tiba ada rambut datang dari atas dan kena muka saya. Saya terus melompat dari meja, terus tak pandang belakang dah.

Apabila kami periksa di rakaman di CCTV, kami nampak ada kepala dan rambut dalam sel. Kemudian apabila Incas pergi periksa dalam sel, tak ada sesiapa atau apa-apa di situ walaupun dengan jelas nampak di dalam rakaman CCTV.

RUMAH NENEK

NurSyuhada Anisya Azlan

Cerita ni berlaku masa saya sekolah rendah lagi. Sampai sekarang teringat sebab rasa paling *real*.

Masa tu saya berada di rumah nenek. Rumah nenek ni stail moden sebab rumah dalam taman perumahan. Belakang rumah nenek ada kebun. Belakang kebun ada lombong.

Malam tu kami sekeluarga baru balik dari Ipoh. Sampai rumah dalam pukul 1.30 pagi. Pada ketika itu bulan puasa dan biasanya siaran TV pada tengah malam sehingga waktu sahur tu best. Jadi kami tak nak tidur sampai sahur untuk tonton TV.

Tiba-tiba dalam pukul 3 pagi macam tu, terdengar bunyi cakaran pada pintu. Nak kata kucing, tak logik sebab ada jeriji di luar. Jeriji pula tutup dengan jaring nyamuk.

Mula-mula cakaran itu perlahan saja, tapi lama-lama semakin kuat. Lepas tu ada ketukan pula. Kemudian ketukan tu bertukar menjadi tamparan pada pintu. Berdentum pintu tu sebab ditampar dengan kuat.

Nasib pintu tu berkunci, kalau tak memang terbuka dah. Dari bunyi tamparan tu macam dia hentam untuk paksa buka pintu. Kami semua pakat pandang pintu tu. Semua terkaku tak tahu nak buat apa.

Akhirnya kami panggil nenek yang berada dalam bilik dia. Apabila nenek keluar, tiba-tiba bunyi berlari-lari kedengaran di atas bumbung. Nenek baca-baca sesuatu dan selepas tu dia buka pintu.

Di luar tak ada apa atau sesiapa pun.

KAWAN SI ANAK

Suriani Izwan

9 tahun lepas, kami tinggal di sebuah rumah sewa dalam kawasan kebun getah, hanya ada 4 buah rumah saja dan rumahnya terletak berjauhan.

Masa tu anak sulung umur dalam 3 tahun. Petang-petang dia keluar main di depan rumah. Nampak dia ketawa seronok main kejar-kejar, tapi dia bermain tu seorang diri saja.

“Izzati main dengan siapa?” tanya saya.

“Tu ibu tak nampak ke kawan Izzati. Pakai baju putih dekat pokok getah,” balas anak.

Saya toleh pada tempat dia tunjuk tapi tak nampak apa pun. Sewaktu mandi pun macam tu juga. Bila dengar dia gelak ketawa dalam bilik air saya tanya dia main dengan siapa. Mesti dia beritahu dia mandi dengan kawan-kawan dia.

Sejak daripada tu memang selalu dengar bunyi orang teriak, bau kapur barus, bunyi terjun atas bumbung pukul 2-3 pagi. Bila keluar suluh dengan lampu tengok, pokok apa pun tak bergoyang.

Kadang-kadang jiran lalu nampak ada orang tua duduk depan pagar rumah. Lewat-lewat dengar orang beri salam panggil nama penuh dan bila buka tingkap untuk tengok, tak ada sesiapa pun.

TANAH RATA CAMERON

Nor Lela

Suami saya suka menyorok dalam bilik dan sergah bila saya masuk. Satu malam tu, suami masuk tidur awal. Bila saya masuk saya tengok dia dah tidur siap berselimut lagi.

Sebelum tidur saya ke bilik air dulu. Apabila saya keluar dari bilik air, dengan yakinnya saya ke katil dan tepuk bantal lalu naik atas katil. Ketika saya pusing badan nak baring, sekali tengok ada macam bayang orang berdiri hujung katil.

Dengan nada beraninya saya kata pada suami, “bila awak bangun?”

Tapi suami tak jawab pun. Tiba-tiba rasa lain, jadi saya pusing sebelah dan nampak suami masih tidur macam mula-mula tengok tadi.

Bila saya pusing sekali lagi ke hujung katil, kelibat tadi dah tak ada. Bilik gelap harapkan cahaya dari lampu jalan. Peristiwa tu sampai sekarang tak akan saya lupa. Masa tu saya tinggal di Cameron Highland di kawasan Tanah Rata.

TEKSI PELAJAR

Arisa Mitsushina

Masa saya buat ijazah di USM Penang, saya buat khidmat “teksi pelajar”.

Pada suatu malam, saya dapat tempahan yang mana saya kena ambil pelajar dari Queensbay ke hostel pada jam 1 pagi. Selepas saya hantar pelajar tu, saya pun balik hostel saya yang paling hujung sekali dalam universiti.

Sunyi betul sepanjang jalan tu, cuma celoteh DJ di radio saja yang temankan saya. Masa tu dah jam 1.40 pagi. Hostel saya ni tempat letak keretanya terhad. Jika lambat memang kena letak kereta jauh.

Tengah saya cari tempat letak tu, ternampak sekumpulan anjing menyalak ke arah sebatang pokok. Suasana memang gelap, jadi saya tak nak ambil risiko untuk pandang atas pokok. Takut ternampak apa-apa yang tak patut.

Kemudian, tak semena-mena semua anjing tu berlari ke arah kereta saya. Kereta masih bergerak, dan anjing tu tetap ekori kereta saya.

Allah! Masa tu menggigil dah kaki. Lebih 5 ekor anjing ekori kereta sambil menyalak.

Akhirnya jumpa tempat letak kereta yang kosong, dan saya letak kereta di situ. Saya tak berani keluar dari kereta sampailah sekumpulan anjing tu menyalak dan berlari mengekori sesuatu yang tak nampak dek mata saya. Kemudian saya pun kumpul segala keberanian dan nekad turun dari kereta lalu lari menuju ke hostel tanpa menoleh kiri kanan.

PAKAIAN KANAK-KANAK

Ash Mamik

Tahun 2012, masa tu saya kerja di sebuah *department store*, jaga seksyen pakaian kanak-kanak. Kaunter saya ni letaknya di hujung sekali, dekat dengan pejabat dan stor.

Ada satu malam tu saya nak periksa pakaian-pakaian tu kemas atau tak. Sampai satu sudut, tiba-tiba baju yang terlipat cantik di atas rak, bergerak-gerak seperti ada yang mengangkatnya

Peristiwa ni betul-betul jadi depan mata saya. Hanya 30-40 cm dari tempat saya berdiri. Memang dekat sangatlah. Saya perhati dalam beberapa saat.

Sempat juga saya berfikir ada tikus di bawah baju tu, tapi tak mungkinlah sebab baju tu sikit saja pun. Tak tebal pun lipatannya, ada dalam 10 helai baju macam tu.

Bila saya terfikir benda tu, memang saya lari tak ingat dunialah. Kalau baju tu pada *hanger*, logiklah juga bergoyang-goyang sebab kena tiup angin pendingin hawa. Ini baju yang berlipat kemas yang bergerak. Kau rasa?

OUTSTATION DI JAKARTA

Munirah Rosli

Saya pernah ikut suami pergi *outstation* di Jakarta. Jadi ketika suami bekerja, saya duduk di hotel sajalah. Ketika berseorangan di bilik, saya kerap diganggu.

Selalu loceng bilik berbunyi, tapi bila saya buka pintu tiada orang. Saya ni pun bendul. Asal bunyi, saya buka pintu. Gangguan bunyi loceng tu berlaku setiap hari.

Kemudian saya dengar ada suara memanggil-manggil dan berbisik-bisik nama saya bila tengah malam. Kadang-kadang tangan dikuis, ada hembusan nafas panas dekat tangan dan kaki semasa saya tengah tidur.

Sewaktu nak *check out*, kawan suami cerita ada kawan mereka yang duduk di bilik depan hanya tidur di bilik itu untuk satu malam saja. Lepas tu dia minta pindah sebab tak tahan kena kacau.

Khabarnya, bilik dia itu bekas tempat orang kena bunuh. Jarang orang bertahan tidur di situ. Mungkin dah tak ada bilik kosong jadi pihak hostel beri saja bilik tu pada kawan tu.

PERPUSTAKAAN KOLEJ

Lisa Lisa

Masa saya praktikal di perpustakaan kolej swasta, pagi-pagi sebelum buka pintu perpustakaan, kami akan susun buku-buku di rak. Itu rutin wajib hari-hari.

Tengah syok kemas buku, saya terdengar buku-buku jatuh berterabur —*buk buk buk!*— dari rak belakang saya. Yang peliknya, bila saya ke rak tersebut, satu habuk buku pun tak ada di lantai.

Saya tak puas hati sebab memang jelas bunyi buku-buku jatuh berdebuk ke lantai dan saya pusing-pusing sampai ke rak buku paling belakang. Tak ada sebuah pun buku di lantai, jadi dari mana bunyi tu datang?

Bila saya beritahu staff di situ, dia selamba kata, “oh, dia kirim salam dekat awak lah tu.”

JURURAWAT MASYARAKAT

Noor Hasliza Hashim

Pengalaman sendiri belum pernah ada, mungkin sebab saya ni penakut maka Allah dan malaikat bantu. Kawan sekerja dan anak buah saya yang pernah kena.

Ada kes wanita nak bersalin di Klinik Kesihatan(KK). Jururawat masyarakat(JM) *oncall* yang kendalikan kes berkenaan pun panggillah jururawat kesihatan awam(JKA).

Sebaik saja sampai JKA tu, mereka sama-sama uruskan kes itu. Ambil *vital sign* sambil mereka berdua bersebang. Kemudian, JM tadi keluar dari bilik bersalin, tinggalkan si JKA dan ibu sebab nak buat rujukan kes berkenaan ke hospital.

Ketika di kaunter, ketika JM sedang pegang gagang telefon, tiba-tiba muncul si JKA di hadapannya dalam keadaan tergepoh-gapah sambil merapikan bajunya.

“Eh awak nak ke mana? Kenapa tinggalkan pesakit tu?” tanya si JM.

“Saya nak pergi tengok kes yang awak cakap tu lah. Maafiah, lambat sampai. Rumah saya kan jauh,” balas si JKA.

JM tu pun dah keliru. Dia senyap sahaja, beku, kaku. Dalam hati bertanya — “dengan siapa aku sembang tadi tu? Patutlah sambil sembang tadi dia tak tengok pun muka aku. ”

JKA pandang muka JM yang berkerut tu, tapi JM tak kata apa-apa. Tanpa dolak dalih mereka pun cepat-cepat selesaikan kes itu. Mereka panggil ambulans dan hantar ibu yang hendak bersalin tu ke hospital.

Sehingga ke hari ni, kami tak pernah tanya ibu tu apa yang jelmaan JKA tu sembang dan buat pada dia. Risau ibu tu salah anggap pada klinik pula nanti. Tak pasal-pasal viral KK kami berhantu.

Benda tu masih setia mengganggu JM berkenaan hingga sekarang dalam pelbagai cara dan bentuk. Saya tabik spring dekat JM tu sebab dia tak pernah rasa cuak, nak pengsan ke, demam ke terkencing ke. Dia kekal tenang saja.

BERBULAN MADU

Pathi Bear

Masa tu saya dan suami berbulan madu di Cameron Highland. Suami dah berdengkur tidur, tiba-tiba hujung kaki saya terasa macam ada orang memijak tilam. Kaki saya rasa bergerak-gerak dek pijakan pada tilam tu.

Waktu tu dalam sedar tak sedar, tapi memang sahlah terasa. Mula-mula nak kejutkan suami tapi sebab saya dah letih sangat, maka saya tidur balik.

Keesokan harinya, saya beritahu suami. Rupanya suami saya beritahu malam tu dia dengar bunyi plastik strawberi kami macam dipunggah-punggah. Maknanya malam itu kami berdua katup mata dalam ketakutan!

Mujurlah benda tu tak datang jengah ketika kami berasmara dana. Kalau tak, haru! Musibat punya hantu Cameron Highland! Dah menetap lama di Cameron pun masih sibuk nak memunggah tengok hasil *shopping* orang! Tu mesti hantu perempuan tu.

LEMBAGA DI IRELAND

Noor Hidayah Zainudin

Kami menetap di Ireland. Dalam tempoh 2 tahun pertama suami bekerja di sana, setiap 6 bulan suami kena pindah ke hospital lain. Ada sekali tu dia dipindahkan ke pekan kecil, dan rumah pula dapat bersebelahan betul dengan gereja.

Malas banyak songeh sebab memikirkan akan berpindah lagi dalam masa 6 bulan. Semasa menetap di rumah itu, boleh dikatakan hari-hari mimpi pelik.

Antaranya, memang jelas nampak suami dan adik ipar masuk ke dalam rumah kemudian duduk depan saya. Tapi tak jadi apa-apa pun yang menakutkan.

Memang saya tak berapa nak tidur selama duduk rumah tu. Alhamdulillah, apabila adik ipar lelaki datang melawat kami, teruslah suami saya suruh pergi ikut dia tidur di bilik hospital setiap kali dia *oncall*. Barulah boleh lena. Kalau tak ada alasan mahram saya malas nak ikut.

Satu lagi kejadian tahun lepas ketika beberapa hari lagi kami nak berpindah ke rumah

baru. Masa ni anak dah 5 orang. Anak saya yang ke-4 nak keluar dari bilik saya, dan ketika itu suami saya *oncall*. Abang-abang dan kakak dia semua di bawah, di ruang tamu. Saya pula tengah tidurkan anak bongsu.

Anak saya yang ke-4 tu buka pintu untuk turun ke bawah, dan tiba-tiba dia cepat-cepat tutup semula secara mengejut! Dia kata ada orang duduk dekat tangga. Rupa dia macam serigala tapi rambut panjang dan putih. Lembaga tu sedang sandar badan dekat pintu.

Saya bangun dan terus keluar serang. Saya kata — “kacau anak aku, bolehlah. Cuba tunjuklah diri kau sekarang!”

Geram betul saya masa tu. Tak ada masa saya nak takut waktu tu sebab saya dengan anak bongsu yang baru lahir tak tidur. Selamat hormon tengah tak stabil. Jadi bengis maknya.

GANGGUAN DI PLKN

Nur ILyani

Cerita seram saya berlaku semasa saya sertai PLKN pada tahun 2005. Ketika itu, latihan kompas berlangsung lewat malam hingga ke pagi.

Di *checkpoint* terakhir, saya jadi pemandu arah. Sampai sahaja dekat parit di kebun getah, saya dulu yang melepasi parit tu. Kemudian saya maju ke depan sambil suluh laluan.

Sekali saya nampak di celah-celah pokok renek depan saya, ada lembaga putih yang mukanya tak nampak. Ia berdiri beberapa meter sahaja di depan saya. Terus berderau darah saya masa tu sebab tersuluh lembaga tu pula.

Saya kemudiannya buat-buat suluh ke tempat lain. Saya suluhkan lampu ke atas pokok-pokok. Selepas tu, saya suluh kembali ke arah lembaga tu balik sebab saya ni jenis acah-acah berani. Haha!

Sekali, lembaga tu dah hilang! Dalam masa dah seram tu boleh pula tiba-tiba kawan tepuk bahu.

“Eh, kau suluh apa tu?” tanya kawan saya.

Bagi mengelakkan keadaan menjadi huru hara, saya cakap tak ada apa-apa. Bila kami hampir sampai ke kem, saya perasan macam ada jarak antara kumpulan kami dan satu kumpulan lain di depan.

Ada kumpulan lain pula tertinggal di belakang. Masa tu jurulatih sebelah saya tanya—
“awak ada nampak tak?”

“Ada!” balas saya.

Jurulatih tu kemudian beri isyarat suruh diam. Rupanya bila kami bercerita, jurulatih tu nampak ada benda yang mengikuti kami. Ia berjalan macam kami semasa ada jarak antara kumpulan depan dan kumpulan belakang.

Oleh kerana itu, jurulatih suruh kami berjalan rapat-rapat balik sebab dia nampak benda tu berada antara kami. Apapun Alhamdulillah kami sampai ke kem dengan selamat dan tak ada apa yang berlaku.

Saya ceritakan pada kawan beberapa hari lepas tu, dan mereka semua terkejut.

UPACARA KEMATIAN

Delima Zamrud

Kisah seram masa anak jiran yang tinggal sama tingkat, meninggal. Mereka buat upacara dekat kawasan tempat letak kereta kita. Mula mereka minta izin nak pinjam tempat letak kereta untuk senang nak pusing-pusing.

Ingatkan nak pusingkan kereta jenazah tu, rupa-rupanya pusing lain. OKlah, kematian punya pasal, aku benarkan sajalah. Dalam masa tu sempat juga aku jeling gambar pada van tu, nak tahu anak dia yang mana satu yang meninggal.

Pada malam pertama OKlah, tak ada apa-apa jadi sebab sampai pukul 3 pagi mereka masih buat upacara. Aku duduk diam sajalah dekat rumah. Masuk hari kedua aku perasan mereka nak turunkan mayat tu.

Buat pengetahuan, rumah aku terletak betul-betul depan lif. Aku dengan agak menyibuknya pergilah intip melalui lubang pada pintu tu sebab nak tengok-tengok juga apa mereka buat.

Hah kau! Terkejut jugalah kerana betul-betul dekat lobi lif itulah mereka pergi baringkan mayat tu. Dekat depan lif tu mereka buat upacara. Dengan biji mata sendiri aku tengok lobi lif merangkap depan rumah aku dijadikan tempat upacara sembahyang mereka sebelum mayat tu dibawa turun ke bawah.

Seram sejuk jugalah aku. Menyesal sungguh jadi penyibuk. Aku fikir, tak apa ni kali terakhir dah lah ni. Lepas ni OKlah. Rupanya sangkaan aku salah.

Selama seminggu kalau aku keluar malam, aku akan jadi cam VVIP. Nak tahu kenapa? Lif yang mereka guna untuk bawa mayat tu akan turun sendiri dan berhenti betul-betul dekat tingkat aku walaupun aku tak tekan butang. Pintu lif pun akan terbuka khas untuk aku tanpa perlu aku susah payah tekan apa-apa butang.

Fuh, memang dugaan. Kadang-kadang sengaja aku beri lif itu turun dulu dan tunggu lif lagi satu, tapi lif lagi satu tak mahu turun. Lif keramat tu jugalah yang naik. Magik sungguh!

Cukup seminggu aku tak ada keluar malam selain terpaksa. Ingat dah OK. Cukup 7 hari, pukul

3 pagi aku dengar dekat bawah macam ada bunyi anjing menyalak. Bukan seekor tapi macam beratus-ratus ekor gaya bunyinya.

Aku tak berani nak pergi tengok, jadi aku abaikan saja. Esoknya bila aku nak keluar, aku tengok kereta aku dah rupa macam apa. Keliling kereta, tepi, depan, belakang termasuk atas bumbung penuh dengan kesan tapak kaki anjing dan calar balar.

Fuh, dalam hati fikir apalah si anjing tu nampak dalam kereta tu. Bila tanya pada pengawal, tak ada pula mereka nampak anjing dekat bawah rumah tu. Jadi aku abaikan sajalah walaupun hati rasa gundah gulana.

Mungkin kesan upacara tu masih ada dekat tempat letak kereta aku tu, jadi sangka baik sajalah. Memang dugaan sungguh masa sebulan tu. Setiap kali keluar malam mesti ada rasa tak sedap jadi memang kurangnya aktiviti keluar malam aku buat sementara.

Sekarang dah pindah, jadi sampai hari ini masih tertanya-tanya apa yang ada dalam kereta aku sampai anjing menggila pergi serang kereta aku.

SERUAN BATU NISAN

SU Penulis Picisan

"Dah lama tak jenguk kubur atuk," aku bercakap sendirian.

Ketika itu, umur awal 20-an, masih bujang. Oleh kerana dah ada lesen memandu, aku ajak seorang kawan sebagai peneman. Maklumlah, kubur lama, kawasan kampung. Sekalipun datang di siang hari, keadaan sekelilingnya yang dipenuhi pokok-pokok besar dan rimbun pasti membuatkan kita memandang kiri dan kanan sambil kumat-kamit mulut membaca doa-doa konon untuk dilindungi dari apa yang tak sepatutnya.

Tiba hari yang dirancang, aku pun bertolak dengan si Rozana (bukan nama sebenar) ke kampung. Hampir dua jam perjalanan. Sesampainya di sana, kami memberi salam sebagai tanda hormat.

Langkah diatur sebaik mungkin sebab keadaan tanah yang tak rata. Ada kubur yang dah rosak dan ada yang batu nisannya dah tercabut. Dalam perjalanan menuju ke kubur atuk, ada juga kami terpijak kubur yang dah hilang tandanya.

Cuak, tapi kami teruskan juga hajat. Tiba-tiba, mata aku melirik pada satu kubur di bawah pokok besar. Redup mata memandang tapi batu nisannya senget. Lama aku tenung.

"Weh, kau tengok apa, beb?" tanya Rozana.

"Eh, tak ada apa-apa. Jom. Dah dekat ni. Depan sikit sampailah kubur atuk," jawabku tapi jiwa masih meronta teringatkan kubur tadi.

Sesampainya kami di kubur atuk, masing-masing mencari posisi yang selesa untuk duduk. Waktu itu dalam tengah hari. Matahari sedikit terik tapi kami teruskan mengaji sekadar yang termampu.

Selesai membaca doa, air dalam jag disiram membasahi kubur atuk yang aku kira sudah lama tak dibersihkan. Bunga-bunga pelbagai warna dan bau ditabur menaikkan seri tempat atuk disemadikan.

"Ah lega. Selesai urusan. Syukur," kataku pada Rozana dan dia pun menjawab — "yep, alhamdulillah. Jom balik. Nanti kita singgah mana-mana alas perut. Lapar pula!"

Dalam perjalanan ke kereta, mata aku sekali lagi melirik ke kubur yang batu nisannya senget tadi. Rasa geram pun ada nak betulkan tapi ditegur Rozana. Aku batalkan niat dan kami pun beredar keluar ke jalan besar.

Kami pun isi perut dulu di pekan berdekatan. Cuci mata di tempat orang, baru balik rumah.

Sesampainya di rumah, seingat aku lepas maghrib. Aku masuk ke dalam bilik tidur. Aku capai tuala dan bersihkan diri. Selesai solat, aku berehat seketika. Oleh kerana kepenatan, aku terus baring di atas katil sampai keesokan harinya.

Disinilah segala-galanya bermula.

Sekali sekala, setiap kali aku nak tidur, aku akan bermimpi didatangi seorang wanita yakni tuan punya kubur yang batu nisannya senget itu. Dia seperti meminta bantuanku, tapi mimpi itu samar-samar. Seolah-olah satu permainan tidur. Tak pula mengganggu urusan harianku.

Keadaan ini berlarutan hampir 6 bulan. Aku jadi resah akhirnya. Tak pula aku ceritakn pada

sesiapa. Oleh kerana aku ini jenis berani mati (tapi terkadang penakut yang amat juga!), aku ajak Rozana pergi semula ke kubur atukku. Dia kehairanan. Setelah aku jelaskan segala-galanya, dia bersetuju untuk temankan aku sekali lagi. Lega!

Selang beberapa hari, kami pun bertolak ke kampung. Tipulah sepanjang perjalanan itu aku tak ada perasaan takut. Tapi, aku yakin dengan keputusan yang dibuat iaitu untuk langsaikan hutang aku pada wanita yang selalu datang dalam mimpi, iaitu membetulkan semula batu nisannya yang senget!

Kami tiba di kawasan perkuburan pada awal pagi. Sekarang, dah ada rumah-rumah yang dinaikkan oleh penduduk kampung, jadi taklah seram sangat. Aku dan Rozana teruskan langkah ke kubur wanita itu. Sampai saja, aku menghela nafas panjang. Salam diberi, dengan lafaz bismillahirrahmanirrahim, aku betulkan batu nisannya.

"Berjaya! Puas hati! Bebas!" Itulah yang aku alunkan dalam hati.

Rozana pun tersenyum, tanda syukur melihat aku seperti baru dibebaskan dari sangkar setelah berbulan-bulan lamanya terkurung.

Selesai urusan, aku menghantar Rozana pulang. Setibanya di rumah aku, seperti biasa, aku akan bersihkan diri dahulu, baru aku berehat. Malamnya, aku telah bermimpi wanita si pemilik kubur sekali lagi.

"Terima kasih nak, sebab betulkan batu nisannya. Terima kasih juga sebab bersihkan kuburnya. Dah lama keluarga tak ziarah. Terima kasih, ya."

Tiba-tiba, aku terus bangun dari tidur. Kebingungan. Suasana bilik tidur gelap. Tak pula muncul kelibat yang tak diingini. Rasa nyawa seperti baru masuk dalam jasad.

Dari satu sudut, siapa wanita itu? Kenapa dia pilih aku? Tapi dari sudut yang lain, aku bangga dapat berbakti walaupun hampir setengah tahun dihantui.

Sehingga kini, aku tak dapat bayangan sebenar wajah wanita yang sesekali datang dalam

mimpi. Ah, biarkan! Tugas aku dah selesai. Moga tenanglah roh-roh penghuni kubur di kampung atuk.

SIMPANG MAUT

Sya Wanie

Ada satu simpang maut di jalan kubur lama. Banyak kes kemalangan berlaku di sini. Aku sendiri dah 3 kali terkena di kawasan yang sama. Sebab itulah aku namakannya simpang maut.

Pertama kali terkena semasa balik kerja malam dalam pukul 10 malam. Tiba-tiba nampak papan tanda di tengah-tengah jalan. Bingung sekejap.

Aku perlahankan kereta dan ambil jalan tepi, tapi aku fikir, kalau aku ke tepi sah-sah aku masuk lorong kubur. Sekali terpikir mungkin beginilah "benda" tu alihkan pandangan orang-orang yang pernah terlibat dalam kemalangan di kawasan situ.

Kali kedua, semasa baru nak pergi kerja. Dalam pukul 6.15 pagi. Aku nampak kucing di tempat yang sama. Di persimpangan jalan kubur tu ada 2 ekor kucing. Seekor kucing putih, seekor kucing hitam.

Aku tengok kucing-kucing tu macam mendongak ke atas tengok sesuatu. Aku jalan saja. Sekali kucing tu melintas dan aku dengar bunyi

macam aku melanggar sesuatu. Ya Allah, paniknya aku. Aku berhentikan kereta dan cuba pandang ikut cermin sisi.

Tak ada nampak bekas darah atau bulu kucing. Sekali pandang tepi. Aku dah betul-betul ada di tepi kubur. Terus aku pecut balik sambung tidur di rumah. Demam!

Kali ketiga pun masih di tempat yang sama. Sewaktu ni masih awal lagi, dalam pukul 10 malam. Aku nampak kereta belakang bagi lampu tinggi pada aku. Dahlah aku jenis silau dengan cahaya. Terus perlahankan kereta dan bagi laluan pada kereta di belakang aku. Aku ingatkan ambulans atau kereta polis minta laluan. Tapi tunggu dalam seminit tak ada pun nampak kereta memintas.

Mustahillah tak ada kereta sebab aku nampak cahaya lampu kereta belakang kereta aku tadi. Betul-betul di belakang, tapi tiba-tiba menghilang. Sampai sekarang aku dah tak berani gunakan jalan tu dah. Aku sanggup ikut jalan jauh dari ikut jalan simpang maut tu.

KETUKAN DI DINDING

Nur Zahratul

Ada orang dengki dengan keluarga saya dan dia hantar santau. Malam tu saya tengah buat laporan praktikal. Anak kakak pula menangis tak tau kenapa, puas pujuk. Tidur tak nak, tidur sekejap-sekejap.

Bila dia tidur, saya sambung buat laporan. Orang lain semua dah tidur. Tengah idea mencurah-curah buat tu ada sesuatu main tingkap. Bunyi seakan-akan sayap burung bermain dekat tingkap. Rumah lama, tingkap dia akan ada lubang kecil.

Lepas tu saya pindah buat kerja dalam bilik, dia pun datang kacau ketuk dinding. Rumah tu jenis kayu, jadi dengar dengan jelas bila ada yang ketuk dinding.

MAKHLUK DI POKOK

Nur Zahratul

Suatu hari, saya habis kelas petang. Sampai rumah maghrib. Saya kena jalan kaki sikit nak masuk ke kawasan rumah. Jalan sedikit gelap dan kiri kanan ada pokok besar. Sampai dekat pokok besar tu, ada sesuatu naik ke atas pokok. Tak tau binatang apa tapi yang jelas ekornya panjang.

Saya buat tak tahu. Sampai di rumah, tengah buat *assignment*, saya seorang saja ada dekat ruang tamu. Saya terdengar ada orang masuk bilik air. Pintu bilik air kami tu kalau dibuka atau ditutup, ada bunyi.

Saya intai, tapi tak ada apa-apa. Masa muka nak menghadap ke *laptop* semula, ada sesuatu melintas dalam bilik air. Rupa macam mana tu, wallahualam. Tak dapat saya nak gambarkan.

TUBUH BERCAHAYA

Emma Azra

Cerita ni adik yang saksi kejadian. Ia berlaku pada tahun 2016. Anak aku demam teruk lepas malam raya. Demam dia berlarutan hampir sebulan. Dah dimasukkan ke wad 3 buah hospital, tapi akhirnya dibenarkan balik rumah sebab didapati tak ada apa-apa masalah.

Malam tu adik perempuan aku tu teman kami, sebab suami kerja. Kami tidur dekat ruang tamu. Malam itulah adik aku terjaga, dan dia nampak anak aku bercahaya, macam dalam filem tu. Cahaya keluar dari badan anak aku, dan ia terus berlari hilang ke arah dapur.

Adik aku kekal dekat tempat tidur dia, dan jasad anak aku masih ada sedang tidur di sebelah dia. Lepas dia periksa anak aku still bernafas masa tidur, dia pun terus sambung tidur. Aku tidur mati. Berderau darah aku bila dia cerita pagi tu. Alhamdulillah, Allah panjangkan usia anak aku. Selepas kejadian tu, anak aku terus sembuh. Pelik tapi benar.

RUMAH DI PANDAN INDAH

Nur Cahya

Masa kejadian ini saya menyewa bujang di Pandan Indah. Saya tak sangka kawan serumah seorang ni ada membela saka. Saya balik kerja dalam pukul 10 malam. Saya pelik kenapa pintu rumah terbuka, rupa-rupanya kawan serumah yang lain sedang duduk membaca yasin dan memasang CD Bacaan suci al Quran.

Saya jadi makin peliklah sebab apa dia orang duduk dekat ruang tamu tu. Apabila saya pandang bilik kawan saya yang seorang ni, dia dah dirasuk masa balik dari makan malam dengan tunangnya.

Jadi, tunangnya sedang berkawal di pintu bilik agar dia tidak terlepas keluar dari rumah. Tiba-tiba, kawan yang dah dirasuk berkata "orang dekat luar takut, orang dekat luar takut," sambil matanya menjegil tajam kepada kami semua. Sejak itu, saya dengan segera keluar dari rumah sewa tersebut.

DI TINGKAP KELAS

Azrawaty Mohd Noor

Zaman ketika saya sekolah dulu, saya tinggal di asrama. Bangunan asrama saya berdepan dengan bangunan kelas-kelas. Tangga surau asrama pula jenis tak berdinging, jadi bila nak naik ke surau boleh nampaklah kelas-kelas di bangunan depan.

Suatu petang, selepas ambil wuduk untuk solat maghrib, saya naik tangga nak ke surau dan terpandang kelas yang betul-betul bertentangan dengan tangga. Saya nampak rakan kelas saya sedang berdiri di tingkap dan memandangi saya.

Saya pun menjerit — "wei tak balik sembahyang ke?" tapi kawan tu cuma senyum saja. Saya pun abaikan saja. Lantak dialah senja-senja nak duduk dekat kelas tu..

Saya terus naik tangga dan masuk ke dalam surau. Tiba-tiba nampak kawan yang sama dekat kelas tadi, tapi dia dah berdiri nak sembahyang maghrib, siap dah bertelekung lagi.

Habis siapa yang berdiri di tingkap kelas tadi?

BUNYI DI DINDING

Daia Aziz

Saya pernah kena gangguan semasa tidur. Saya tidur katil bawah, kakak tidur atas katil. Kami duduk rumah apartmen bersama abang.

Pukul 1 pagi, masa tengah nak lelap tu, saya terdengar bunyi orang melepai simen dekat dinding dekat dengan kepala saya dan kakak tidur.

Makin lama makin kuat. Kakak dah lena. Apabila saya kejut-kejut pun dia tak sedar. Akhirnya bunyi tu berhenti tepat antara kami berdua.

Radio di sebelah tu memang sentiasa buka rakaman surah-surah ayat suci Al-quran. Sebelum sempat nak hidupkan radio tu, boleh dengar bunyi orang pecahkan dinding.

Rasa tak tahan sangat dengar bunyi tu, jadi terus capai radio dan hidupkan. Masa surah qursi mula berkumandang, kami berdua terdengar suara orang perempuan mengerang kesakitan dari dalam dinding tu. Kuat suaranya!

Kami terus bangkit dari katil dan lari ke depan cari abang. Rupanya kakak saya tak tidur

masa sayakejutkan dia tapi tengah takut, jadi dia pejam mata kuat-kuat. Nak bangun tak boleh katanya.

Bila tanya abang dan jiran sebelah rumah, seorang pun kata tak dengar suara tu. Cuma saya dan kakak saja dengar. Meraung merintih macam sakit sangat. Nasib baik tak tunjuk muka.

TANGGA RUMAH BARU

Nurul Omar

Saya pindah masuk rumah baru. Kami orang yang pertama pindah masuk di lorong tersebut.

Satu senja ketika hujan turun, saya baru sampai rumah dari tempat kerja. Masuk rumah, rehat sekejap di ruang tamu sambil tunggu suami. Tiba-tiba anak kecil saya berumur 3 tahun berkata— "Ma, ada kakak dekat tangga."

Alamak! Saya tak nampak apa-apa yang sinonim dengan 'kakak' pun dekat tangga rumah tu. Apa lagi, capai anak, lari keluar dan duduk di luar rumah. Dah kita pula yang lari keluar rumah sendiri.

Bila suami pulang baru kami semua masuk.

POKOK BUNGA DI HOTEL

Mas Muhamad

Anak saya ada 2 orang yang boleh nampak macam-macam. Anak yang sulung, alhamdulillah dah besar ni hilang dah nampak-nampak tu. Waktu kecil-kecil dulu dia selalu cerita apa yang dia nampak. kadang-kadang atas almari, atas kubur.

Sekarang ni, adik dia yang umur 2 tahun pula nampak macam-macam.

Ada satu maghrib tu, kami nak *check in* hotel. Masa nak keluar tu dia nangis sambil peluk kuat-kuat, tak nak tengok luar. Letak kereta pula dekat dengan pokok besar dan pokok bunga kertas. Dia asyik tunjuk-tunjuk ke arah pokok-pokok tu. Kemudian saya mula terhidu sesuatu yang berbau wangi.

Nasib baik saya tak terlihat apa-apa dan gangguan tu pun taklah berpenjangan.

HUJAN KE DI LUAR?

Syahida Kamaliah Abd Karim

Saya pernah nak tidur dalam bilik pukul 10 malam, terdengar bunyi bising sangat dekat atas siling, macam bunyi guruh.

Suami masuk, saya tanya— “nak hujan ke dekat luar.”

“Tak lah” kata dia yang baru masuk ke dalam rumah dari luar.

Saya tengok di luar, tak ada angin, pokok pun tak bergerak. Banyak malam juga peristiwa ni berlaku. Bila keluar saja dari bilik memang tak ada bunyi. Hanya kedengaran bila berada dalam bilik kami. Di dalam tandas kami pun tak ada bunyi tu.

Alhamdulillah, sekarang dah tak ada lagi bunyi tu bilik kami..

KENDURI KENDARA

Ruzawati Jumiran

Ketika itu anak ke-3 saya baru berusia 3 bulan. Saya balik kampung mak saya. Kami anak beranak tidur dekat luar bilik, bentang tilam dan sebagainya.

Malam tu bayi saya menangis tak berhenti. Semua orang dalam rumah dah tidur. Dalam pukul 2 pagi, saya dengar macam ada bunyi tapak kaki di luar rumah. Tapi saya buat tak tahu.

Esoknya, adik saya pergi kedai, ada seorang pakcik yang kenal adik saya menegur— "semalam rumah kau ada buat kenduri ke?"

"Tak ada pula. Kenapa, pakcik?" balas adik.

Pakcik tu kata, dia balik dari urusan dalam sekitar jam 2 pagi, dia lalu depan rumah mak saya. Dia nampak adik saya dan anak saya (yang sulung umur 3 tahun) tengah main baling-baling bola.

Memang pagi tu kami jumpa bola yang anak saya main petang sebelumnya, berada di bawah pangkal pokok kelapa lebih kurang 5 meter dari

rumah. Sedangkan petang sebelumnya bola tu disimpan di beranda rumah.

Kami semua cuma anggap "mereka" nak tumpang main. Lepas tu tak ada benda pelik berlaku sebab setiap kali petang, bola atau alat permainan simpan di dalam rumah. Dah tak biarkan bersepah luar rumah.

DIEKORI SESUATU

Shuzaira Yahya

Habis kelas tuisyen, saya makan dengan kawan-kawan. Sembang sampailah dah lewat petang. Kami pun balik dan solat maghrib di masjid sebelum kami balik rumah masing-masing.

Semasa perjalanan balik, laluan gelap gila, dan tak ada kereta langsung. Saya gagahkan diri pecut, kemudian saya terasa seram sejuk dan terperasan ada sesuatu di tempat duduk sebelah saya. Rambutnya panjang, berpakaian putih, sedang tengok saya.

Saya buat-buat tak nampak dan teruskan perjalanan sampai depan rumah. Saya ingatkan benda tu dah tak ada. Selepas mandi dan solat, ketika saya nak masuk tidur, saya ternampak benda putih rambut panjang tu sedang tengok saya sambil dia duduk di siling bilik saya.

Saya pejam mata, buka mp3 rakaman ayat Al-quran sampailah saya tertidur.

TERAJANG MUKA LEMBAGA

Lut'sFiya Us

Semasa saya seorang remaja berumur 27 tahun, saya tidur berdua dengan kakak yang bernama Piah. Katil itu jenis katil bujang bertingkat.

Saya tidur atas, sebab brutal dan tak gayat. Piah tidur bawah. Piah ni seorang yang penakut dengan hantu.

Satu malam, Piah selalu cerita ada lembaga badan lelaki suka cekik dia, raba dia, tapi pintu selalu kami kunci. Kalau buka pintu akan berbunyi *kreekkk!* Macam mana lembaga ni masuk?

Lembaga ni macam orang minyak, waktu ni kecoh pasal orang minyak yang setinggi 180 cm dan badan sasa. Saya tahu sebab dia mula berani kacau budak brutal ni.

Selalu saya tidur menghadap dinding, tapi kali ni tidur menghadap sebelah ruang. Saya jenis mudah terkejut kalau terdengar apa-apa bunyi. Masa mamai-mamai, ternampak pintu tu terbuka sikit, tapi pelik tak ada bunyi engsel *kreek*.

Ada lembaga mata merah dan badan berkilat masuk. Ia tinggi sebab dia senang cekik saya. Sempat dia raba dada. Saya melawan dan memakinya di dalam hati. Masa ni jerit tak keluar suara. Saya dah baran, kaki automatik terangkat nak terajang muka dia.

PANG! KETANG!

Penghadang katil tercabut, jatuh. Rupanya saya terajang tu penghadang dan ia terpelanting. Berdesup rasa angin dan lembaga tu hilang.

Kaki saya bengkok sebab terajang besi penghadang. Apabila tanya kak long dan adik-adik lain, mereka kata tak dengar besi jatuh. Sangat pelik. Saya rasa mereka kena jampi tidur malam tu. Kak long pun mudah terkejut, tapi tak dengar.

Saya turun tengok pintu, Pintu terbuka sedikit. Kalau manusia yang masuk mesti terbuka luas. Dalam keluarga saya tak ada lelaki tinggi macam lembaga itu. Kemudian perasan tingkap dapur terbuka.

Lepas kejadian tu, lembaga berkenaan dah tak kacau Piah dan saya.

PASAR RAYA DI CHOW KIT

Lut'sFiya Us

Paling seram takut adalah bila jin, hantu dan syaitan ni berani cederakan manusia.

Saya kerja di BIG A Chow Kit yang sekarang jadi hotel. Masa ni saya kerja sebagai jurujual. Saya sedang bersihkan tempat yang saya cadang buat tempat solat, tiba-tiba ada orang jerit panggil nama samaran di rumah "Lutt... Lutt... Lut..." padahal di tempat kerja, nama saya Fia atau Piah.

Keluar saja dari tempat tu, saya tanya staf—"kau orang ada panggil aku?" Semua kata tak ada.

Malam esoknya, saya orang terakhir turun tangga. Ada pelanggan yang beli baju nak tukar saiz baju. Aku naik balik ke tingkat 3 untuk tukarkan.

Lepas ambil baju dari rak, dan nak turun tangga, kaki aku rasa macam kena pegang. Tak boleh melangkah, nak tersandung. Tahu-tahu macam terapung, dan berada dekat bibir anak tangga. Lepas tu terasa ada benda tolak belakang badan.

Jatuh menjunam macam roket jatuh. *BOOOOMMM!* Kuat gila. Habis bawah hidung yang atas bibir pecah terbelah, berdarah.

Siapa yang tolak aku? Kalau aku jatuh sendiri mesti tergolek-golek. Ni aku melambung, terasa kena campak. Luka kena 8 jahitan.

Dengar kata, ada perempuan bunuh diri dekat tandas situ. Siapa panggil aku? Makhhluk tu marah ke aku kemas stor tu? Pasaraya Big A tu dah tutup beberapa bulan selepas aku berhenti.

Parut di antara bibir dan hidung masih ada. kisah hantu ni tak semua orang percaya. Jadi saya tak cerita pada sesiapa. Semua cakap saya tak berhati-hati.

Sekarang saya tak nak berani kacau kawasan lama. Orang ajak berkemah dekat sungai pun tak nak.

KAU GILA

Nurul Izzati Latiff

Semasa tingkatan 1, saya ke kelas untuk ambil buku pada hari Sabtu. Tak ada sesiapa di kelas waktu tu. Semasa saya tengah ambil buku, tiba-tiba ada bunyi seretan salah sebuah kerusi kelas. Saya toleh penuh hairan ke arah bunyi tu.

Rasa sangat tergamam antara percaya dan tak percaya, suara tak terkeluar untuk jerit. Di depan saya seakan bentuk manusia yang dibaluti daging nipis dengan struktur tulangnya terlihat jelas. Ia berdiri tegak di sebelah kerusi sambil pandang saya. Lepas tu ia terus hilang macam angin lalu.

Jantung rasa laju berdetak. Ini pertama kali seumur hidup saya nampak benda sebegitu. Emosi terus jadi sangat tak stabil. Saya terus laju keluar pergi ke kawan rapat saya di asrama untuk dapatkan sokongan emosi.

Saya ceritakan semuanya dan dia jawab ringkas— “kau gila”. Rasa makin murung dan tertekan. Pengalaman nampak benda tu memang pengalaman buruk, tapi bila kawan rapat tak percaya malah tuduh saya gila adalah lebih buruk.

DIAJAK KE SUATU TEMPAT

عتيقه موسى

Anak tidur lewat, sekitar 3.30 pagi. Baru sahaja nak pejam mata, tiba-tiba rasa bayangan suami berdiri di sebelah sambil dia hulum tangan ajak pergi ke suatu tempat.

Saya hampir nak hulum tangan untuk ikut, kemudian tergerak hati nak pandang sebelah kiri. Tengok suami elok saja tidur dekat sebelah. Terus bangkit duduk sebab terkejut.

Tengok jam, 3.45 pagi. Terus jadi meremang bulu di tengkuk. Sampai ke hari ini tak berani duduk seorang diri di rumah. Tak tahulah apa yang mengajak tu. Aduhai!

WAD DI TINGKAT E3

Nur Atikah

Ini cerita semasa saya baru tiga hari bekerja sebagai penyelia syarikat konsesi di Hospital Besar Melaka. Saya perlu ambil dokumen dari petugas saya di wad E4. Waktu tu jam 3 petang dan siapa-siapa yang kerja di hospital ini mesti tahu pasal blok E ni.

Di blok E, ada satu tingkat iaitu E3 yang kosong. Ia tidak digunakan lagi. Dulu katanya tingkat ini menempatkan bilik bersalin atau nurseri kalau tak silap saya.

Saya naik lif, kemudian masa pintu lif nak tutup, ada suara perempuan minta saya tahan pintu lif. Pintu lif terbuka dan saya tengok ada seorang jururawat membawa bayi yang dibalut kain. Jururawat berkenaan berdiri di hadapan saya tetapi membelakangi saya.

Masa di dalam lif saya tanya jururawat berkenaan tentang jantina bayi yang dibawanya.

“Perempuan ke lelaki?”

“Lelaki” jawab jururawat itu.

Sampai E3, jururawat itu keluar dan menuju ke pintu wad. Ketika itu saya tak tahu pun wad tu tak digunakan lagi. Saya terus ke E4, dan berjumpa petugas saya untuk ambil dokumen berkenaan.

Habis kerja, mak saya yang juga staf hospital ajak minum petang. Saya cerita kepada emak saya tentang jururawat tadi dan wad E3. Saya beritahu mak saya jururawat berkenaan pakai skirt putih macam zaman dulu dan ada cap putih di atas kepala dia.

Mak saya terkedu kerana jururawat sekarang dah tak pakai skirt sebegitu lagi dan bayi yang baru lahir akan diletakkan dalam baby cot. Bukannya digendong seperti yang saya ceritakan.

Saya baru tahu pasal tu, sebab saya baru 3 hari di hospital, saya kurang arif tentang jenis-jenis pemakaian seragam staf atau selok-belok hospital berkenaan.

Tambah membuatkan bula roma saya berdiri apabila mak saya beritahu wad E3 dah lama kosong. Wad bersalin yang ada di blok lama hanyalah di A3, bukan E3.

Saya masih terpinga-pinga dengan apa yang saya lalui. Sukar saya nak hadam apa yang mak saya ceritakan.

Selepas kejadian itu, saya minta penukaran tugas dari blok lama ke blok baru.

Saya tak tahu kalau ni tak seram bagi orang lain, tapi cukup seram bagi saya yang mengalaminya.

JALAN KE SEKOLAH

Faten Rose

Setiap hari saya memandu ke sekolah. Jam 6 pagi dah bertolak dari rumah sebab nak sampai ke sekolah mengambil masa sejam lebih. Sewaktu sampai dekat selekoh yang kiri dan kanannya ladang kelapa sawit, tiba-tiba ada benda berwarna putih melintas bahagian atas.

Dalam hati terdetik, "benda apa pula warna putih yang melayang-layang ni?"

Jadi saya jenguklah sikit kepala ke depan cermin tu. Ha, apalagi. Bila dah tertengok, terus menyandar cepat-cepat. Cik ponti rupanya yang tengah terbang.

Masa tu memang tak tahulah nak buat apa. Terus saja pandu macam biasa dan cakap, "aku tak kacau kau. Macamlah tak biasa aku lalu sini hari-hari."

Alhamdulillah dia tak berlegar-legar dah dekat di atas. Sebenarnya ni dah kali kedua terkena. Kali pertama tu macam sekilas saja jadi anggap khayalan saja. Ni kejadian berlaku dekat tempat yang sama. Sekian.

KAMU PUN LAWA

Fiqah Yasin

Dulu saya pernah tolong kawan yang kena rasuk. Jin tu kata dia suka badan seorang budak ni sebab budak ni lawa. Kemudian ustaz dan kakak-kakak yang tolong adik yang kena rasuk ni macam borak sedikitlah dengan jin ni.

"Ala, kamu pun lawa" kata seorang kakak berkenaan pada jin tersebut lalu tunjuk cermin. Sajalah dia kata begitu untuk melawak dengan jin yang merasuk adik seorang ni.

Entah kenapa, bila saya lihat pantulan cermin adik kena rasuk tu, bukan manusia, saya nampak rupa jin tu berbadan ular dan mata luas merah. Allahuakhbar!

Saya tanya kawan lain ada nampak apa-apa pelik? Kawan saya kata tiada. Saya tanya kawan lain, dia nampak apa saya nampak. Esoknya saya demam panas.

MIRA! MIRA!

Mir Raf

Kisah aku ni tak seram mana pun. Berlaku sekitar tahun 2005-2006. Waktu aku buat diploma di salah sebuah IPTA bawah MARA di pantai timur.

Zaman belajar mesti ramai tidur lambat di asrama, kan? Lagi pun, aku memang dari dulu (sejak kecil) jenis tidur lambat.

Pada satu malam aku pergi ke tandas asrama, perempuan kebiasaannya mesti basuh muka dan gosok gigi dulu sebelum tidur, kan?

Seraya hampir selesai membasuh muka, ada bisikan memanggil namaku, "Mira, Mira!" Meremang bulu romaku waktu tu. Pandang belakang dan intai tandas yang lain tak ada sesiapa pun! Terus aku keluar berlari-lari anak masuk ke bilik asrama. Kursemangat!

Kemudian, pada tahun 2013 sewaktu mengandungkan anak pertama, aku kerja syif. Penat juga sebab kena memandu seorang diri. Selalunya habis waktu kerja memang tak sabar nak balik tidur!

Petang tu dalam pukul 3 petang sampai rumah aku terlelap sekejap. Tiba-tiba pintu bilik diketuk walhal tiada siapa pun waktu tu. Tengah tidur pun terkejut dan terus keluar dari bilik. Badan yang lesu pun terus segar bugar.

Sekitar tahun 2015 pula, anak aku tu dah berumur dekat 2 tahun. Kami tinggal berdua saja di rumah. Syok tengok TV sambil layan anak, tiba-tiba— *tick!* bunyi suis ditutup dan lampu siling terpadam. Terus pergi periksa suis, memang betul ditutup. Siapa yang tutup?

CUITAN DI HOTEL DESARU

Iza Mahmud

Tahun 2011, aku ikut suami pergi konvoi ke Desaru. Ketika tu bawa 3 orang anak dan hamil sebulan macam tu. Sampai hotel tu aku macam terkedu sebab tengok keadaan sekeliling macam bangunan ditinggalkan. Tempat letak kereta penuh daun-daun kering.

Masuk ke dalam bilik saja, bau hapak terjah masuk lubang hidung. Bilik air pun tak bersih. Nak tak nak kenalah juga bermalam di situ.

Malam tu kami ada sikit acara. Puas dah makan dan sembang-sembang, aku nak rehat dan masuk bilik dengan anak-anak. Suami teman naik sampai atas, lepas tu dia keluar balik. Masa tinggal bertiga dengan anak.

Dalam bilik aku dah mula rasa lain macam. Bilik tu ada pintu untuk ke balkoni. Pintu kayu berkaca, tapi sayang tak boleh ditutup rapat macam. Mungkin sebab bingkai kayunya dah kembang.

Masa tidur tu aku kena gangguan. Dalam tidur tu sayup-sayup aku dengar macam bunyi

nyaring yang bising. Posisi badan aku tidur menghadap dinding sebelah kiri. Katil dengan dinding tu cuma dalam sekaki macam tu. Aku tidur tangan kiri alas kepala, tangan kanan terjantai tepi katil.

Jadi masa tidur tu aku rasa macam tangan kanan kena cuit beberapa kali sampailah aku betul-betul rasa memang aku kena cuit. Waktu tu fikir anak kejut nak kencing agaknya. Sekali bila buka mata, betul-betul depan mata aku ada sesuatu.

Disebabkan cahaya samar-samar, aku cuma nampak rambut dia yang kusut mengembang bergerak dari depan muka aku ke hujung kaki sambil mengilai.

Aku dengar hilaian dia tu bingit. Macam berdesing, lepas tu baru jelas. Dia seolah-olah suka sebab berjaya kejut aku bangun. Itulah agaknya dia ngilai.

Aku pejam mata nak baca apa pun semua dah lintang pukang. Nak gerak badan pun tak mampu dah. Kaki rasa sejuk.

Ada dalam 2 minit bunyi tu berlegar dalam bilik. Bila aku dapat dengar suami aku punya dengkur baru aku perlahan-lahan buka mata.

Nampak saja suami, terus aku pusing badan menghadap anak aku. Aku tidur peluk anak sampai ke pagi.

Bangun pagi tu, jumpalah kawan-kawan. Rupanya bukan aku seorang sahaja yang kena sakat. Ada lagi 2-3 orang yang disakat juga. Sejak daripada peristiwa tu sampailah sekarang, saya jadi tak suka nak jalan-jalan. Tambahan lagi pergi tidur di hotel.

TELEFON PEJABAT

Norhata Idris

Saya di pejabat seorang diri. Semua orang dah balik sebab dah pukul 5 petang. Staf yang terakhir tanya di pintu bilik. "Puan tak balik lagi?"

"Baliklah dulu, saya ada kerja nak habiskan."

"Nanti kunci pintu dan tutup lampu, ya?"

"OK!" jawab aku dengan mata masih menghadap komputer, dan jari laju menaip. Mulut menjawab dan faham pintu yang dimaksudkan. Bagusnya buat kerja tanpa gangguan. Lancar dan cepat pula rasanya. Tiba-tiba telefon berbunyi. Terus tangan capai gagang telepon.

"Assalamualaikum" kataku.

"Hoi! Tak nak balik ke?" Kedengaran suara garau keras dan kasar diikuti hilaian ketawa yang menyeramkan di hujung talian. Terkejut tergamam. Capai tas tangan dan terus lari ke pintu dan balik tinggalkan pejabat. Kerja entah ke mana, pintu dan lampu pun terbiar begitu saja. Sejak tu taubat lahum. Tak nak dah tinggal seorang diri di pejabat.

TELEFON PEJABAT II

Norhata Idris

Ini cerita benar. Berlaku di pejabat lain. Ada seorang pegawai lelaki. Memang selalu balik lambat. Bukan sebab kerja lebih masa tapi habiskan masa menunggu isterinya balik kerja.

Ketika dia duduk di pejabat seorang diri, telefon kerap berdering. Mula-mula dia abaikan saja. Lama-lama tak tahan dengar, dia pun jawab panggilan tu.

Huh! Mengilai bunyi dalam talian. Apa lagi, angkat kakilah jawabnya. Pintu, lampu, semua tak ditutup. Selepas kejadian tu, dia terpaksa duduk jugalah di pejabat lepas waktu habis kerja sebab tak ada tempat lain nak menunggu. Cuma kali ni dah tahu. Kalau berdering bunyi telefon. Jangan angkat!

MELEPAK TENGAH MALAM

Nanu Saleh

Ni pengalaman anak saya semasa di asrama vokasional. Penampakan benda-benda halus di asrama adalah perkara biasa.

Mula-mula masuk sekolah vokasional dulu, selalu nampak cik ponti, pocong dan lembaga hitam.

Pada satu malam, selepas jamuan makan, aku dan kawan-kawan naik ke bilik asrama. Asrama ni 3 tingkat. Bilik aku yang atas sekali. Aku, Zubir dan Sufi duduk berborak sampailah pukul 12 tengah malam.

"Eh aku ngantuklah. AKU pergi tidur dululah" kata sufi.

Zubir dan Sufi pun pergilah masuk tidur. Aku tak boleh tidur lagi waktu tu. Mata masih segar. Aku bangun, pergi ke bawah untuk ambil angin.

Suasana senyap sunyi. Yalah semua dah tidur. Aku berjalan pergi ke sebalik asrama. Ada kerusi dan meja batu di situ. Aku melepak di situ.

Tiba-tiba ada tangan tepuk aku dari balik aku. Kurseangat! Terperanjat aku! Aku toleh si Ikkal rupanya.

"Terperanjat aku, siot! Kau tak tidur lagi ke?" tanya aku pada Ikkal.

"Aku tak boleh tidurlah," kata Ikkal sambil tersengih.

Kami berbual hingga pukul 1.30 pagi dan ambil keputusan untuk balik ke bilik.

"Aku nak gi tandaslah, Anip. Teman aku *tau!*" kata Ikkal pada aku.

"OK!" aku mengiyakan.

Bilik Ikkal di tingkat dua. Sebelah bilik dia tandas. Aku tunggu dekat luar tandas. Lama aku tunggu dia. "Apa lama sangat Ikkal ni masuk tandas? Memerut ke?" fikir aku.

"Ikkal! kau dah sudah ke belum?" aku panggil Ikkal. Berkali-kali aku panggil tapi tidak menyahut.

Aku masuk ke tandas dan perlahan-lahan aku jengah ke dalam tandas. Senyap sunyi. Aku panggil lagi Ikbal. Aku buka satu-satu pintu tandas tapi kosong. Aku jadi pelik. Mana perginya Ikbal ni? Dia dah keluar ke masa aku tunggu dia dekat luar tadi? Takkan aku tak perasan dia keluar? Aku jadi bingung.

Aku pun pergi ke bilik Ikbal. Aku tengok dia tengah baring dekat katil.

"Siot budak ni dah balik bilik rupanya," kata aku

Aku pergi dekat Ikbal. Akukejut dia sambil tepuk-tepuk belakangnya sambil berkata "Ikbal, oi! Bila masa kau balik bilik? Tadi kan kau dekat tandas? Bila masa kau keluar. Aku tak nampak pun kau keluar tandas!"

Ikbal bangun sambil menggosok-gosok matanya yang kelat. Kemudian dia balas "Bila masa aku pergi tandas? Aku dekat bilik. Tidur," kata Ikbal.

Aku tergamam. Terus bulu roma berdiri. Meremang seram sejuk aku dibuatnya. Dengan

siapa aku berborak tadi? Siap teman pergi tandas lagi. Puas aku berfikir.

Malam tu aku tidur dekat sebelah katil Ikkal. Budak yang duduk di katil tu balik kampung, jadi katil tu kosong, dan aku tidur sajarah di situ. Tak beranilah aku nak balik bilik aku dekat tingkat atas. Dibuatnya dia muncul lagi, tak cukup tangga dibuatnya nanti.

TAMPARAN WANITA

Niza Aziz

Ini kisah masa zaman belajar dulu. Waktu tu aku demam sehingga tak larat. Kawan sebilik memang baik hati. Dia beli dan hidang makanan supaya aku makan. Tengah-tengah nak makan tu, salah seorang rakan sebilik, Ann(bukan nama sebenar) tanya— “panas lagi ke badan?”

Aku jawab sambil tunduk, ingat dia dah menjauh dari aku. Rupanya bila aku angkat muka, muka dia sejengkal dari muka aku. Cumanya yang aku tengok tu bukan muka Ann, tapi muka perempuan pucat kebiruan dan rambut panjang.

Sebab terkejut, tindakan refleks aku adalah pergi tampar pipi perempuan tu kuat gila. Perempuan tu berundur dan masuk bawah meja belajar sambil tutup muka. Kawan sebilik aku yang lain semua tergamam.

Bila aku buka tangan yang tutup muka perempuan yang di bawah meja tu, aku tengok itu Ann. Berjurai air mata Ann.

Aku terus minta maaf dan terangkan pada dia. Dah tak jadi makan, jadi macam drama hari

raya pula. Lepas tu, dalam pukul 10 malam, aku pergi tandas.

Berhampiran tandas, terdengar perempuan sedu-sedu menangis di tangga. Aku dah cuak dah, tapi aku beranikan diri pergi jengah. Rupanya Ann tengah telefon *boyfriend* dia. Dia mengadu kena tampar dengan aku tadi kot.

Aku tak tipu, aku nampak muka perempuan pucat tu, sebab tu aku tampar. Aku bukan sengaja nak tampar Ann.

LIF KE TINGKAT 13

Liyana Binti Abdul Manap

Ada satu kejadian misteri berlaku semasa ambil anak umur 4 tahun pulang dari tadika.

Ketika itu adiknya yang umur 2 tahun, aku dukung. Masa kami nak masuk dalam lif untuk naik ke rumah, anak yang umur 4 tahun tanya— “mama, tu siapa?” sambil tunjuk dekat hujung lif.

Aku diam saja sebab masa masuk memang lif kosong. Anak aku tenung saja hujung lif tu tapi bila aku tak bagi respon dia pandang depan. Aku pun membisu sampailah tingkat 13.

Entah siapa yang dia nampak dalam lif tu.

PERPUSTAKAAN UNIVERSITI

Fatin Nasuha Liez

Waktu tu aku kerja dekat salah satu perpustakaan di sebuah universiti. Perpustakaan ni ada banyak unit. Aku bertugas di unit rujukan. Segala tesis dan bahan rujukan ada dalam unit tu.

Perpustakaan tempat aku bertugas ni seram sikit bagi aku. Mula-mula masuk unit rujukan ni lagi dah seram. Pejabat dia suram gila. Staf dalam tu hanya 3 orang, termasuk aku dan bos.

Dalam masa aku kerja selama 2 tahun di situ, banyak kejadian seram terjadi. Salah satunya, ada sesuatu yang seru nama aku.

Hari tu hari jumaat. Kakak yang kerja satu unit dengan aku ni, kena bertugas jaga kaunter di tingkat bawah waktu solat jumaat. Jadi aku seorang dirilah dekat dalam unit tu.

Tengah aku ralit layan lagu dan main media sosial, tiba-tiba ada yang seru nama aku.

“Tinnn... Tinnn...”

Dahlah dinding pembahagi pejabat ni tinggi. Cara dia panggil aku tu macam sambil dia menyorok.

Seram betul masa tu. Punyalah nak pastikan balik, jadi aku pasang telinga untuk dengar betul-betul. Kemudian dengar dengan jelas seruan nama aku tu.

Aku nak lari, tak terlari. Jadi, aku duduk saja dekat meja kerja aku tu dan terus telefon kawan aku dari unit lain suruh datang cepat-cepat. Kawan aku ni pula liat nak datang padahal unit dia di sebelah saja.

Dalam hati ni dah berkata— “Janganlah kau muncul, wahai setan!”

Alhamdulillah benda tu tak muncul.

Bila kawan aku sampai, terus aku ikut dia ke unitnya. Nak dijadikan cerita, sebelum aku kena rupanya bos aku dah pernah kena dulu.

KAWAN BERKEBAYA

Fiefie Fieya

Saya nak kongsi beberapa cerita seram yang pernah saya lalui. Pengalaman ni semasa belajar di sebuah kolej kerajaan di utara tanah air.

Kejadian pertama, kawan histeria. Setelah penat memujuk benda yang merasuk tu tinggalkan kawan, kami terjanji pada benda tu akan teman dia nanti tinggal dekat rekreasi berhampiran. Setelah sebulan berlalu, ingat dah tak ada apa berlaku. Rupanya belum selesai.

Suatu hari kami pergi *jogging* di taman rekreasi tu dan balik hampir maghrib. Benda tu ikut kami balik ke hostel. Biasalah budak-budak hostel mandi tengah malam. Tengah seronok mandi, dongak ke atas, terkejut penuh kepala di atas.

Saya terus balik bilik dengan sabun di kepala dan sambung basuh dekat singki dalam bilik. Malam tu tidur, dia datang geletek kaki. Bila bangun nak panggil kawan yang tidur di katil atas, tertengok dekat pintu ada sesuatu yang menyerupai kawan baik seorang lagi. Ia pakai kebaya macam nak pergi kelas, berdiri dekat pintu, tengah melambai panggil, suruh ikut dia.

Saya ajak kawan yang tidur di katil atas tu teman tidur. Terkebil-kebil kawan tu turun teman tidur dalam keadaan tak tahu apa-apa. Pagi tu dah bangun dan siap nak ke kelas, baru cerita dekat dia.

Kejadian kedua, orang semua balik cuti semester. Saya dan kawan baik saya balik hostel awal 2 hari dari kawan-kawan lain. Usai balik dari “berjimba”, kami sambung berborak sambil seronok bergurau dengan kawan sampai lewat malam.

Tiba-tiba ada suara menjerit panggil nama saya 3 kali dari bawah blok. Kami terus terdiam. Kami saling memandang dan salah seorang bertanya— “*hang ada dengaq apa yang aku dengaq?*”

Suara tu seakan-akan suara kawan kami dari Melaka, tapi dia belum pun balik dari cuti. Apa lagi, tarik selimut dan tidur berpelukanlah kami pada malam tu.

Kejadian ketiga, saya pemilik rambut panjang melepasi lutut waktu tu. Malam tu kawan di tingkat bawah buat *study group* di pondok bawah blok yang terletak bertentangan dengan blok kami.

Mereka belajar sampai lewat malam sebab masa tu dah hampir dengan peperiksaan.

Nak dijadikan cerita, budak-budak ni tertoleh ke blok saya. Mereka tuduh saya berdiri di hujung koridor sambil bermain-main rambut yang terurai dan pandang tepat ke arah mereka.

Mereka kata mereka panggil-panggil, saya buat bodoh. Esoknya sewaktu di kelas, saya dimarahi mereka, konon-kononnya saya bergurau tak kena masa. Saya mati-mati sangkal sebab saya masuk tidur awal malam tu.

Apa yang mereka nampak tu bukan saya.

RUMAH DALAM HUTAN

Nanu Saleh

Pada suatu hari, sewaktu cuti sekolah aku bersama kawan-kawan menunggang motosikal untuk pergi meronda-ronda sekitar kampung berdekatan.

Masa tu pukul 8.45 malam. Kami berlima. Tengah meronda tu, Abu mendepakan tangannya dan menyuruh kami berhenti.

"Eh, kau orang nak pergi cari hantu, tak?" Abu bertanya pada kami.

Kami berpandangan sesama sendiri sambil mengangkat bahu.

"Aku tahu satu tempat keras ni. Dekat kampung inilah," kata Abu.

"Jomlah! Apa nak takut?" kata Abu lagi.

Abu pun jalan dulu, dan yang hanya lain mengekorinya sahaja. Sampai dekat satu tempat ni, Abu memberhentikan motosikalnya. Kami pun turut berhenti. Kawasan tu macam hutan kecil, jauh dari rumah penduduk kampung.

"Kat mana tempatnya, Abu?" Fendi bertanya pada Abu.

"Tu!" Abu menunding jarinya ke dalam hutan kecil itu.

"Kat dalam tu ada rumah kosong. Aku dengar tempat ni keras ooo. Jomlah! Apa tunggu lagi" kata Abu mengajak kami masuk ke dalam rumah kosong itu.

"Aku tunggu sinilah. Jaga motor," kata aku. Aku sebenarnya malas nak redah semak samun tu malam-malam buta ni.

"Apa kau ni, Nip? Kau takut ke?" Abu mengejek aku.

"Mana ada," jawab aku.

"Anip takut tu..." kata Fendi sambil ketawa-ketawa kecil.

"Anip penakut... Kau punya tu pendek eh, Nip" Abu mengejek aku.

Kurang ajar budak ni.

"Aku tak takut pun. Sebenarnya aku malas nak redah semak tu, nanti miang gatal, kotor seluar aku," aku membela diri.

Dia orang ketawakan aku. Aku buat tak tahu saja.

"Eh, jomlah kita masuk," Abu mengajak yang lain.

"Kau jaga motor kami ni tau! Kalau kau takut seorang diri dekat sini, boleh saja ikut kita orang," kata Fendi sambil ketawa kecil.

"Cakap besar..." kata hatiku.

Mereka berempat pun masuklah ke rumah kosong tu dengan berbekalkan cahaya dari telefon dan cahaya bulan. Aku pula layan Facebook sambil menjaga motosikal mereka.

Sedang aku leka melayan Facebook. Aku tengok jam di telefon, ia menunjukkan pukul 9.30 malam. Dia orang ni dah masuk setengah jam tapi tak keluar-keluar lagi ke. Hatiku mulai risau.

Senyap sunyi kawasan tu, hanya kedengaran bunyi cengkerik dan katak saja. Aku

telefon Fendi tapi tak dijawab. Aku telefon pula Abu, pun tak dijawab. Aku mula risau.

"Mana budak-budak ni? Menyusahkan aku sajalah," bentak hatiku.

"Malasnya nak masuk," kataku tapi mak tak nak, kenalah masuk nak tengok apa yang berlaku. Perlahan-lahan aku masuk ke dalam kawasan rumah kosong tu.

"Abu! Fendi! Acap! Hairi!" aku memanggil tapi senyap sunyi tiada sahutan

"Mana budak-budak ni," kataku dengan perasaan yang mula risau.

Apabila aku masuk ke dalam rumah tu, aku suluh guna lampu dari telefon. Aku nampak budak 4 orang tu dah terbaring di lantai. Aku segera pergi dapatkan dia orang.

"Lah... pengsan rupanya. Haaa, tu lah tadi ejek aku penakut. Sekarang tengok siapa yang penakut? Padan muka. Berlagaklah lagi," kataku sambil tersenyum.

Tiba-tiba daun pintu menghala ke bilik terbuka dan katup sendiri. Aku cuak tengok pintu tu. Kemudian angin deras masuk ke dalam rumah. Aku nampak satu lembaga baju putih lusuh dengan rambut panjang hingga ke lutut, mata merah.

"Kau jangan ganggu kawan-kawan aku!" kataku pada lembaga tu.

"Lepaskan dia orang" kata aku lagi.

Pontianak tu pun mengilai. Berdesing telinga aku mendengar hilaian cik ponti.

"Dia kacau tempat aku!" kata ponti dengan suara yang garau dan kesat. Aku mulakan baca Al-fatihah dan ayat kursi. Dalam hati mohon dengan allah supaya menolong aku. Aku pun azan.

"Allahhuakbar! Allahhuakbar!"

Pontianak tu menjerit dan terbang entah ke mana. Dah selesai azan, aku pun dapatkan kawan-kawan aku. Aku kejut kawan-kawan aku ni tak bangun-bangun...

Aku tampar-tampar pipi mereka, aku goncang-goncang badan tak bangun juga. Macam

mana ni? Aku mencari akal macam mana nak bawa keluar kawan-kawan aku ni.

Nampak gayanya terpaksa aku heret seorang demi seorang keluar dari sini. Aduh, macam mana nak angkat? Takkan nak pikul kot?

Aku cuba angkat Fendi. Mak aih, berat nak mampus budak ni. Makan apa agaknya? Aku letak balik Fendi ke lantai. Kepala aku serabut memikirkan bagaimana nak bawa keluar kawan-kawan aku ni.

Ah! Apa ada hal? Heret sajalah. Dia orang bukan sedar pun. Aku pun angkat kaki Fendi dan berjalan keluar menuju ke tepi jalan. Nasib kau oranglah. Kepala masing-masing kena batu ke, langgar pokok ke, kena akar kayu ke, lantaklah. Siapa suruh buat hal.

Setelah selesai aku keluarkan keempat-empat kawan aku tu, aku terbaring kepenatan. Tak lama selepas itu aku ada ternampak satu cahaya motor datang menuju ke arah kami.

Berbekalkan baki tenaga yang tinggal, aku gagahkan diri untuk bangun untuk mendapatkan

bantuan. Aku tahan motosikal tu. Nampak seorang pakcik yang hendak pergi kerja gayanya.

"Pakcik! Pakcik! Tolong saya," kataku dengan suara yang termengah-mengah.

"Kenapa ni? Apa kau orang buat dekat sini?" pakcik tu bertanya.

Aku pun jelaskan dengan panjang lebar pada pakcik tu. Pakcik dengar sambil geleng-geleng kepala.

"Tolong saya pakcik. sedarkan dia orang ni. Tolong, pakcik," aku merayu pada pakcik tu.

Pakcik tu kemudian mengambil bekal airnya dan menuju ke arah kawan-kawan aku. Dia menuang sedikit air ke telapak tangan sambil mulutnya membaca ayat-ayat Al-Quran dan disapu ke muka kawan-kawan aku. Seorang demi seorang sedar dari pengsan.

"Lain kali jangan nak tunjuk hero sangat. Jangan buat yang bukan-bukan. Tak ada faedah langsung. Dah! Pergi balik!" sergah pakcik tu.

Terangkat bahu kawan-kawan aku. Terkejut nampak hantu belum hilang, kena sergah pula pakcik tu. Padan muka.

Aku mengucapkan terima kasih pada pakcik tu sebelum dia berlalu pergi. Kawan-kawan aku segera mendapatkan aku untuk berterima kasih. Tiba-tiba aku terhidu bau hancing dekat tangan dan baju aku.

"Siotlah kau orang ni. Habis aku bau air kencing kau orang. Teruk betul lah!" jerit aku.

Tak tahulah tu siapa punya angkara, sebab empat-empat terus cepat-cepat menghidupkan motor dan memecut laju meninggalkan aku. Tak guna punya kawan!

Itulah, lain kali jangan cakap besar, jangan perlekeh orang, Padan muka dia orang.

LALUAN BUKIT LENGKOK

Don Firdaus Halim

Aku nak kongsi kisah seram aku yang mengubah kepercayaan aku wujudnya benda ghaib. Sebelum ni aku tak percaya. Setelah terjadi pada diri aku sendiri, barulah aku tahu apa yang diceritakan oleh orang tu memang wujud.

Bukit Lengkok— kisah bermula lepas SPM tahun 2002. Dah lama berlalu tapi masih lekat dalam fikiranku sampailah ke hari ini.

Aku dengan kawan aku ni memang suka ronda-ronda naik motor. Tak kiralah pagi atau malam, jika ada masa kami akan meronda. Kadang-kadang tanpa hala tuju, tapi satu malam tu kami merancang nak pergi main snooker di Berapit, Bukit Mertajam.

Laluan dari Taman Selasih Kulim ke Berapit adalah laluan paling dekat dan senang, cuma perlu melalui satu kawasan yang boleh dikatakan terkenal jugalah dengan cerita-cerita seram, iaitu Bukit Lengkok.

Darah muda, bukan tau takut masa tu. Awal dalam pukul 8 malam kami melalui jalan tu masa tu

OK lagi. Sampai di pusat snooker tu mainlah dua tiga kali lepas tu dah jemu. Keluar dari pusat snooker tu polis tahan betul-betul di jalan keluar. Polis minta kada pengenalan dan lesen walaupun kami baru ja naik motor.

"Mai mana ni, dari Taman Selasih ka?" tanya polis yang menahan kami.

"Ya, pakcik. Kami duduk Taman Selasih."

"Hangpa mai sini lalu Bukit Lengkok tak takut hantu ka?" usik polis tu.

"Hantu pun tengok kami takut, pakcik" jawab aku spontan.

Selepas urusan soal siasat dan penyerahan semula kad pengenalan dan lesen, kami pun sambung meronda sampai ke Penang.

Jam pukul 3 pagi, ketika aku dan kawan aku dalam perjalanan pulang, kami menyanyilah dari satu lagu ke lagu yang lain untuk menghilangkan rasa sunyi ketika melewati kawasan Bukit Lengkok.

Buat pengetahuan, kawasan ini dipanggil Bukit Lengkok sebab di situ banyak selekoh. Di

selekeh pertama dan kedua, masih berkumandang suara kami yang sumbang. Namun, masuk sahaja selekeh ke-3, aku mulai rasa lain macam. Sejuk gila. Kawan aku yang membonceng di belakang terdiam. Dia semakin rapat kepada aku.

Tak semena-mena aku tertoleh dan terpandang satu makhluk yang terapung antara jalan dan bukit. Masa bagai terhenti seketika.

Dari samar sinar bulan malam tu, aku boleh lihat rambut mengurai tanpa wajah dan berjubah labuh koyak rabak. Jubahnya bertanah dan ada kesan darah di merata-rata. Kuku panjang dan tajam. Tangannya seolah melambai-lambai memanggil kami berdua. Ia terapung, bumi tak di pijak.

“Allahhhhhhhhhh...” laung aku.

Kawan aku memeluk badan aku dan menjerit "laju Bob, laju!"

Ditoreh tak berdarah rasanya masa tu. Sepantas kilat aku memulas minyak motosikal. Berdesup kami beredar dari situ. Sempat aku lihat makhluk yang terapung tadi, menoleh ke arah kami berdua. Rambutnya kusut masai terawang-awang.

Selekoh yang banyak bukan lagi masalah, yang penting kami jauh dari mahluk tersebut. Alhamdulillah kami selamat sampai di kedai mamak di kawasan perumahan aku. Kami terdiam dan mengelamun. Tak berani balik rumah lagi.

Esoknya kami demam. Menyesal aku cakap besar pada pakcik polis tu.

DOKUMEN YANG HILANG

Siti Nor Fazidah Chik

Teringat peristiwa ni yang beberapa tahun lepas. Masa tu hujung tahun dan tengah sibuk buat persediaan nak daftar anak masuk sekolah.

Ketika nak sediakan dokumen-dokumen anak untuk pendaftaran, saya cari fail surat-surat kelahiran anak dekat meja tapi tak jumpa. Saya geledah almari di bilik pun tak jumpa juga. Seluruh bilik saya dah selongkar, cari punya cari tak jumpa langsung.

Setelah penat mencari, saya rehat sekejap di atas katil. Tengok-tengok atas katil pun tak ada. Memang tak ada lah, sebab fail sijil anak di atas katil sebab tak pernah biarkan dokumen-dokumen penting sepah merata-rata.

Dah puas rehat, sambung cari lagi fail sijil dalam almari, masih tak jumpa. Lepas tu bila dah penat mencari, hati pun mula risau memikirkan bagaimana nak daftar anak sekolah jika fail sijil anak dah hilang.

Memang buntu otak. Dah cari seluruh tempat, masih tak jumpa. Alih-alih bila toleh saja,

elok saja fail tu ada dekat atas katil, padahal tadi memang tak ada.

Ya Allah! Berderau darah, antara rasa bersyukur seronok sangat-sangat sebab fail tu dah ada, dan rasa seram fail tu tiba-tiba muncul di tempat yang dah dicari tadi.

Nak kata ada orang letak, memang tak ada sesiapa. Saya seorang diri saja ketika tu tengah berserabut memikirkan fail sijil anak. Memang misteri sangat-sangat. Sampai sekarang tak tau macam mana fail tu tiba-tiba muncul atas di atas katil sendiri.

PELAWAT TENGAH MALAM

Umami Hani

Saya pernah ada pengalaman dilawati 'makhluk' semasa bermalam di wad CCU HKL beberapa tahun lepas, walaupun saya dah bersiap sedia dari maghrib dengan zikir.

Dia muncul bila saya terlelap sewaktu transfusi darah di waktu tengah malam. Alhamdulillah, oleh kerana *blood pressure monitor* yang dipasang sepanjang masa tu mengeluarkan bunyi amaran, maka jururawat pun berlari ke katil saya.

Tekanan darah saya melonjak agaknya bila nampak 'pelawat' berbaju putih tu. Pelawat tu ghaib sebaik sahaja jururawat tu sampai.

TETAMU SENJA

Nabila Husna Nurul Aini

Kisah masa sekolah rendah. Masa tu darjah 2 kalau tak silap, tahun 1996. Kami balik rumah tok dekat Changkat Ibol, Bukit Gantang. Waktu maghrib, saya main dengan sepupu-sepupu dalam rumah tok. Tiba-tiba dekat luar rumah, saya nampak kepala berbungkus. Cik cong.

Memang pelik, punyalah tinggi cik cong tu melompat. Lampu dekat luar masa tu tak dinyalakan. Jadi, memang gelap luar rumah. Takkan saya seorang saja nampak, tengok sepupu-sepupu lain main macam tak ada apa-apa berlaku. Perasaan ingin tahu kuat, saya pergi petik suis lampu luar.

Aik? Tak ada apa-apa pun di luar. Siap buka pintu lagi untuk tengok. Lepas daripada tu, saya matikan balik lampu luar. Cik cong tu pun munculkan diri balik. Nasib naik kepala dia semua bertutup. Kalau dia tunjuk muka, mahu pengsan dibuatnya. Saya memang garu kepala masa tu (kehairanan)

Lagi satu, saya ingat, saya tidur betul-betul depan pintu depan rumah tok. Asap banyak keluar

dari lubang pintu bawah. Dahlah saya seorang saja tidur dekat situ. Mak, ayah dan adik-adik lain balik rumah masa tu.

Yang ada: tok, tokwan, pak sedara, mak sedara dengan anak dia seorang tidur di ruang tamu. Lampu semua dimatikan. Memang rasa sejuk sangat masa asap tu ada. Akhirnya, saya lari pergi masuk bilik tok. Tidur sekali. Banyak lg sebenarnya saya alami.

MESIN JAHIT EMAK

Laila Ramli

Saya anak askar. Kisah ni berlaku masa saya kecil dulu sewaktu tinggal di Kem Majidee, Johor Bahru.

Arwah Abah ranking biasa saja, jadi diberi tempat tinggal di rumah panjang atau di flat 4 tingkat. Rumah yang kami duduk tu ada 6 pintu, tapi kami dapat 3 pintu. Saya dan kakak dapat 1 bilik. Masalahnya bilik tu Mak letak barang-barang dia juga, termasuk lah mesin jahit pesen lama yang guna kaki tu.

Punyalah dah lama mesin tu mak tak gunakan, sampai menebal habuk. Kami tak berani nak usik sebab takut rosak. Mak kita orang garang.

Semuanya OK, sehinggalah suatu malam tu. Tengah syok-syok kami tidur, tiba-tiba kami terbangun sebab mesin jahit mak berbunyi. Bunyinya macam orang sedang menjahit, siap dengar bunyi gunting lagi.

Mesin tu berbunyi dalam keadaan gelap pekat tau. Nasib kami tidur dalam kelambu. Rasa macam ada sikit pelindung di situ. Hehe! Walau

bagaimanapun macam nak terkencing kami dalam gear. Nasib bunyi tu dalam 1 jam saja. Berpeluh!

Esoknya bila beritahu pada Mak, dia cuma cakap “Oh, dah pindah bilik hujung pula ke? Dulu dekat ruang tamu. Masa nak lelap tu lah dia orang nak mengemas. Habis disorong tariknya kerusi meja dekat ruang tamu tu.”

“Baca 3 Qul dan Bismillah sebelum tidur,” itu saja yang Mak pesan.

Dari situ Mak pun buka cerita. Berek ni dulu hospital masa zaman Jepun. jadi banyaklah yang dah mati dalam rumah yang kita duduk ni. Dulu, di sepanjang berek 6 pintu ni tak ada partition. Bila Malaysia dah aman, dia orang kekalkan bangunan lama ni.

Padanlah dekat rumah ni banyak singki basuh tangan.

Mulai dari hari tu, kita orang buat tak tahu sahaja bila dengar bunyi yang tak sepatutnya. Sewaktu kami pindah ke flat 4 tingkat, ada pula yang mengikut.

STOR DEWAN BEDAH

Wardina Masiran

Peristiwa ni baru saja terjadi pada saya. Saya dapat panggilan kes kecemasan pada pukul 1 pagi. Saya kerja dalam dewan bedah sebagai *runner*. Siapa yang jadi runner dalam dewan bedah memang tahu kerja tu. Memang selalu kena *run* saja lah.

Masa tu dah nak dekat habis pembedahan, saya nak ambil barang-barang yang terletak di bilik stor. Saya seorang diri di situ, tengah tekun mencari-cari barang, tiba-tiba saya terdengar ada suara macam orang tarik nafas ketika selsema tu.

Kuat betul-betul bunyi tu di belakang saya. Memang tak pikir panjang, terus pusing belakang dan lari tak cukup tanah jadinya. Dalam stor tu memang hanya ada saya sahaja. Mana datang bunyi tu?

BUKAN ANAK SAYA

Zuliana Mohd Tahir

Saya ada dua cerita.

Pertama, saya dalam perjalanan nak masuk ke dalam kereta untuk pergi membeli-belah, tiba-tiba terdengar suara anak panggil dari arah pintu rumah. Bila saya paling ke arah pintu, tak ada pun anak di situ.

Saya pusing semula ke kereta, terdengar lagi sekali suara anak. Bila tengok sekali lagi, memang pasti tak ada sesiapa. Jadi, saya buat tak tahu sajalah.

Kedua, ketika saya tengah gosok baju, nampak dari ekor mata kelibat budak keluar dari bilik dan menuju ke dapur. Saya ingatkan anak bangun tidur, terus ke dapur.

Saya pun tunggulah juga anak buka lampu dapur. Sampai siap gosok baju, dapur masih bergelap. Bila saya pergi ke dapur, tak ada orang pun. Masuk bilik anak tengah tidur lena lagi.

BILIK ISOLASI COVID-19

Azie Amy

Masa kuarantin COVID, saya diletakkan dalam bilik seorang diri di wad hospital. Masa mula-mula masuk tu tak ada rasa apa-apa, tapi masuk hari kedua mula rasa tak selesa. Rasa macam sukar bernafas. Jadi, setiap beberapa jam ada jururawat masuk untuk periksa.

Malam tu ada seorang jururawat datang. Saya pelik sebab dia tak pakai baju PPE. Dia cakap dia kasihan pada saya yang sakit. Dia beri petua, lepas tu saya tidurlah. Saya ingat itu jururawat yang terakhir datang, maka saya tutuplah lampu.

Tak berapa lama selepas itu, ada orang ketuk pintu, tengok-tengok rupanya jururawat, tapi jururawat lain.

Jururawat tu tanya saya, "Puan OK, tak? Tadi saya nampak puan macam cakap seorang diri."

Aduh! Menangislah saya satu malam sebab tak ada siapa boleh teman. Rasa macam nak lari dari hospital. Tiap-tiap minit tekan loceng panggil jururawat, walaupun tak ada apa-apa.

PERIUK BELANGA

Nur Naina Medina

Tahun 2007, saya bekerja di Petronas. Bos saya dah sediakan bilik sewa yang siap ada tandas dan dapur sekali.

Pada satu hari tu, saya dan sepupu-sepupu pakat nak pergi keluar jalan-jalan. Kami bersiaplah 4 orang ni sambil sembang-sembang dan gelak-gelak. Tiba-tiba saya terdengar bunyi periuk belanga jatuh ke lantai.

Saya yang bangun pergi tengok, sebab saya yang dekat dengan pintu dapur. Bika tengok, saya jadi pelik sebab tak ada apa yang jatuh pun. Elok saja periuk kualiti tu tergantung. Yang hairannya saya tengok sepupu saya semua macam tak dengar apa-apa, malah mereka tengok saya dengan pandangan yang pelik.

Lepas tu masa saya nak duduk, saya dengar suara nenek tua di dapur dia cakap— "haaaaaa mahu pergi mana tu? Berjalan ja kerja kamu, ya? Kamu tengoklah nanti, mesti ada sesuatu yang jadi!"

Saya rasa seorang saja yang dengar sebab sepupu saya semua elok ja bersembang dan gelak-gelak. Saya diamkan diri masa tu tak bagi tau apa-apa pada mereka sebab takut mereka gelakkan saya.

Selepas kejadian tu, saya selalu diganggu dan dengar orang panggil nama saya dengan sayup-sayup di balik tingkap dapur. Sampai sekarang saya tak nak jejak lagi ke rumah sewa tu. Biasa lalu kawasan situ tapi tak nak tengok pun tempat tu. Takut-takut "dia" kenal saya.

INSIDEN KETIKA BASUH BAJU

Nanu Saleh

Kejadian ni masa aku dah setengah tahun masuk sekolah asrama.

Ada suatu hari ni, aku keletihan sangat sebab banyak kerja sekolah dan kerja bengkel. . Memang banyaklah. Selepas balik dari surau sembahyang maghrib berjemaah, aku baring di atas katil untuk merehatkan badan yang terlalu letih. Mata pun dah kuyu, punyalah mengantuk.

Tiba-tiba teringat ada baju kotor dah 3 hari tak dibasuh. Aarrgghh, malasnya nak turun bawah basuh baju. Dengan malasnya aku pun bangun dan mengambil sebakul baju kotor untuk dibasuh.

Aku masukkan baju dalam mesin basuh, tuang sabun, dan hidupkan mesin basuh. Nasib mesin jenis automatik senang sikit. Aku malas nak tunggu baju tu siap basuh, aku naik ke dorm.

Sampai sahaja dorm, aku terus merebahkan badan ke atas katil. Oleh kerana terlalu mengantuk, aku terus terlelap. Tak lama selepas tu, Tiba-tiba aku terjaga dari tidur dan teringat baju aku yang

berada dalam mesin basuh masih belum dikeluarkan dan disidai lagi.

Aku tengok jam di dinding dorm menunjukkan pukul 1.30 pagi. Aku berkira-kira sama ada nak turun ke tidak. Malas, tapi ada baju yang aku nak pakai pagi nanti.

Mata aku terkebil-kebil melihat kawan-kawan aku yang kesemuanya sudah tidur. Ah, turun sajalah! Aku dengan segera turun ke bawah menuju ke mesin basuh yang berada di tepi bangunan asrama.

Suasana sunyi sepi, hanya kedengaran bunyi cengkerik meriuhkan suasana. Sedang aku keluarkan baju dari mesin basuh tu, aku terhidu bau busuk seperti bangkai. Aku tercari-cari di mana datangnya bau tu. Aku cium baju aku, bau sabun. Dari mana pula datangnya bau bangkai malam-malam buta ni?

"Bau bangkai tikus kot," kata aku untuk menyedapkan hati.

Setelah selesai mengeluarkan baju dari mesin basuh, aku angkat bakul untuk pergi sidai baju di ampai. Sekali aku toleh ke depan,

terbutang biji mata aku. Serta-merta nafas dan jantungku terhenti.

"Aa... aa... aa..." suara rasa tersekat. Rasa lemah terus kaki aku. Kaki nak digerakan rasa begitu berat, macam ada batu.

"Aaarrgghh! Pocong! Aaa!" aku campak bakul baju, dengan laju aku berlari macam Kamen Rider dan terus melompat naik tangga. 2-3 langkah saja naik tangga tu dah sampai atas.

Masa dah nak sampai dorm tu, ada pula Cik Ponti duk berdiri dekat tepi lokar rosak di tepi tangga tu.

"Aaaa!" aku menjerit sambil berlari terus masuk ke dorm lalu menutup pintu. Terus aku melompat atas katil, dan tutup kepala aku dengan bantal. Macam nak Meletop jantung aku. Kawan-kawan aku satu dom semua terjaga sebab dengar aku menjerit dan menghempas pintu dom.

Sufi datang dekat aku— "Oi, Nip! Kau ni kenapa terjerit-jerit malam-malam buta ni?" Sufi bertanya.

"Ada... ada... han... han... tuu... tuu..."
tergagap-gagap aku menjawab.

"Dekat mana?" Sufi bertanya lagi.

"Sana... sana..." kata aku sambil tangan aku
menunjuk ke luar.

"Kau pergi mana malam-malam buta ni?"
Tanya Sufi.

Aku diam. Fikiran aku berkabus seketika.
Jantung aku berdenyut kencang. Turun naik dada
aku. Aku mengatur balik nafas aku. Menggigil
seluruh badan aku.

"Dahlah, pergi tidur. Malam-malam merayap
buat apa?" kata Sufi.

Aku terus baring dan tutup kepala aku
dengan bantal. Entah bila aku terlelap.

Kedengaran azan subuh, dan aku terjaga.
Dengan malas, aku bangun dan duduk di tepi katil.
Aku meraup rambut aku ke belakang sambil
mengingatkan kejadian malam tadi.

Alamak, baju aku! Terpaksalah turun ke bawah untuk mengambil baju aku yang dah berterabur di atas lantai. Masuk balik dalam mesin basuh dan cuci semula. Celaka!

BERKELAH DI GUNUNG LEDANG

Balqis Yusoff

Pengalaman ketika kami mandi dekat Gunung Ledang. Tak jauh dari tempat saya berenang dengan suami, ada satu keluarga yang ada 3 orang anak. Paling kecil mungkin umur 4-5 tahun.

Anak yang paling kecil tu sedang bermain-main air sambil diawasi maknya. Tiba-tiba budak kecil tu peluk mak dia kuat-kuat sambil nangis dan pejam mata.

"Ibuuu ada hantu! Ada hantu!" katanya.

Saya pun apa lagi, cepat-cepat ajak suami balik. Rasa meremang juga waktu tu.

SIAPAKAH DIA?

Aliftoharo Athhar

Kisah benar di sebuah sekolah luar bandar di negeri Johor. Sekolah tersebut terletak di hadapan kubur di atas sebuah bukit. Kubur itu dapat dilihat dengan jelas dari sekolah.

Cikgu Azman sering bekerja seorang diri hingga lewat malam bagi menyiapkan projek robotiknya. Kadang kala sehingga jam 2 pagi.

Setiap malam dia akan duduk berteleku seorang diri di bilik robotik. Bilik robotik ini terletak di hujung bangunan di tingkat dua. Di sepanjang laluan ke bilik ini tiada lampu menyinari kerana terdapat litar pintas yang menyebabkan lampu di keseluruhan laluan kaki lima tingkat tersebut terbakar. Namun demikian, hati Cikgu Azman agak keras. Jadi, dia dengan selambanya bekerja seorang diri.

Pada satu malam. Ketika dia sedang khusyuk menyiapkan projeknya, tiba-tiba dia terdengar bunyi derapan tapak kaki dari balik tingkap yang ditutupi dengan langsir. Lalu, Cikgu Azman pun menyapa sambil menoleh sedikit

mukanya ke belakang kerana dia duduk membelakangi tingkap tersebut.

"Siapa tu?" tanya Cikgu Azman.

Tiada jawapan. Hanya bunyi penghawa dingin sahaja yang memenuhi ruang malam. Bunyi derapan itu masih terus kedengaran dan semakin menghampiri ke tingkap tersebut. Cikgu Azman menyapa sekali lagi dengan suara yang lebih kuat.

"Siapa tu?"

Masih sama. Tiada jawapan. Lalu, Cikgu Azman bangkit bagi menyelak langsir pada tingkap tersebut. Dengan langkah berhati hati sambil mendengar bunyi derapan tapak kaki tadi dia menyingkap langsir tersebut.

Tiada apa yang dilihat. Hanya satu laluan kosong kelam kelam di bawah rembang rembulan yang dilitupi awan mendung. Cikgu Azman menyoroti laluan tersebut dengan matanya hingga ke hujung laluan yang gelap.

Hatinya berdebar. Tertanya apakah bunyi yang didengarnya tadi sekadar khayalan. Dengan

keadaan yang masih berteka-teki, dia menutup semula langsir tersebut.

Tiba-tiba dia terdengar bunyi seakan kerincing di balik langsir. Dengan pantas Cikgu Azman menyambar semula langsir bagi melihat di balik langsir tersebut. Terkejut seketika dia apabila Encik Salim pengawal sekolah rupa-rupanya yang sedang membuat rondaan. Lega rasa di hati Cikgu Azman.

Namun, tiada senyuman dan tiada bicara yang dilontarkan oleh Encik Salim. Malah, dengan senyuman sinis, pengawal tersebut terus berlalu ke arah laluan gelap hingga ditelan kegelapan malam di hujung bangunan.

Cikgu Azman melihat jam di tangan. Sudah menunjukkan jam 2.00 pagi. Lalu dia pun segera mengemas barang dan berlari-lari kecil menuruni tangga menuju ke kereta. Ketika melalui pintu keluar, sempat lah dia menyapa seorang lagi pengawal di pondok keselamatan.

"Bang, tadi saya nampak Abang Salim dekat atas tengah meronda. Tolong pesan pada Abang Salim, lain kali bersuara sikit. Buat terkejut orang

saja. Jadi macam hantu pula." ujar Cikgu Azman berseloroh.

"Cikgu Azman, Abang Salim cuti. Dia melawat saudara di kampung. Mana ada Abang Salim buat rondaan hari ni."

Cikgu Azman sangat terkejut. Kepalanya terasa berpinar. Namun dia terus memandu kereta keluar dari pekarangan sekolah.

Ketika melintasi kawasan perkuburan di hadapan sekolah, samar-samar dalam kelam malam di pondok di hadapan perkuburan dari jauh dia ternampak Abang Salim seakan tersenyum padanya. Cikgu Azman tak berkata, hanya meneruskan perjalanan pulang dengan gundah semakin beraja dihatinya. Terasa seram sejuk dan terus pulang.

JALAN JABOR KE LPT

Ainul Mardahiah

Kisah terjadi beberapa tahun lepas. Selepas kenduri kesyukuran menyambut menantu di rumah Abang Bo jam lebih kurang jam 9.30 malam, kami bersiap-siap nak bertolak balik ke KL. Sampai di Petronas Cherating, kami mengantuk dan sempat tidur kejap dalam kereta sebab badan penat sangat.

Kemudian Terjaga lebih kurang jam 11.45 malam, terus sambung perjalanan. Kami sama-sama mamai tapi terpaksa gerak juga sebab dah lewat malam. Melalui Jabor menuju ke LPT, jalan sunyi. Gelap tak ada lampu jalan. Langsung tak ada kereta. Abang Bo memandu laju di lorong kanan.

Saya nampak ada sesuatu yang melintang jalan tapi Jauh lagi kdi hadapan. Saya cepat-cepat suruh Abang Bo perlahankan kereta dan tukar ke lorong kiri. Abang Bo ikut arahan saya. Dia pandu perlahan betul sebab nak tengok apa yang melintang jalan di lorong kanan.

Saya jenguk kepala dekat cermin depan. Nampak sejelas-jelasnya sekujur jasad yang

berbalut kain kapan lusuh. Kotor, seperti dikotori selut hitam.

“Allahuakbar!”

Hanya kalimah itu yang terucap di bibir saya. Kami terus terdiam. Tiada ayat-ayat suci yang mampu dibaca. Lidah kelu. Allah Allah Allah!

Kisah benar.

Jalan Jabor menuju LPT
Sebelum Plaza Tol Jabor
Jam 12 tengah malam

CAKARAN DAN GEGARAN

Nadia Yusoff

Satu malam masa aku tingkatan 1 di asrama dulu, aku tak dapat tidur. Semua orang dalam dorm dah tidur kecuali aku. Tiba-tiba aku terdengar bunyi kuku yang tajam mencakar kayu lapik tilam di asrama.

Mula-mula dengar di katil hujung belah kanan. Kemudian bunyi itu bergerak dari satu katil ke katil lain sampailah ke katil sebelah. Aku dah seram, sebab aku tahu lepas ini giliran katil aku pula akan kena cakar.

Tapi bila sampai katil aku, modus operandinya bertukar pula, digegarkannya katil aku. Aduh. Bila aku baca beberapa ayat Al-Quran lagi kuat dia gegar.

Akhirnya aku cakap dalam hati, "Aku tak kacau kau, tolong jangan kacau aku."

Terus dia berhenti dan tak ada gegaran dah.

STOR SK GOMBAK

Hidayah MY

Teringat masa aku Darjah 1 di SK Gombak Setia, hari dah petang (hampir maghrib) dan aku sedang menunggu bas untuk pulang ke rumah.

Tiba-tiba aku ternampak satu makhluk masuk ke dalam sebuah bilik. Badannya berwarna hijau tapi seakan lutsinar. Itulah agaknya pertama kali aku nampak toyol.

Bila diingat-ingat balik rasa macam mimpi pula tapi aku yakin itu betul. Tak tahulah apa yang dia buat masuk dalam bilik stor itu.

LALUAN DIA

Nurul Adawiyah

Aku baru beli buku GHOSTPITAL beberapa hari sudah. Memang jadi kebiasaan, anak-anak buah akan datang ke rumah memandangkan aku baru saja kehilangan anak. Tapi kali ini agak aneh.

Hari itu Jumaat, suamiku sedang bersiap-siap untuk sembahyang Jumaat. Aku pula sibuk menyiapkan juadah tengah hari. Sebelum itu aku sempat baca sedikit buku GHOSTPITAL.

Usai masak, aku menjenguk mak mertuaku yang tinggal lebih kurang 10 langkah dari rumahku. Berborak sekejap.

Tiba-tiba dia tanya, "Siapa ada di rumah, Ada? Umi dengar ada suara budak gelak-gelak."

Ah, sudah! Siapa pula yang gelak tengah hari begini? Suamiku tak ada pula ini. Anak-anak buahku pun semua ikut papa mereka di Seremban.

Selepas dari itu, memang lama aku tak baca buku GHOSTPITAL itu.

Untuk makluman, kawasan rumah aku memang laluan dia. Rumah aku dekat dengan sungai. Sungai itu penempatan mereka.

Waktu tengah hari, janganlah keluar. Hilang kau disoroknya. Suamiku pernah hampir saja disorokkan apabila dia terasa sunyi-sesunyinya semasa sedang membersihkan semak samun di sekitar sungai.

FLAT PPR

Noor Rostina Hj Salim

Aku tinggal di sebuah flat PPR berlima dengan keluargaku. Mula-mula duduk okay lagi. Selepas enam bulan, selalu terdengar bunyi perabot diheret dari tingkat atas rumahku. Kadang-kadang macam bunyi tong gas.

Biasanya bunyi ini akan bermula dalam jam 1.30 pagi ke atas. Kadang-kadang bunyi curahan air dalam tandas pada jam 2.30 pagi selama setengah jam. Ada juga bunyi guli jatuh. Aku masih okay.

Tapi kadang-kadang ada juga rasa macam nak pergi naik ke atas dan minta supaya mereka senyap sedikit. Bunyi-bunyian ini selalu terjadi kalau suamiku pergi kerja *shift* malam.

Ada sekali itu, dalam jam 11.30 malam aku dah tidur lepas baca Ayat Kursi dan doa. Tiba-tiba aku rasa sukar bernafas. Aku cuba sebut kalimah Allah, tapi tak berjaya. Tersekat di kerongkong suaraku.

Aku cuba dan cuba lagi, Alhamdulillah akhirnya berjaya. Aku terus bangun dan tengok kiri

kanan walaupun aku tak pakai cermin mata. Aku risau kalau aku pakai cermin mata tiba-tiba aku ternampak 'dia' di depanku.

Bila aku nak baring semula tiba-tiba terdengar suara lelaki berbunyi, "Huarghhhhhhh!"

Pandai dia, aku tak nampak dia bagi dengar suara pula. Aduh. Aku baca balik Ayat Kursi dan aku cakap aku mengantuk nak tidur. Alhamdulillah aku dapat tidur sampai pagi.

Sampai sekarang pun masih ada bunyi-bunyi itu. Kata orang tua-tua, tapak PPR aku ni dulu tempat orang buang ancak! (ilmu kebatinan atau makhluk belaan)

MALAM PERTAMA BERPANTANG

Alifah Alias

Semasa malam pertama berpantang selepas keluar hospital, anak saya tak boleh tidur malam. Penat dodoikan anak. Masa tu pukul 1 pagi, terdengar budak gelak-gelak main depan rumah. Sambil dodoikan anak, dalam hati cakap “ada lagi mak bapak bawa anak-anak keluar tengah-tengah malam buta ni.”

Pukul 2 pagi, saya jalan ke dapur. Tiba-tiba dengar suara budak yang sama, ketawa yang sama dekat dapur. Masih tak terfikir apa-apa masa tu.

Anak masih tak tidur sampai 5 pagi. Dekat subuh baru terfikir. Suara siapa yang aku dengar dari depan rumah sampai dapur tu? Masa tu uri anak masih dalam peti. Tak boleh tanam sebab hujan sepanjang hari. Ada kaitan ke uri dengan suara tu?

Wallahualam.

PINK PINK!

Amirul Abraham

Danial memandu perlahan. Jalan yang gelap memaksa beliau fokus pada pemanduan. Sebuah lori membawa muatan babi memotong kereta Danial. Baunya busuk menikam otak. Tiba-tiba Aiman, anak lelaki Danial bersuara.

“Ayah, abang, tengok orang tu dari tadi ikut kereta kita.”

“Orang mana pula? Ayah tak nampak pun. Dah dah dah, pergi tidur.”

Danial malas melayan karenah anaknya itu. Asal tidur saja mesti mengigau. Mereka berdua meneruskan perjalanan menuju ke Kampung Bemban.

Pink! Pink!

Sesekali kereta yang berselisih dengan mereka membunyikan hon. Aiman bersuara lagi.

“Ayah, orang tu lalu atas kereta kita, ayah”

“Aiman, kan ayah cakap. Tidur! Jangan mengarutlah. Mimpi saja tu.”

Danial menenangkan Aiman lagi— “Aiman salah tengok ni. Mana ada orang. Ayah tak nampak pun. Dah dah. Tidur elok elok. Ayah nak memandu ni.”

Aiman kembali tidur. Danial memasang radio bagi menemaninya memandu.

“Ayah. dia ada dekat sebelah abang. Macam mana dia masuk?”

Pink! Pink!

TUKAR SEKOLAH KERANA DIGANGGU

Rabiatul Adawieyah

Ceritanya bermula ketika umur aku masuk remaja. 16 tahun. Ini kisah benar.

Aku dapat tawaran masuk ke sekolah teknik (nama dirahsiakan) sama seperti kakak aku, kira nak teruskan tradisilah ni. Masuk sekolah teknik ni, rasa bangga sebab terpilih masuk.

Pada minggu pertama, macam biasa. Sama macam sekolah-sekolah lain juga. Kena ada orientasi. Aku ni jenis tak pernah berpisah dengan mak pak sejak kecil. Jadi agak lembik juga ah masa tu.

Nak dijadikan cerita...

Aku ni suka pandang ke arah ceruk-ceruk gelap. Tak tahulah kenapa, tapi sampai sekarang aku suka buat macam tu. Aku suka tengok tempat-tempat gelap. Macam acah-acah nak mencari kelibat "si penunggu malam".

Pada suatu hari, aku diuji. Sebab suka sangat kan nak mencari, maka dia pun datang.

Dari pagi hingga ke malam, kami ada Orientasi. Penat gila, jadi aku rasa malas nak mandi. Masa tu aku pula dalam keadaan “tak bersih”, tak boleh solat. Itu faktor yang penting untuk “mereka” datang.

Duduk asrama ni, biasalah katil *double decker*. Katil aku di bahagian atas. Aku benci katil atas sebenarnya, sebab aku ni pendek. Susah nak memanjat-manjat.

Bila keadaan “tak bersih” aku terus naik katil dan terus tidur. Sebenarnya tak tidur nyenyak pun. Aku tidur-tidur ayam saja. Aku masih boleh dengar orang bersembang.

Sekitar pukul 11-12 malam gitu. Aku ternampak satu benda hitam. Tak tahulah apa benda tu tapi rupa seperti lembaga warna hitam. Mungkin berbulu. Ia berada di atas siling bilik, sedang merayap sambil memerhatikan aku.

Kemudian, lembaga ni datang tempat aku tidur. Sejurus itu, aku terasa kena himpit. Aku tak boleh nak bercakap. Aku tak boleh mengiring. Aku tak boleh buat apa-apa. Hanya air mata mengalir sebab aku takut sangat masa tu.

Aku tak tahu nak buat macam mana lagi. Aku cuba kuatkan semangat untuk sebut Allahu Akbar. Sebelum aku sempat ada kekuatan tu. Aku boleh dengar suara dia gelak. Masih terngiang ngiang lagi suara dia sampai sekarang.

Suara dia mengejek. Bukan mengekek. Yalah, mungkin dia rasa dia hebat kot dapat himpit aku. Tapi akhirnya dia kalah dengan kalimah Allahu Akbar yang aku berjaya sebut.

Lepas tu, aku kejutkan kawan aku di katil sebelah. Aku nak tumpang tidur katil dia sebab aku tak mampu nak tidur seorang diri dah masa tu.

Dalam masa dua minggu. Aku keluar dah asrama, dan aku pindah sekolah teknik lain.

Pengajarannya, jangan tidur dalam keadaan kotor. Kena mandi. Kena bersihkan baju yang dah busuk masam tu. Kalau tak, nanti ada yang meneman.

LINTASAN DI CERMIN

Nurul Atiqah

Aku baru melahirkan anak sulung. Mulanya semua OK sahaja, tapi bila anak aku masuk umur 2 bulan, aku mula sakit pinggang yang dahsyat. Menjelang magrib pula, anak aku menangis seperti dipukul. Mulanya kami tak syak apa-apa. Ingatkan dia kembung perut atau sakit, tapi lepas pergi periksa dengan doktor, doktor kata tak ada apa-apa pun.

Satu hari tu, dia berjaga dari pukul 4 pagi sampai pukul 10 malam. Tak boleh tidur, menangis saja. Bila aku pegang, dia menangis lagi teruk. Kami sepakat buka ayat rukyah dalam rumah.

Semasa ayat tu di buka, aku nampak lintasan perempuan di cermin rumah. Kami syak ada yang tak kena, maka kami panggil orang berubat cara Islam.

Mengucap panjang si perawat apabila tengok keadaan aku dan anak. Rupanya kami disihir oleh rakan suami yang dengki dengan kerja suami.

Aku nampak bayangan perumpuan tu semasa berubat, dan ustaz yang berubat tu suruh aku cakap begini— “pergi! Aku tak mahu bersahabat dengan syaitan!”

Malangnya makhluk itu masih di situ sampai terpaksa dihalau dengan cara paksaan. Aku menggigil panas dan sakit semasa buang 'benda' tu.

Alhamdulillah sampai sekarang aku dah tak sakit pinggang, dan anak aku tak menangis macam dulu lagi. Sekali saja berubat terus dah OK. Itu semua dengan izin Allah. Tak terfikir zaman moden masih ada lagi perkara sebegitu.

Ini kisah benar.

DIPERHATI DI LEBUHRAYA KARAK

Nama Kite Fara

Kejadian berlaku lebih kurang 10 tahun yang lalu. Saya dan rakan sedang dalam perjalanan dari KL menuju ke pantai timur atas urusan kerja. Kami bertolak pada waktu malam kerana mengejar masa, dan jadual kami pada keesokan hari agak padat.

Sewaktu dalam perjalanan itu, rakan saya mendapati salah satu lampu belakang kereta tak menyala, tapi kami teruskan juga perjalanan. Ketika berada di Lebuhraya Karak, kereta tak banyak di atas jalan. Kami agak risau juga takut-takut kereta belakang tak perasan kereta kami disebabkan lampu yang tak menyala tu.

Nak dijadikan cerita, rakan di sebelah hampir terlelap. Saya memandu sambil bertemankan lagu-lagu yang berkumandang di radio. Tiba-tiba di satu selekoh, ketika saya nak memandangi ke arah cermin pandang sisi, saya ternampak sesuatu.

Saya ternampak lembaga berwarna putih persis pocong di tepi jalan seakan-akan memandangi ke arah kami. Saya terkedu seketika.

“Akak nampak tak apa yang saya nampak?” tanya kawan saya.

“Akak nampak,” jawab saya pendek, tapi dalam hati dah macam-macam jenis doa nak keluar tapi tak terbaca.

Sudahnya, kami berdua buat-buat tak tahu walaupun hati berdebar-debar. Radio dikuatkan sedikit untuk menghilangkan rasa takut.

Sampai saja kami di Kuantan terus hilang kisah lembaga putih tu, tapi bila masuk pejabat semula, kecoh kami ceritakan detik-detik tersebut kepada rakan sekerja yang lain.

Selepas kejadian tu, bos tak benarkan staf wanita keluar *outstation* bertolak pada malam hari. Satu lagi. Kami minta pertolongan rakan-rakan di pejabat cawangan untuk memeriksa kereta tersebut dan mendapati bahawa lampu belakang kereta berfungsi elok sahaja. Tiada apa-apa kerosakan pon. saya dan member memandang satu sama lain. Adakah ianya ada kaitan dengan kejadian terserempak lembaga tersebut?

KUCING DI HOTEL BANGI

Hamdan Tawadi

Cerita ni tak seram sangat, tetapi kisah benar di Hotel Residence Bangi (dalam UNITEN) ketika aku, mama dan arwah abah menginap di situ.

Kejadian berlaku pada waktu malam. Aku nampak macam ada kucing berlari laju menuju ke arah aku. Aku yang duduk sedang di hujung katil sampai terangkat kaki kerana nak mengelak kucing tu. Tapi, kucing tu hilang macam tu je.

Tak logik boleh hilang, sebab bilik bertutup. Walau bagaimanapun, aku diamkan saja kerana tak nak merisaukan mama dan arwah abah.

Esoknya, mama dan arwah abah pula cakap bahawa mereka pun nampak kelibat kucing tu dan ia kemudian hilang tiba-tiba.

Kami pernah menginap di hotel tu beberapa kali sebelum tu, tapi tak pernah pula ada gangguan.

LRT ALAM SUTERA

Sha Elsha

Antara pengalaman seram pernah saya alami masa melalui Kinrara berhampiran stesen LRT Alam Sutera. Masa tu dah pukul 1 pagi, saya nampak makhluk gelap.

Ia kelihatan macam orang berkulit gelap, berambut panjang, serta muka hangus terbakar. Gaya jalannya menyeret kaki. Sampai sekarang saya tak berani dah lalu jalan tu. Terbayang2 cara makhluk tu jalan sambil menyeret kaki.

BAU LELAKI ITU

Amirul Abraham

Semasa saya menjaga arwah ayah di Institut Kanser Negara Putrajaya (IKN) macam-macam perkara berlaku. Ada seram, dan ada sedih. Ada kelakar, dan ada kecewa.

Malam tersebut bau itu datang lagi. Saya cuba mengelak untuk bertemu dengan pemilik bau itu. Maklumlah tinggal di hospital. Tengah malam pula tu.

Tepat jam 12 malam kedengaran bunyi air di singki sebelah katil kami. Memandangkan langsir sudah bertutup, saya rasa tak perlulah saya buang masa untuk mengintai.

Cuma bau itu tetap sama dan menusuk hidung. Saya perasan jika MA lelaki itu bertugas di waktu malam pasti bau itu datang.

Mana tidaknya. Tiap kali MA tu muncul mesti dia bawak set KFC. Tengah malam bhai!

Mana tahan. Takkanlah nak buat muka tak malu dan minta dia pula. Terpaksalah pura-pura tidur di kerusi.

AIR 7 MASJID

Nurul Husna

Ini kisah benar saya.

Masa tu aku mengandungkan anak ke-3, kandungan baru dalam 13-14 minggu. Mengandung kali ni, aku alah teruk. Lembik saja badan, tak bermaya. Rupanya kali ni aku mengandungkan anak perempuan, patutlah lembik semacam.

Tapi bukan tu cerita seramnya. Ceritanya aku sering ternampak kelibat di dalam rumah. Rumah yang aku sewa ni adalah teres dua tingkat (rumah lama). Boleh tahanlah sebab sewa murah, kan? Tambahan taman yang aku duduk ni betul-betul bersebelahan lapangan terbang, faham-faham sajalah kalau lapangan terbang tu kawasan yang bagaimana, kan?

Bukan kelibat saja yang aku perasan. Aku juga sering alami mimpi buruk, contohnya aku kerap bermimpi terjatuh dari tempat tinggi, dan yang paling ngeri aku mimpi keadaan di mana aku sedang terbaring ditempat tidur dan aku nampak seseorang sedang berjalan di sebelah aku sambil

mengheret sesuatu seperti sebatang kayu yang hujungnya bujur.

Aku menggigil sambil mulut terkumat-kamit membaca ayat Qursi, dan tiba-tiba orang itu berhenti melangkah. Aku semakin berdebar-debar. Dengan laju dia datang ke arahku dan mengayunkan kayu tersebut betul-betul mengena ke dahi aku. Aku dapat rasakan hentakan kayu tu dan aku terjaga dari mimpi tersebut sambil mulut aku masih membaca ayat Qursi.

Keesokannya aku ceritakan pada suami tentang mimpi itu, dan kami membuat keputusan untuk membuat rawatan Islam di Pusat Darul Syifa'.

Aku ceritakan semua yang aku alami pada ustaz disana. Alhamdulillah setelah menerima rawatan disana, ustaz tu cakap aku dan kandungan baik-baik saja. Maksudnya tiada apa-apa yang datang menumpang.

Kata ustaz lagi, 'seseorang' yang aku nampak di dalam mimpi tu adalah syaitan yang ingin masuk ke dalam badan aku kerana tugas syaitan ni untuk mengganggu anak cucu adam. Apatah lagi aku sedang mengandung dan badan agak lemah.

Ustaz minta aku dan suami cari air di 7 masjid untuk aku semburkan di dalam rumah nanti, dan ustaz buatkan penawar untuk pagar rumah yang kami duduk tu. Alhamdulillah sampai sekarang anak yang aku kandung tu pun dah berumur 9 bulan, dan kami sekeluarga masih menyewa di rumah tersebut.

Sebenarnya selain kelibat dan mimpi-mimpi ngeri tu, ada satu malam aku bangun nak minum air di dapur, aku perasan kerusi meja makan tu terjungkit kakinya dan bergerak-gerak seperti ada orang yang duduk bersandar atas kerusi tu sambil goyangkan kaki yang mengakibatkan kerusi tu nampak terjungkit-jungkit.

Suami aku pernah cakap waktu aku dan anak-anak balik kampung pun, dia rasa seram tinggal di rumah tu seorang diri. Dia tak boleh tidur lena. Mesti tidur dia terjaga 2-3 kali.

Wallahualam. Apa pun, kita kena terima dan percaya bukan kita saja makhluk di muka bumi ni. Syaitan tidak akan berhenti mengganggu anak cucu adam hingga kiamat nanti.

BUNGA TELUR

Nanie Ariffin

Cerita seram saya.

Pertama— Kejadian ni masa umur saya 12-13 tahun. Pukul 6.30 petang saya naik bas awam nak ke rumah nenek di tanah rancangan (RKT).

Saya dan adik dah telefon nenek dan beritahu bahawa dalam 7.30 nanti kami akan turun di perhentian bas koboi. Maksudnya perhentian bas yang bukan rasmi punya.

Tanah rancangan ni, kiri dan kanannya hutan belukar. Yang turun dari bas hanya kami berdua. Stesen ni terakhir dan pemandu akan terus balik. Tapi kami rasa macam ada yang ikut.

Dari perhentian ke rumah nenek, kena jalan kaki dalam 5 minit tapi terasa jauh pula. Hujan pula turun renyai-renyai. Punyalah kami takut. Sampai di halaman, kami jerit-jerit panggil nenek. Terus masuk ke dalam rumah dan tak toleh belakang.

Rumah nenek bertanah merah lamannya, Pagi-pagi nampak kesan tapak kaki yang besar dari

tapak tangan dewasa, tapi sebelah je. Menurut nenek, itu tapak Datuk Harimau. Wallahualam...

Kedua— Kejadian berlaku masa umur 11-12 tahun. Ada kenduri kesyukuran di rumah makcik. Sebagai buah tangan, diberi bunga telur yang ada disertakan dengan pulut kuning dan rendang daging sejempit.

Mak pesan supaya jamah sikit pulut tu, tapi sampai ke sudah lupa nak jamah. Apapun sebelum beransur pulang, kami dapat 2 tangkai bunga telur berkenaan.

Oleh kerana keletihan main dan kenyang makan macam-macam, sampai rumah terus simpan pulut dalam peti sejuk dan saya tidur. Tidur di bawah saja lah sebab malas nak naik atas.

Jiran sebelah India baru kematian ayah dan ada khemah berlampu yang terang. Tak tau pukul berapa, saya terjaga dan dari cahaya yang terang rumah jiran tu, saya nampak lembaga dekat peti sejuk mak!

Ia macam melekat dekat peti sejuk. Rambutnya hitam, bajunya putih lusuh. Muka pula tak nampak. Adoi... seram!

BOLA ADIK

Suhana Mat Lazim

Masa hari keempat arwah suami meninggal, iaitu jatuh pada malam jumaat. Dalam pukul 12 malam lebih, semua orang dalam rumah masing-masing sudah nak tidur. Lampu pun dah tutup kecuali lampu dapur. Anak sulung saya baru keluar dari bilik air, kemudian dia pergi dekat meja TV untuk ambil jam tangan dia.

Berhadapan dengan meja TV ada sebiji bola milik adik dia. Dengan mata kepala dia, dia nampak bola tu tergolek-golek sendiri berkali-kali. Macam ada orang sedang main. Bukan pandang sekilas, tapi dia siap tengok dalam hampir 2 minit bola tu berkeadaan macam tu. Tengok bola tu langsung tak berhenti, dia terus lari masuk bilik.

Lagi satu kejadian baru-baru ni. Tengah saya menaip kisah seram tiba-tiba terdengar bunyi tapak kaki orang berjalan dekat atas tikar getah. Bunyinya dari jauh makin lama makin dekat. Saya baring atas toto dekat dengan ruang tamu. Jelas bunyinya, dekat sangat. Sebab takut, terpaksa tidur buka lampu...

NASIB TAK ROBOH

Aisha Umaira

Pernah ada pengalaman seram. Betullah orang cakap jangan tidur betul-betul depan pintu, sebab tu laluan dia. Masa tu mak abah aku balik kampung, jadi tinggal kami 3 beradik. Aku tidur betul-betul berhadapan pintu bilik yang bertentang dengan pintu bilik air.

Tengah malam tu, aku terjaga kerana dengar orang ketuk pintu bilik air. Dia punya kuat macam nak roboh pintu bilik air. Aku apa lagi, terus jadi keras serupa patung cendana. Jika tak salah, aku pura-pura tidur. Benda tu percaya agaknya aku tidur, jadi dia pun beredar.

PANGGILAN TAK DIKENALI

Ella Affandy

Dulu masa duduk Bukit Jalil ada kejadian misteri. Setiap pagi bila bangun tidur dan periksa telefon mesti ada *missed call* dari nombor yang tak dikenali. Mula-mula memang buat tak kisah tapi bila esoknya terima *missed call* yang sama dengan masa panggilan yang sama; pukul 3 pagi dan berlarutan hampir seminggu, memang saspelah juga.

Akhirnya dengan keberanian dan rasa ingin tahu cubalah telefon nombor tu dan yang jawab adalah perempuan. Ayat dia yang pertama adalah, "Ya, apa boleh saya bantu?"

Dengar dari suara dia dah tau perempuan ni operator telefon. jadi tanya dia ni nombor apa, dia jawab— "ni nombor kecemasan".

Bila cerita dekat dia pasal *missed calls* setiap pukul tiga pagi hampir setiap hari daripada nombor ni, jawapan yang dia bagi cukup saspelah juga— "nombor ni boleh terima panggilan saja, tak boleh buat panggilan keluar."

Jadi siapa yang telefon setiap pukul 3 pagi tu? Hmm tak ada penjelasan~

MUSIM MARHABAN

سوهادا ابو ساما

Kisah seram ini berlaku pada anak saya. Musim raya, taman perumahan saya ada buat marhaban. Memandangkan rumah tak jauh, jadi saya sekeluarga bercadang jalan kaki sahaja.

selesai majlis marhaban dan makan-makan, kami sekeluarga berjalan kaki pulang ke rumah. Tiba-tiba, anak perempuan sulung saya yang masa tu berumur 7 tahun memandang ke atas. Kemudian dia ketakutan.

Dia terus memeluk ayahnya sambil memandang ke suatu rumah, kemudian dia memalingkan wajahnya ke suatu rumah yang bertentangan rumah tadi. Dia yang sebelum ini lincah tiba-tiba menangis.

Masa tu rumah kami dah tak jauh dari tempat tu, terus suami dukung anak saya yang sulung hingga ke rumah. Sampai rumah anak saya masih menangis sambil berkata dia ternampak sesuatu. Waktu kami sampai ke rumah, dah jam 12 malam.

Setelah keadaan mula reda, suami saya cuba menenangkan anak saya. Kemudian suami minta anak ceritakan apa yang dia nampak. Anak saya kata dia ternampak sesuatu yang berbungkus terbang kemudian dia terjatuh.

Suami minta anak saya lukiskan apa yang dia nampak. Terkejut saya dan suami apabila anak saya melukis wajah yang dahinya berlubang dengan gigi yang panjang dan berdarah.

Apapun, syukur alhamdulillah perkara tu tak jadi gangguan pada anak saya malam tu dan hari berikutnya.

4 PERISTIWA DI JEPUN

Suhaila Idris

Pengalaman semasa belajar di Jepun. Selama lima tahun bermastautin di bumi sakura ni, ada beberapa pengalaman yang terpahat dalam ingatan. Pengalaman yang sebelum ini hanya di cerita pada adik beradik saja.

Aku, Rosman, Badrul, Salwa, Melody Lai, menuntut di Universiti Kyorin, kampus Hachioji, Tokyo.

Pertama— Musim sejuk bulan disember tahun ke-3. Berbasikal adalah salah satu cara aku ke universiti. Disebabkan tambang bas ke universiti sangat mahal iaitu hampir 20 ribu yen atau rm 700 sebulan, maka aku dan rakan-rakan senegara memilih untuk berbasikal. Hampir 45 minit pergi 45 minit balik jika mengayuh basikal. Sanggup sebab nak jimat duit.

Kampus atas bukit, tempat letak basikal di bawah bukit. Hari-hari mendaki nak ke kelas, rasa punggung pun dah tonggek! Cerita aku bukan pasal punggung yang dah tonggek, tapi pasal rakan basikal aku yang tak disangka-sangka.

Nak dijadikan cerita, kuliah habis dalam pukul 8 malam. Kalau musim sejuk, pukul 5 petang dah gelap macam pukul 8 malam di Malaysia. Biasanya kalau balik, selalu beriringan dengan Rosman, rakan sekuliah. Tapi Rosman pada hari tu menaiki bas. Katanya lepas kuliah nak pergi Rumah Malaysia.

Jadi, berjalan aku seorang ke tempat basikal di bawah bukit. Tempat tu agak ke gelap. Ketika sedang buka kunci basikal, ada yang menyapa di sebelah. Dalam hati terdetik, ada orang rupanya. Leganya.

Saya bertanya, “nak ke bandar Hachioji ke?” kepada orang yang menyapa tadi. Dia seorang pelajar lelaki yang sebelum ni saya tak pernah nampak pun.

“Ya!” jawabnya.

Aku ajak dia beriring berbasikal kerana kami tuju ke tempat yang sama. Jadi aku ada kawan. Dalam perjalanan, aku sempat tanya dia, “tahun berapa?”

Dia kata baru masuk. Dalam hati aku berkata “patutlah tak pernah nampak, pelajar baru rupanya.”

Kami terus mengayuh basikal ke arah terowong melalui jalan kampung dan ada sawah padi. Kemudian kami kena berhenti sekejap, sebab nak melintas sebelum masuk ke terowong.

Masa nak melintas tulah, baru aku tahu aku seorang, bukan berdua. Tak ada orang masa tu. Aku toleh kiri dan kanan. Manalah tahu dia ikut jalan lain. Pun tak ada. Ah sudah! Habis tu yang tadi tu siapa?

Apa lagi, boleh lintas saja, aku terus pecut balik umah. Sebelum naik ke rumah, baca ayat Kursi banyak walaupun berdebar-debar hanya Allah yang tahu.

Atas bukit, sebelah kanan tempat letak basikal tu ada tanah perkuburan. Di sebelah universiti saja. Sampai aku habis belajar pun, aku tak pernah jumpa budak tu lagi.

Kedua— Musim panas. Di Jepun ada perayaan musim panas. Aku dah lupa nama perayaan tu, dia orang berarak sambil bawa tandu. Tandu tu

macam-macam rupa. Waktu dah hampir senja, perayaan tu lagi rancak. Macam-macam tarian ada.

Orang ramai sangat bising, campur meriah. Upacara tu tak jauh dari rumah sewa. Betul-betul tengah bandar Hachioji. Dalam asyik tengok tarian, terpandanglah seorang budak lelaki di celah-celah orang ramai. Apabila aku pandang budak tu, aku tahu dia bukan orang. Aku tak tahu nak jelaskan macam mana, tapi kita dapat rasa lain.

Dalam perjalanan pulang, aku dapat rasa budak tu ekori aku. Aku berhenti, dia pun berhenti. aku jalan, dia pun jalan. Badan aku dah seram sejuk dah.

Sebelum sampai ke rumah, aku berhenti di sebelah 7-Eleven sebelum melintas jalan sambil mulut baca ayat Qursi walaupun awalnya tunggang langgang. Kemudian aku cakap "baliklah, alam kau lain, kau jangan ikut aku!" sambil hembus ayat Qursi kiri kanan.

Sampai rumah, dengan peluh dingin, cepat-cepat buka laptop, buka bacaan yasin sampai pagi. Hari tu tak tahu pukul berapa aku lena. Esoknya, bangun sakit kepala terus demam. Demam terkejut! Aduh!

Ketiga— Pengalaman ketiga ni, masa dalam tren. Perjalanan dari Saitama ke Hachioji ambil masa lebih kurang 1 jam 45 minit. Maklumlah orang Malaysia, kalau sesekali berjumpa sesama mereka, takkan awal balik ke rumah sendiri. Jadi waktu bertolak dari stesen Saitama dalam pukul 10 malam.

Dalam perjalanan, ketika melewati Tachikawa, aku terpandang ke cermin tingkap tren. Awalnya ingat bayangan muka penumpang. Apabila tengok-tengok betul, bukan bayang tapi muka perempuan yang terlekat di cermin luar sambil melihat penumpang yang berada di dalam. Allah!

Berhenti saja tren di stesen Hachioji, aku terus keluar tak pandang kiri dan kanan dah. Sampai pun dah lewat malam. Jika tak silap, tren terakhir rasanya, sebab tren terakhir selalunya warna kuning bata. Aku buat larian pecut dari stesen sampailah ke rumah.

Keempat— Dalam ramai-ramai kawan Jepun ni, ada seorang kawan dari Korea. Memang agak rapat. Pernah ke rumahnya di Korea. 6 bulan sebelum balik Malaysia, mak dia datang ke Jepun. Kerana aku suka makan samgintan (sejenis hidangan ekor ayam yang disumbat nasi dan beberapa rempah termasuk ginseng), aku minta mak dia ajarkan resepi tu.

Petang tu, aku datang bawak ayam halal dan segala rempah telah pun mak sahabat aku bawak dari Korea. Tak jauh dari rumah sewa kawan ni, ada tanah perkuburan. Kiri dan kanan tanah kubur ada bangunan kediaman. Nak dijadikan cerita, dah makan kenyang-kenyang, tengok cerita Korea dan berbual dengan mak kawan. Tak sedar dah lewat. Dalam pukul 10 malam, aku minta diri nak balik. Keluar saja simpang rumah kawan tu, memang kene lalu tanah perkuburan tu. Tak ada laluan lain dah.

Aku cuba beranikan diri untuk jalan jugalah. Entah macam mana, ternampak seorang tua berjalan masuk ke tanah kubur. Kalau orang kata, hantu tu macam bayang warna putih, tak jejak di bumi, sama macam dalam cerita seram mat saleh, memang aku percaya. Itulah rupa orang tua yang aku nampak tu.

Tak jadi nak terus balik, pusing ke rumah kawan semula. Terkejut dia. Aku datang semula, siap cakap nak tumpang tidur. Nak balik esok. Dalam terpinga-pinga, dia angguk dan kata— “OK, boleh berbual dengan mak aku, dan teman dia tengok cerita Korea.”

Aku tak cerita dekat dia pun apa yang terjadi. Nanti dia takut. Dah bermacam-macam pendinding diri yyang aku amalkan. Tapi, jika dia nak beri nampak, nampak juga. Ingat balik dari Jepun, dah tak ada benda-benda macam ni. Masih lagi, tapi tak sekerap dulu. Alhamdulillah kebelakangan ni hidup aku dah aman sedikit tanpa gangguan.

GANTUNG DAUN DI LALUAN

Jules Roslan-Walker

Semasa dalam pantang anak ke-2, saya duduk di tingkat atas rumah saya bersama dengan bayi saya. Disebabkan saya bersalin secara pembedahan maka pergerakan saya agak terbatas. Saya hanya turun ke tingkat bawah semata-mata untuk makan atau jika ada tetamu datang.

Seminggu selepas bersalin, pada setiap malam saya mula diganggu oleh bayangan seorang lelaki menaiki tangga rumah saya. Biasanya saya akan mendengar suara orang berdehem dahulu sebelum diikuti dengan bayangan seorang lelaki menaiki tangga.

Mula-mula saya menyangka suara berdehem tu suara suami saya atau jiran sebelah atau orang yang lalu, dan bayangan tu cuma sekadar perasaan saya. Tetapi semakin hari semakin jelas susuk badannya dan saya seakan boleh mendengar dia menaiki tangga, cuma saya tak nampak wajahnya, dan bayangan itu akan hilang sebaik sampai ke anak tangga paling atas.

Lama-kelamaan saya merasa naik marah (bukan takut) dengan gangguan tersebut dan

memberitahu suami saya. Suami saya berjumpa dengan seorang ustaz dan ustaz itu memberitahu ada belaan seseorang yang berdekatan datang melawat bayi saya, tetapi 'dia' tak bermaksud jahat.

Ustaz tersebut menasihatkan suami saya menggantung sejenis daun (dah lupa namanya, busuk baunya) ditempat laluan bayangan tersebut. Suami saya menggantung daun tersebut di dalam stor di bawah tangga dan alhamdulillah semenjak itu tiada sebarang gangguan lagi yang berlaku.

MALAM SEBELUM NIKAH

Siti Hazwani ZA

Malam 25 Mei, esoknya saya akad nikah. Macam biasa sibuk buat persiapan akhir, jari pun belum berinai. Jam sudah menunjukkan pukul 11 malam. Rumah masih riuh dengan saudara mara dan jiran tetangga yang datang. Malam tu mak minta saya ke kedai (dah tak ingat apa yang dibeli).

Seperti biasa, kereta memang diparkir jauh bila ada majlis, biasalah perumahan taman (rumah teres). Mulanya rasa letih juga tapi fikirkan mak yang minta tolong gagahkan diri juga. Selesai beli barang yang mak perlukan terus balik rumah.

Ketika tiba di lorong rumah, makin ramai jiran tetangga mula keluarkan kenderaan untuk parkir di luar kawasan khemah kenduri untuk penyediaan stesen makanan tambahan (kuih muih dan sebagainya).

Saya pun mula pandu perlahan di hujung lorong berhampiran taman permainan kanak-kanak (ada gelanggang badminton dan memang gelap gelita). Agak jauh juga dari rumah baru nampak tempat kosong boleh parkir kereta.

Semasa memandu, lampu kereta jelas terpancar ke arah gelanggang badminton tiba-tiba saya ternampak jelas lembaga putih kepalanya seperti menunduk di tengah-tengah gelanggang itu. Berderau darah, terus brek mengejut dan masuk gear undur, patah balik ke arah khemah, dan parkir di situ.

Saya terus capai plastik beg barang, lalu masuk dalam rumah. Saya cari mak sambil jerit-jerit panggil. Mak pun tanya kenapa, terus cerita apa yang saya nampak tadi. Mak pun terus keluar dan pergi ke arah gelanggang. Saya dah menggeletar tunggu dekat rumah.

Mak sampai balik, cakap tiada apa-apa pun. Terus mak suruh saya rehat dan tidur. Mujur esoknya tak demam.

Dah 5 tahun berlalu, tanya mak semula tentang peristiwa malam 25 Mei. Mak pun cerita, dah beberapa orang nampak 'benda' yang sama, tambah-tambah yang nak parkir dekat situ. Dengar mak cakap macam tu terus meremang bulu roma. Aduhai! Memang betul lah apa yang saya nampak malam tu.

MANDI AWAL PAGI

Pelangi lekinos

Cerita ni waktu saya sekolah menengah. Biasalah tingkatan 1, skema sikit, mandi awal pagi. Nak jadi cerita, pagi tu saya bangun pukul 4.30 pagi. Lampu tandas pula tak menyala. Gagahkan juga mandi depan singki yang ada cermin.

Masa mandi tu tak jadi apa-apa. Siap mandi masuk jamban nak buang hajat. Mata ni pula sibuklah nak meliar ke atas. Tak pasal-pasal ada makhluk yang macam budak kecil, mata merah, muka dia saya tak nampak sebab gelap, tengah bertenggek dekat *downpipe* tu. Seraya itu jugalah lampu berkelip.

Saya apa lagi, lari masuk dorm. Selubung dalam selimut. Tak nak mandi seorang diri di awal pagi dah.

BAWAH POKOK NANGKA

Noorell Linda Rambly

Ini kisah benar. Saya lalui masa berumur 6 tahun. Balik dari sekolah tadika, seperti biasa arwah nenek akan belanja aiskrim supaya saya tak ganggu dia buat kerja.

Selepas dapat aiskrim, saya terus masuk ke bilik bawa dan duduk menghadap luar tingkap. Angin sepoi-sepoi bahasa. Sambil-sambil tu kita tenung saja bawah pokok nangka tepi tingkap bilik. Aduhai, ada pocong elok saja berdiri bawah pokok tu.

Sebelah rumah nenek ada bangsal yang buat batu nisan. Arwah nenek sendiri ialah tukang mandi mayat di kampung. Saya pergi mengadu pada nenek. "nek, ada pocong! Nek, ada pocong!"

Nenek pergi jengah tapi cakap "tak ada apa pun."

Kita tahu nenek nampak, cuma nak sedapkan hati kita agaknya.

DISIMBAH AIR

Norshahida Lambri

Aku masih ingat lagi masa tahun 2005, bermulanya kisah aku jadi perantau. Lepas kawin terus ikut suami yang bekerja dalam daerah Kota Tinggi.

Kuarters pertama yang aku duduk, jenis rumah lama (lebih 30 tahun). Ada 2 bilik, ruang tamu dan dapur yang comel. Alhamdulillah cukup selesa untuk kami berdua.

Sebelah kanan ada sebuah rumah yang jaraknya dalam 10 meter. Biasalah rumah atas bukit, yang boleh nampak bumbung rumah orang lain.

Kali pertama aku jejak kaki ke rumah tu, memang rasa lain macam. Tapi aku tak ambil pusing sangat, mungkin suasana rumah kot.

Pada satu hari, aku terlelap di ruang tamu, di atas sofa. Dengan tak semena, aku kena simbah air. Basah baju aku tapi taklah lencun, aku pun pelik. Siap yang punya kerja, sedangkan aku seorang dalam rumah ni. Suami dah pergi pejabat.

Aku masih lagi buat tak kisah "mungkin bumbung bocor kot". Tapi tak hujan pun masa tu, nak sedapkan hati.

Aku pun lalui hari demi hari macam biasa. Sibuk aktiviti harian dengan kerja rumah. Maklumlah dari seorang yang berkerjaya terus jadi seorang suri rumah sepenuh masa. Jadi, aku rasa sesuatu yang baru dalam hidup aku. Dari dulu tak reti memasak terus pandai kenal mana sayur bayam dan mana sayur kangkung, jujur.

Bulan Mac 2005, aku disahkan mengandung. Allahuakbar dia punya gembira Allah saja yang tahu. Anak pertama, teruja dia lain sikit. Macam tak percaya bakal menjadi seorang ibu pada usia 25 tahun. Tetapi sekali lagi aku diuji, pada satu malam. Sedang aku lena dibuai mimpi, tiba tiba...

Bila aku buka mata, dongak ke atas. Ada sesuatu sedang bertenggek di kepala katil. Berambut panjang menutup seluruh muka, berkain putih.

Ya Allah! Aku terus kaku, nak gerakkan badan lagi tak termampu. Dalam hati segala ayat yang aku tau aku baca, aku pejamkan mata. Takut

sampai berpeluh peluh badan ni. Aku ibarat anak kecil yang takut pada kegelapan. Tak mampu nak buka mata, tak mampu nak bergerak langsung.

"Kau pergilah sana!"

"Kau jangan kacau aku, syaitan!"

Aku hanya mampu berkata dalam hati. Bau wangi menusuk hidung, macam bau bunga cempaka. Setelah hampir 15 minit baru aku berani buka mata, "benda" tu dah hilang dari pandangan. Aku kejut suami, sebab aku rasa nak membuang sangat. Menahan dari tadi, sakit rasa. Aku cuba bangun, tapi rasa pelik.

"Ya Allah, kenapa perut aku jadi kempis?"

Hanya berbentuk janin, kalau aku boleh lukis memang dah lama aku lukis. Perut memang jadi setongkol janin macam tu. Aku dah panik, pikir anak aku yang dalam perut, kandungan berusia 3 bulan terus jadi kempis.

Aku selawat, baca surah yang aku biasa amalkan. Sambil aku gosok perut, nak nangis rasa. Aku takut kehilangan, Allah maha mendengar. Alhamdulillah syukur perut aku kembali asal.

Mak aku pernah pesan, "kita kalau mengandung anak sulung, ibarat ikan yang ada telur dalam perut."

Pesanan tu aku ingat sampai bila bila.

Setelah setahun lebih aku duduk di kuarters tu, aku pindah ke kuarters bawah. Masa sehari selepas aku berpindah, barulah jiran jiran berani bercerita.

"Sebenarnya rumah yang awak duduk ni, dah hampir 10 tahun tak ada penghuni. Setiap khamis malam jumaat, kami semua mesti dengar orang mengemas dalam rumah tu."

Patutlah masa mula-mula aku pindah, ada serombongan makcik makcik datang bertandang. Nak kenal jiran baru katanya. Ada seorang makcik tu tanya.

"Kau tak ada dengar apa-apa ke?"

"Berani kau duduk seorang diri?"

"Tak ada nampak apa-apa ke?"

Masa tu aku peliklah juga. Cuma malas nak pikir. Rupanya pontianak tu ada duduk dalam rumah aku. Makcik makcik ni pun satu, kenapalah tak beritahu. Mak aku datang ke rumah aku pun kena ganggu. Habis calar tangan mak akibat bekas kuku makhluk tu.

PATUNG BESAR DARI NARATHIWAT

Pelangi lekinos

Masa saya kecil dulu, kami sekeluarga balik kampung di selatan Thai. Jadi, makcik dan pakcik saya bawalah kami semua berjalan di Narathiwat. Di situ ada gerai-gerai jadi saya, adik perempuan dan sepupu ni minatlah dekat anak patung yang ada di sana.

Mak belikan saya anak patung besar pakai baju belang merah putih. Adik pula dapat patung beruang yang kecil. Sepupu dapat anak patung macam saya tapi yang kecil punya.

Balik tu, main-main jap. Malam tu kami tidur awal. Mak letaklah anak patung yang besar tu sebelah saya. Malam tu saya rasa berat sangat perut saya, bila buka mata, anak patung tu duduk atas perut saya sambil tangan dia melambai dan ia memanggil nama saya berulang kali.

Saya selubung sambil panggil adik saya dekat sebelah. Nak baca ayat Quran, saya tak reti. Tahu setakat bismillah saja. Akhirnya saya tertidur balik.

Pagi tu, ada tanda dekat tangan saya sampailah sekarang. Orang sana kata tanda kena gigit hantu. Tak tahulah betul ke tak. Jadi, pagi esok tu saya tanya adik saya, "kau tak dengar ke aku panggil semalam?"

Dia kata dia dengar, tapi bila dia buka mata, anak patung yang dekat perut saya tu toleh ke arah dia. Dia jadi takut. Malam tu memang saya nangis-nangis tak nak tidur. Takut. Saya pun suruhlah mak bakar, tapi mak tak mahu sebab mahal kot patung-patung ni. Tapi dah tengok teruk benar nangisnya, mak pun bakarlah juga.

Sejak peristiwa itu, saya jadi agak tak suka kepada patung permainan yang besar-besar ni. Pandang pun tak. Kalau terpandang pun buat-buat tak nampak saja. Ada sedikit trauma.

TETAMU PAGI RAYA

Ayu Zalifah

Pagi itu saya terbangun awal untuk bancuh susu anak di dapur. Kebetulan ibu mertua saya pun dah bangun untuk menyiapkan hidangan di pagi raya. Tiba-tiba saya dengar sayup-sayup ada orang beri salam dari pintu depan.

"Assalamualaikum!"

"Walaikumsalam," sahut saya dari dapur. Ibu mertua saya terpinga-pinga melihat saya menyahut salam.

"Mak, siapa yang datang sebelum subuh ni?" soal saya

"Kenapa? Kau ada dengar orang beri Salam ke?" mak mertua saya menyoal semula.

"A'ah, tadi ada orang beri salam," kata saya sambil melihat jam di dinding. Pukul 4 pagi. Pelik, takkan orang datang beraya awal pagi. Kemudian saya ke pintu depan. Saya buka pintu, tapi tak ada sesiapa pun di situ. Saya tutup semula pintu dan terus ke bilik untuk beri anak susu.

Kejadian awal pagi tadi terus berlalu dan saya pun tak ada terfikir yang bukan-bukan. Setelah semua kepenatan, kami sekeluarga berehat-rehat di ruang tamu. Tiba-tiba mak mertua saya cerita yang rumah yang dia duduk sekarang ialah rumah pusaka yang dah lama ditinggalkan.

Masa mula-mula pindah masuk, macam-macam kejadian pelik yang berlaku, termasuk lah bunyi orang beri salam. Mak mertua saya tersengih melihat saya dah mula ketakutan.

"Yang kau dengar pagi tadi tu, mungkin yang biasa kacau mak... itu ok lagi. kalau mak seorang diri di rumah ni... habis pinggan mangkuk semua bergerak sendiri atas meja."

"Ya, kak. Saya pun pernah kena. Bunyi orang ketuk pintu macam nak roboh. Bila saya buka, tak ada sesiapa pun, tapi ada bunyi tapak kaki berlari masuk dalam rumah," adik ipar semua mengiyakan cerita mak.

Aduh. Memang malam itu saya tak dapat tidur. Terbayang-bayang bunyi orang beri salam. Syukur, tiada lagi kejadian aneh sehingga hari terakhir kami di kampung sebelum bertolak balik ke KL.

PERISTIWA BULAN SYAWAL

Zu Ina

Kisah ni berlaku pada musim Raya. Lebih kurang 15 atau 16 Syawal. Sepupu kepada sepupu aku buat rumah terbuka di Puchong. Oleh kerana kami saling mengenali, jadi dia jemput aku datang ke rumahnya.

Kami dari Tanjung Malim menaiki 2 buah kereta. Satu kereta sepupu aku dinaiki oleh Liza dan Nor, manakala keretaku dinaiki oleh aku, anakku 4 orang, makcikku yang kami panggil Bik Idah(gelaran makcik yang biasa orang Jawa guna) dan anaknya Zakwan. Suamiku tak dapat turut serta kerana tidak dapat cuti.

Kami meninggalkan rumah terbuka itu lebih kurang jam 4 petang. Dalam perkiraanku, dengan kelajuan sederhana kami akan sampai semula ke Tanjung Malim dalam jam 6 petang, tetapi Bik Idah meminta agar aku singgah ke Tanjung Karang untuk mengurut anaknya Zakwan yang kurang sihat ketika itu.

Pada mulanya aku agak keberatan, kerana sudah pasti kami akan lewat pulang ke rumah memandangkan jarak yang agak jauh dari Tanjung

Karang ke Tanjung Malim. Lagi pun jika melalui jalan yang pintas pun kami terpaksa melalui jalan kampung dan hutan belukar sebelum ke tol untuk sampai ke Tanjung Malim. Namun akhirnya aku akur jua terhadap permintaan Bik Idah.

Ketika dalam perjalanan ke Tanjung Karang barulah aku tahu, yang sebenarnya Bik Idah ingat-ingat lupa rumah tukang urut yang dimaksudkan. Sementara adik sepupuku Liza dan Nor menolak untuk mengikut kami ke Tanjung Karang. Mereka belum puas melepak di rumah terbuka sepupu kami tadi.

Meski aku tidak tahu rumah tukang urut yang kami panggil Mak Lang itu, (bukan nama sebenar) kugagahi juga untuk meneruskan perjalanan ke Tanjung Karang, walaupun ada sedikit perasaan yang kurang enak. Dalam hati berkata, “kalau balik lambat nanti, matilah aku kena marah dengan suami.”

Akhirnya kami tiba di pekan Tanjung Karang ketika azan maghrib di radio sedang berkumandang.

"Bik, kita nak singgah solat magrib dekat masjid ke, atau dekat rumah Mak Lang tu saja nanti?" aku bertanya.

"Alahhh, dah dekat ni, kita tumpang solat dekat rumah Mak Lang sajalah nanti", balas Bik Idah. Aku mengiyakan cadangannya.

Aku terus menelefon Nor untuk bertanyakan dengan jelas lokasi rumah Mak Lang, kerana dia yang pernah ke sana bersama Liza. Setelah mendapat sedikit panduan aku meneruskan pemanduan ke lokasi yang aku agak betul berdasarkan petunjuk yang disebutkan oleh Nor. Lorong pertama bersebelahan kedai makan katanya.

Awan maghrib yang sudah gelap membuatkan suasana sedikit agak suram. Keretaku pandu perlahan menelusuri celah-celah rumah kayu hingga ke hujung jalan. Aku turun dari kereta dan mengetuk sebuah rumah untuk bertanya. Tuan rumah itu memberitahu lorong yang satu lagi. Terpaksalah aku keluar semula ke jalan besar, dan benar seperti yang diberitahu kepadaku, kedai makan tadi diapit oleh lorong di kiri dan kanan kedai.

Aku terus memandu memasuki lorong yang satu lagi. Kalau tadi kami melalui celah-celah rumah orang, tetapi lorong yang kedua ini memang lain benar. Hatiku mula tidak enak. Bik Idah berkali-kali mengajak aku berpatah balik. Tapi aku enggan kerana berharap akan menemui rumah Mak Lang segera dan seterusnya dapat kami menumpang solat maghrib.

Lorong yang satu ini memang agak gelap. Tiada rumah orang. Rumah pertama yang kami temui adalah rumah kosong yang gelap dan agak usang. Aku meneruskan pemanduan dengan berhati-hati kerana jalannya yang berlubang-lubang. Hinggalah aku tiba diujung jalan dan kelihatan 3 buah rumah sederhana kecil. Hanya sebuah rumah sahaja yang kelihatan lampunya terbuka.

"Biar saya tanya tuan rumah tu ya Bik" aku menyuarakan pendapat.

"Haa, iyalah. Kot-kot dia tau rumah Mak Lang kan", Bik Idah mengiyakan cadanganku.

Aku turun dan memberi salam. Tingkap dan pintu rumah tersebut tertutup rapat. Hanya kelihatan cahaya lampu dari dalam. Tiba-tiba

seorang perempuan membuka cermin tingkap. Dia dalam keadaan bertelekung. "Lepas solat kot dia", getus hatiku.

"Acik, saya nak tumpang tanya, rumah Mak Lang mana ya?"

"Oo... situ!" balasnya sambil menunjukkan arah lorong kecil tidak berturap. Ketika aku memandang lorong tersebut, tiba-tiba hatiku berdebar-debar. Berdiri bulu roma tengkukku. Setelah mengucapkan terima kasih aku kembali ke kereta. Belum pun aku melabuhkan punggung ke dalam kereta Bik Idah terus berkata, "Jom kita balik". Aku mengangguk dan terus memandu. Aku betul-betul tak sedap hati. Rupanya Bik Idah pun begitu.

Setelah keluar ke jalan besar aku terus membaca ayat Kursi dan beberapa ayat Quran dengan kuat. Bik Idah juga begitu.

"Eeeee. Ada hantu dekat situ!" tiba-tiba anak Bik Idah, Zakwan bersuara sambil menuding ke arah kerusi belakang. Anakku yang berusia 2 tahun juga merengek mahu duduk diribaku, sedangkan sebelum itu dia elok saja bermain dengan abangnya di tempat duduk belakang.

Hati aku semakin tidak keruan. Semakin kuat aku membaca ayat Kursi, semakin berdiri seluruh bulu romaku hingga ke kaki. Sesuatu yang tak pernah aku rasa. Bik Idah pun begitu, dia juga semakin kuat membaca ayat Quran. Akhirnya kami membuat keputusan untuk berhenti di satu R&R. Kami solat magrib dan aku memandikan anak-anak ku. Setelah sedikit lega, barulah kami memulakan perjalanan.

Ketika hendak memulakan perjalanan, sepupuku Nor dan Liza menghubungiku dan bertanya adakah kami jumpa rumah Mak Lang. Katanya, mereka berdua juga tidak sedap hati. Aku cerita kan sedikit perkara yang berlaku. Rupanya mereka pun baru sahaja berhenti di Hentian Rawang. Mereka menyuruh aku agar meneruskan perjalanan dan menanti kami di sana.

Aku mengambil keputusan untuk berpatah balik melalui jalan Kapar. Kalau diikutkan memang jauh. Tapi tak sanggup aku melalui jalan pintas Bestari Jaya. Yang pernah melalui jalan tersebut pasti tahu apa maksudku.

Aku masih meneruskan membaca ayat-ayat Quran yang aku tahu hinggalah sampai di Hentian

Rawang. Setelah bertemu dengan adik sepupuku, kami meneruskan perjalanan. Keretaku di depan dan Nor dan Liza dibelakang keretaku.

Sesuatu yang agak pelik sepanjang aku memandu, seperti pintu tempat dudukku tidak rapat. Dua kali aku melihat melalui cermin sisi. Namun pintu kereta nampak ok je. Alhamdulillah akhirnya kami sampai ke rumah pada pukul 1 pagi. Syukurlah anak-anak semuanya OK.

Keesokan pagi, ku ceritakan semua yang kami lalui kepada Nor dan Liza. Apa yang sangat memeranjatkan aku, rumah yang aku jumpa makcik yang bertelekung tu sebenarnya rumah itu tidak berpenghuni. Semasa aku bertanyakan lokasi rumah Mak Lang, rupa-rupanya Bik Idah nampak wajah makcik tu menyeramkan dan ketika perjalanan selepas Hentian Rawang, Nor dan Liza yang mengekori aku dari belakang nampak lembaga hitam besar bergayut di pintu kereta tempat pemandu

Nor juga memberitahu, yang aku memandu dengan laju dan menukar haluan dengan tidak memberi signal hingga di hon oleh sebuah lori besar. Sedangkan yang aku hanya memandu dengan kelajuan 100 km/j sahaja. Katanya lagi aku

memandu seperti orang ketakutan. Padahal. aku tak rasa macam tu pun.

Alangkah terkejutnya aku. Mujur aku tak demam. Tapi bulu romaku asik meremang hingga ke kaki selama beberapa hari. Makcik dan anak-anakku juga Alhamdulillah tiada apa-apa. Syukurlah.

Pengajarannya, waktu solat. Solatlah. Jangan merayap maghrib-maghrib.

PANJANG MENGURAI

Ridzma Mawar

Saya ada banyak cerita, ini salah satu dari padanya. Pengalaman di zaman kanak-kanak.

Masa tu saya dalam darjah 1 dan abang saya darjah 3. Kami ada seorang kakak yang mempunyai rambut panjang mengurai. Kakak ni memang suka mengusik kami.

Tibalah suatu masa, pada waktu tu maghrib. Selesai mandi manda, kami nampak kakak sedang sibuk-sibuk di dapur. Kami berlari-lari anak menaiki tangga di dalam rumah. Sampai di suatu sudut, kami nampak satu lembaga yang seakan-akan kakak kami. Cara dan posisinya sememangnya sama cara kakak kami. Apabila terperasaan keadaan tu, kami turun semula tangga dan di situ masih ada kakak yang sibuk di dapur.

Saya dan abang memandang antara satu sama lain. Kami tak jadi naik tangga kerana kami memang ketakutan. Maka, kami tunggu kakak siap buat kerja, barulah kami naik.

Sampai kini, masih lagi terbayang lembaga tersebut.

ANAK SYAITAN

Muhamad Aizat

Alkisah, pada suatu hari, sedang saya dan bapa angkat saya tengah lepak minum-minum, seorang kawan saya datang berjumpa. Nama samarannya Pendek.

"Along, pakcik kau pandai berubat, kan?" tanya Pendek.

"Kenapa? Ada apa-apa masalah ke dengan hang?" balas saya.

"Orang rumah aku... "

"Awat dengan orang rumah hang?"

"Entahlah, bila maghrib ja, dia nanti duduk diam berbaring, mata jengil ke atap rumah, tapi yang paling aku hairan sekarang ni, perut dia akan tiba-tiba kembung macam perempuan yang mengandung 9 bulan!"

"Ish; pelik bini hang ni!"

"Tu yang nak minta tolong hang ni."

"Sat aku cuba tanya pakcik aku, kalau-kalau dia boleh *scan* dulu ke macam mana. "

Selepas menghubungi pakcik saya, ringkasnya memang ada yang tak kena dengan orang rumah kawan saya ni. Tapi, waktu paling baik untuk bertindak, adalah waktu isteri kawan saya tu tengah jadi tak sedarkan diri (seperti yang saya ceritakan tadi).

Kebetulan, malam esoknya saya baru sampai rumah bapa angkat saya, tiba-tiba Pendek telefon beritahu isteri dia tengah tak sedarkan diri, perut dah membengkak. Saya dengan bapa angkat saya bergegas ke rumah Pendek, setibanya ke rumah Pendek, saya hubungi pakcik saya untuk datang.

Sewaktu sampai di rumah Pendek, saya lihat, ada beberapa ahli keluarga isterinya ada bersama isterinya sedang pegang kaki dan tangan dia. Memang dapat dilihat, perut isteri Pendek membengkak macam orang tengah mengandung. Tapi yang lebih menghairankan, sekejap2 isteri Pendek akan garu tengkuk dia dengan bersungguh-sungguh, macam orang tengah gatal kena miang buluh.

Sejam kemudian, pakcik saya datang bersama dengan seorang kawan dia. Selepas melihat keadaan isteri Pendek dan bertanya serba sedikit mengenai isterinya, saya lihat mulut pakcik saya terkumat-kamit membaca sesuatu.

Pada ketika ini, isteri Pendek dibaringkan di atas tikar mengkuang di dalam biliknya. Keadaan isteri Pendek seperti orang tengah tidur. Tiba-tiba, isteri Pendek bangun dan duduk sambil kedua-dua tangannya mengaru tengkuk, matanya dijegilkan ke arah pakcik saya sambil mulutnya seperti orang tengah bercakap.

Pakcik saya kemudian mengarahkan tangan kanannya ke arah isteri Pendek, kemudian seperti digerakkan oleh kuasa ghaib, isteri Pendek baring semula dengan cara paksaan. Kaki dia menendang-nendang seperti orang tengah mengayuh basikal sambil tangannya mengaru-garu tengkuk.

Selepas itu, pakcik saya memegang ibu jari kaki kiri isteri Pendek sambil mulutnya terkumat-kamit membaca sesuatu. Pada ketika ini, perut isteri Pendek sekejap membengkak, sekejap surut berkali-kali. Selepas beberapa ketika, pakcik saya menganggukkan kepala. Pada ketika ini pada

pandangan mata saya, pakcik saya seperti tengah berkomunikasi dengan sesuatu.

Kemudian, pakcik saya melepaskan ibu jari kaki isteri Pendek, dan meminta semangkuk air diisi ke dalam mangkuk berwarna putih tanpa ada sebarang corak, kalau tiada barulah gunakan mangkuk putih yang bercorak.

Selepas lima minit, Pendek datang dengan membawa semangkuk air seperti yang diminta oleh pakcik saya. Pakcik saya kemudiannya membaca sesuatu dan meniup air didalam mangkuk putih tersebut. Selepas itu, pakcik saya minta Pendek menyapu air yang telah dijampi kemuka isterinya, bermula dari ubun-ubun kepala sehingga ke bawah dagu sebanyak 3 kali. Selepas berbuat demikian, perlahan2 isteri Pendek tersedar. Dia seperti orang baru terjaga dari tidur.

"Selesai untuk malam ni. 2 malam lagi, saya datang lagi. Tolong sediakan limau purut 3 biji, balang kaca, 3 biji dan seabdi air yang dicampurkan dengan air kolah 7 masjid. Insyallah, semuanya akan selesai dengan izin Allah. Isteri hang ni, dah lama sangat terkena sihir jahat manusia. Sampaikan isteri hang ni dah mengandungkan anak syaitan tu, tanpa dia sedar. Sebab tu perut dia

membengkak macam orang tengah sarat mengandung, sebab ada benda lain yang nak beritahu yang isteri kamu ni tengah kandungkan anak syaitan tu." kata pakcik aku.

"Benda lain? Apa maksud pakcik?" tanya Pendek.

"Saya nak tanya dekat semua, terutama keluarga sebelah isteri ni. Maaf, ada tak sebelah keluarga isteri ni simpan saka?" tanya pakcik pula.

Terbeliak biji mata semua orang dalam rumah tu. Pendek, mulut dah ternganga, kelu tak tau nak cakap apa. Selepas itu, mak mertua Pendek berkata.

"Setahu saya, tak tak ada dengar pula sebelah keluarga saya ni menyimpan saka ni."

"Saya pun tak ada juga, ni baru kali pertama dengar ni." sambung Pendek.

"Begini, yang saya tanya tu sebab si saka inilah punya kerja yang bagi perut isteri hang ni nampak macam orang tengah sarat. Dia nak beritahu yang ada 'benda' dalam badan isteri hang.

Dia garu-garu leher dia tu tanda yang 'benda' ni dah nak keluar." jelas pakcik.

Maka, seluruh ahli keluarga Pendek dan mertuanya menafikan yang keluarga mereka semua tak menyimpan atau membela saka. Menurut dari pakcik saya, kemungkinan saka ni masih mencari pewarisnya, tapi masih belum dapat. Mungkin juga si pembela saka ni dah mewariskan kepada ahli keluarga dia tanpa mereka sedar.

Selepas 2 hari, segala bahan yang dipinta telah disediakan oleh si Pendek. Maka tunggu masanya saja untuk menyambung kerja-kerja merawat isteri dia.

Selepas solat isyak, saya pergi ke rumah Pendek. Pakcik saya datang lebih kurang pukul 10 malam, kali ni berseorangan. Saya tanya, "tak bawa kawan ke malam ni?" Pakcik saya kata, malam ni saya yang akan jadi pembantu dia. Mau tak mau, kenalah turutkan juga.

Malam tu, hanya ahli keluarga terdekat saja yang dibenarkan ada. Pakcik saya minta dibentangkan tikar mengkuang di ruang tamu rumah, lampu hanya kawasan ruang makan saja

yang dinyalakan. Ruang tamu dan ruang makan bersambung, jadi kawasan ruang tamu agak suram sedikit.

Ahli keluarga si sakit diminta duduk di ruang makan saja. Si sakit diminta berbaring di atas tikar mengkuang dan diselimutkan dari kaki ke leher. Hanya saya, Pendek dan pakcik saya saja berada disekeliling si sakit.

"Kita mulakan sekarang. Diharap jangan siapa-siapa pun tegur apa yang saya buat, atau ternampak sesuatu yang pelik." ujar pakcik.

Amaran keras ditujukan buat kami semua di dalam rumah tersebut. Pendek, muka dah kecut. Saya minta dia bertenang, tak mula pun lagi upacaranya.

Selepas itu, saya lihat pakcik saya mula membaca sesuatu. Lebih kurang 5 minit kemudian, si sakit mula menunjukkan reaksi, mata dia terjegil menghadap siling, perut dia yang leper tiba-tiba membusung seperti orang tengah sarat mengandung. Si sakit mula mengerang seperti orang mahu melahirkan anak.

Pakcik saya meminta barang-barang yang dipinta tempoh hari diletakkan di sebelahnya, dia mencapai sebiji limau purut. Sambil membaca sesuatu dia mengarahkan limau purut yang berada di tangan kirinya ke arah mulut si sakit manakala tangan kanannya berada di atas perut si sakit. Saya lihat tangan kanan pakcik bergerak-gerak seperti ada suatu tenaga menghalangnya dari berbuat demikian.

Wajah pakcik mula dibasahi peluh-peluh halus tapi riak wajahnya masih tenang. Kemudian tangan kanannya mula ditolak ke atas dengan perlahan. Si sakit makin kuat mengerang. Apabila tangan kanan pakcik bertemu dengan limau purut, dengan pantas dia meminta saya membuka 1 botol kaca untuk nya, lalu barang yang dipinta saya bawa dekat dengannya, lalu limau purut itu diletakkan di dalam botol tersebut dan meminta saya menutupnya dengan ketat.

Pakcik saya mengulanginya sebanyak 2 kali. Bermakna sekarang kedua-dua botol telah berisi dengan sebiji limau didalamnya.

Selepas itu, pakcik saya maklumkan nak tangkap si ibu pula. Kali ini, pakcik saya berubah kedudukan dari sebelah sisi kanan si sakit ke

sebelah kaki. Sambil mengenakan limau purut ke ibu jari kaki kiri si sakit. Kemudian saya lihat mulut pakcik saya terkumat-kamit membaca sesuatu, tiba-tiba si sakit mula meronta-ronta dan menendang tangan pakcik saya.

Pakcik saya memberi isyarat kepada saya dan Pendek untuk memegang tangan si sakit supaya dia tak bangun dan meronta-ronta. Memandangkan Pendek dah kecut nak datang dekat pada isteri dia, ayah angkat saya menawarkan diri menggantikan tempat Pendek.

Saya memegang kedua-dua kaki si sakit manakala ayah angkat saya memegang kedua-dua belah tangan si sakit. Selepas itu pakcik saya mengenakan semula limau purut ke ibu jari kaki kiri si sakit dan membaca sesuatu. Kemudian dia mengarahkan tangan kanannya ke arah si sakit dan menarik sesuatu dari atas kepala si sakit membawa ke kaki, bila sampai pada buah limau purut, dia berhenti seketika.

Pada ketika ini saya lihat tangan kiri pakcik saya yang sedang memegang buah limau purut, nampak keluar kabus-kabus halus pada celah-celah jari tangan dia. Selepas itu, pakcik saya

pisahkan buah limau purut dari jari kaki kiri si sakit dan memasukkan kedalam botol yang terakhir.

"Selesai! Ambilkan saya sebotol air. Saya nak buat air penawar dan mandi untuk si sakit. " kata pakcik. Lalu Pendek datang membawa sebotol 1.5 liter air dan memberikannya kepada pakcik.

Si sakit ketika ini dah sedar, tapi kelihatan lemah. Pakcik saya minta diberikan minum untuk si sakit, tapi jangan beralih tempat. Selepas memberi minum pada si sakit, secara tiba-tiba si sakit kembali mengerang dan meronta-ronta. Perutnya yang kembali kempis, membesar kembali. Pakcik saya agak terkejut melihatnya, kemudian dia menghampiri si sakit dan melekapkan tapak tangan kanannya pada perut si sakit. Saya lihat air muka pakcik berubah, dahinya nampak berkerut.

"Ish! Macam mana boleh ada lagi ni? Ada seekor lagi ni!" tegas pakcik.

"Macam mana pakcik? Botol dengan limau pun dah abis ni."

"Dekat rumah ni ada tak kain putih yang tak digunakan lagi?"

"Sekejap saya try cari." balas Pendek.

Kebetulan, setengah tahun sebelum tu, pak mentua Pendek meninggal dunia. Jadi kain putih buat kain kafan mayat masih ada baki. Lalu Pendek bawakan dan serahkan pada saya. Pakcik saya lalu mengoyakkan kain itu lebih kurang saiz 3 kaki kali 2 kaki besar, dan mengoyakkan secebis lagi secara memanjang seperti tali sebanyak 3 utas.

"Ada tak gelas kaca jernih yang kita boleh nampak dalamnya, tak? Kalau ada, bawakan kepada saya," minta pakcik.

"Gelas ni boleh tak? kata Pendek sambil membawa sebiji gelas kaca berwarna merah berlekuk-lekuk dinding gelas tu tapi masih boleh nampak dalamnya.

"Bolehlah, dari tak ada." balas pakcik.

Pendek lalu menyerahkan gelas tersebut kepada pakcik. Pakcik ambil gelas tersebut lalu dilekapkan di atas perut si sakit. Kemudian pakcik sambil memegang gelas tersebut dengan tangan kirinya lalu membaca sesuatu, kemudian saya lihat tangan kanannya bergerak-gerak dari perut si sakit

dan seperti menolak sesuatu masuk ke dalam gelas tersebut.

"Sekarang, siapa-apa yang nak tengok apa yang ada dalam gelas ni, silakan. Tapi tak berapa jelas lah sebab gelas ni berlekuk-lekuk." kata pakcik.

Semua yang berada di dalam rumah tersebut mula mengerumuni si sakit untuk melihat sendiri apa yang ada di dalam gelas tersebut. Gelas tersebut masih lagi terlekap pada perut si sakit dan tangan kiri pakcik masih memegang gelas tersebut. Saya juga tak melepaskan peluang untuk melihat sendiri apa yang ada di dalam gelas tersebut.

"Tak berapa nampaklah pakcik," kata saya seraya semua di dalam rumah menganggukkan kepala tanda setuju dengan kata-kata saya.

"OK, tengok sini. Ni kepala dia, yang hitam-hitam ni. Ni pula badan dia, yang nampak putih2 berkabus ni," jelas pakcik.

Kami semua merenung kembali kedalam gelas, cuba lihat sekali lagi seperti yang diterangkan oleh pakcik. Saya masih kurang jelas

dengan apa yang saya lihat di dalam gelas tu. Selepas semua agak berpuas hati, pakcik lalu mengangkat gelas tersebut dari perut si sakit dan seperti mengambil sesuatu didalamnya lalu dia ambil kain putih dan diletakkan sesuatu di atas kain tersebut. Lalu, digulungnya kain putih tersebut dan diikat 3 bahagian.

Selepas selesai mengikat kain putih tersebut, lalu diletakkan bersama dengan botol-botol kaca tadi. Kemudian, pakcik melekapkan sekali lagi tapak tangan kanannya pada perut si sakit, tujuannya untuk diperiksa jika masih ada lagi yang tertinggal. Selepas itu, saya lihat pakcik senyum dan mengatakan dengan izin Allah, semuanya telah selesai. Lalu, pakcik menyambung semula membuat air penawar untuk si sakit.

Setelah siap, dia lalu menyerahkan pada Pendek dan menerangkan ia perlu diminum oleh si sakit, tujuannya untuk memulihkan tenaga dalaman si sakit ni.

Sebelum terlupa, air kolah 7 masjid yang dipinta oleh pakcik pada awalnya juga telah dibacakan sesuatu oleh pakcik dan dia meminta pada Pendek untuk memandikan si sakit dengan air

dalam botol tersebut sebanyak 7 senja. Gunakan sedikit air didalam botol tersebut dan dicampurkan dengan sebaldi air lain. Pakai sehingga habis air di dalam botol tersebut.

Setelah selesai semuanya, pakcik menanyakan pada keluarga si sakit mengenai saka tersebut. Masing-masing menafikan ada dikalangan ahli keluarga mereka yang memelihara saka tersebut. Mereka seperti tidak percayakan akan adanya saka tersebut. Lalu pakcik menerangkan kepada mereka semua, cara untuk memanggil saka tersebut, dan tanyalah sendiri pada dia tentang asal usul dia dan cara nak pisahkan dia dari keluarga tersebut.

Selepas menerangkan dengan panjang lebar, pakcik pun meminta izin untuk pulang. Botol-botol kaca dan kain putih tadi dimasukkan ke dalam plastik dan pakcik serahkan kepada Pendek.

"Buang semua benda ni ke laut malam ni juga. Buang di kawasan yang orang tak boleh nak pungut," arah pakcik.

Pendek tak berani nak ambil plastik beg tersebut, dia cakap tak berani. Lalu pakcik serahkan pada saya.

"Kau wakilkan buang benda ni. Pergi sekarang gak," kata pakcik

Hampah si Pendek ni, dah pukul 2 pagi ni. Nak tak nak aku ambil, selepas bersalam dengan pakcik, lalu aku bergegas ke laut untuk membuang barang-barang tersebut.

Selang beberapa hari, Pendek datang berjumpa dengan aku.

"Macam mana dengan orang rumah hang?" sapa aku,

"Alhamdulillah, makin sihat."

"Macam mana dengan saka tu, hang dah buat macam mana yang pakcik aku pesan dulu?"

"Kami tak buat. Kami rasa pakcik hang mungkin tersalah kot pasal saka tu. Kami tak ada sedara mara yang pelihara saka."

Saya pun malas nak berbual lanjut pasal saka tu dengan Pendek. Biarlah, dah mereka tak percaya, nak buat macam mana lagi. Sekian.

NADA DERING TELEFON

MinCy Zahrah

Dulu-dulu, dekat telefon ada *ringtone* bayi gelak. Comel saja. Memang set *ringtone* tu untuk bunyi SMS yang masuk. Zaman itu belum ada aplikasi WhatsApp dan seumpamanya.

Masa tu saya kerja dekat taska di Shah Alam. Boleh bawa anak lagi masa kerja. Tinggal pun dekat sana, dengan anak seorang ni.

Hari tu tak dah penat sangat, mamai-mamai sikit. Dah siap berkemas, anak pun dah siap nak tidur. Ada SMS berbunyi. Tak ingat dari siapa. Dah lama. Cik abang kot.

Alkisahnya ber-SMS-lah malam tu. Lama juga saling balas SMS masa tu. Sampai tertidur-tidur. Masa tu kepala betul-betul dah mamai. Antara tidur dengan tak. Bunyi SMS dah berhenti.

Tengah mata ni nak lelap, terdengar bunyi gelakan, tapi bukan bunyi gelakan bayi yang merupakan *ringtone* SMS saya. Gelakan tu macam suara gelakan orang dewasa.

Saya periksa telefon, tapi tak ada SMS masuk. Selepas itu saya pasang telinga, tapi akhirnya saya tertidur kerana gelakan tu tak muncul lagi dan saya pun memang dah sangat ngantuk.

Esok tu saya tukar *ringtone* lain, yang bukan suara orang. Kemudian saya ke taska macam biasa, buat kerja macam biasa, masak untuk budak-budak. Anak saya pun OK saja main dengan budak-budak dekat taska tu.

Tiba-tiba akak penyelia tu tegur, "min, tukar *ringtone*, ya?"

"A'ah kak. " balas saya sambil cerita pa yang berlaku semalam.

"Tu la, suka sangat guna bunyi baby gelak tu jadi *ringtone*" kata penyelia tu.

Saya hanya sengih sajalah. Tak nak fikir banyak-banyak. Cerita pada dekat suami, suami pun pesan supaya abaikan saja. Lepas tu dah tak dengar dah. Saya pun kalau boleh, tak nak dengar suara-suara macam tu. Bikin hati jadi kacau.

CANTIKNYA BILIK!

Reen Azmi

Masa umur 18 baru, pertama kali saya masuk asrama. UiTM. Kakak sebilik selalu pesan, kalau keluar saja, kuncilah pintu bilik. Kalau nak tidur pun pastikan kunci pintu. Saya tak biasa tinggal asrama, setakat tidur siang atau keluar pergi tandas di hujung koridor, memang tak kunci pintu bilik.

Ada sekali, sebab penat sangat, waktu hampir senja saya tertidur. Saya memang tak kunci biliklah kisahny. Saya tinggal di tingkat 5 hostel Delima. Jadi suasana memang sunyi sepi. Tiba-tiba ada kakak ni buka pintu sambil menyeret beg besar berisi kerepek dibelakangnya. Kemudian dia berjalan di tepi katil saya. Saya tak boleh angkat mata. Mamai terbaring tengok dia yang berada di tepi katil.

Dia tanya "nak kerepek dik?"

Saya geleng sambil terpisat-pisat cuba buka mata dan cakap "tak apa, kak. Saya tak nak."

Kakak tu yang pakai selendang, dia pandang sekeliling bilik. Dia kata "cantiknya bilik. Mesti seronok tinggal sini".

Yang peliknya aku masih terbaring. Mampu angkat mata saja tengok dia di tepi katil. Nak bersuara suruh keluar pun tak mampu. Tiba-tiba kakak tu ternampak sebalang coklat Eclairs di meja tepi katil. Perangai dia tiba-tiba berubah jadi budak kecil. "E'eh. Nak coklat, nak coklat".

Saya macam pelik tapi cakap "maaf kak, tu orang punya (kakak bilik aku punya). Saya tak boleh bagi tanpa izin."

Dia senyap. Saya cakap pada dia, "maaf ya, kak. Kalau saya punya saya dah beri pada kakak."

Dia berpusing sambil kembali seret beg plastik sarat kerepek. Tapi kali ni dia jalan terbongkok-bongkok macam orang tua. Saya angkat kepala pandang dia yang menghala ke pintu sambil berkata "Terima kasih kak, maaf ya".

Tiba-tiba dia perlahan-lahan pusingkan kepala memandang saya, bersuara dengan terketar-ketar "Jangan panggil aku kakak. Panggil

aku nenek!" Memang sumpah suara dia terketar-ketar tiba-tiba macam orang tua.

Saya terkaku macam orang terhipnotis. Entah bila dan macam mana dia keluar bilik, aku tak tahu, tapi tahu-tahu dia hilang. Saya macam baru boleh sedar. Bingung, terus bingkas duduk.

Saya toleh ke arah pintu, ia ternganga separuh. Lekas-lekas saya jenguk luar, tak ada orang. Jalan sampai hujung dia tak ada dekat bilik orang lain.

Esoknya balik saja saya dari kuliah, saya dapati katil saya yang saya tinggalkan dengan selimut tak berlipat, cadar komot bersepah, jadi cantik berkemas. Bukan kemas biasa-biasa. Seperti ada orang kemaskan katil susun elok-elok, lepas tu pergi gosok seluruh cadar katil tu bagi tegang elok dan tak berkedut. Kiranya habis kemas yang manusia biasa memang tak boleh kemas macam tu.

Kakak bilik aku siap cakap "katil akak pun tak berkemas, rajin pula nak kemaskan katil kau" bila aku tanya dia.

Malam tu saya demam panas. Demam teruk sampai rasa macam nak mati, suhu 42 darjah selsius. Memang tu lah cerita paling seram saya pernah hadap sendiri. Oh yang penting, sejak dari tu aku orang yang paling rajin dan sentiasa ingat untuk kunci bilik.

DAHAGA JAM 3 PAGI

Rwft Donya

Ketika pukul 3 pagi, aku terjaga kerana tekakku terasa dahaga. Aku bangkit lalu ke dapur untuk mendapatkan segelas air. Tiba di dapur, aku melihat ibuku sedang membancuh minumannya. Ibu kemudian berkata "Long, tolong ambilkan telefon ibu dekat dalam bilik."

Aku terus ke bilik ibu setelah habis segelas air diteguk, dan apa yang mengejutkan ialah aku melihat ibuku sedang nyenyak tidur dibiliknya. Terus aku berlari semula ke dapur untuk melihat siapa di dapur.

Pelik! Tiada sesiapa di dapur tetapi sudu bancuhan masih berpusing. Aku terus berlari ke bilik ibu untuk memberitahunya tentang hal ini tetapi setelah tiba di bilik ibu, ibu juga tiada di situ. Tadi elok tidur, sekarang hilang entah ke mana.

Kemudian baru aku teringat yang keluargaku bercuti di sebuah pulau. Aku pula tak mahu mengikut mereka. Jadi? Siapakah yang berada di dapur sekarang membancuh minuman itu dan siapa pula yang menyamar sebagai ibuku tidur di kamar

DAHAGA JAM 2 PAGI

Lyn AdLyn

Ini kisah benar.

Dulu sebelum ada Facebook, aku layan MySpace. Tengah syok-syok layan MySpace, tekak terasa kering. Tengok jam dah 2 pagi. Saya turun ke dapur sekejap untuk ambil air.

Dari dapur, dengar suara Abang Ngah dekat ruang tamu menyapa, “buat apa tu, dik?”.

Aku jawab “ambil air ni. Nak apa? Abang Ngah nak apa? Nak adik ambikan?”

Senyap.

Abang Ngah tak jawab. Aku terus saja ke depan. Gelap. Abang Ngah tak ada. Tiba-tiba kerusi berbunyi *kriokkkk!*

Lepas tu aku teringat. Mana datang Abang Ngah pula? Semalam dia dah balik KL bawa mak sekali. Apalagi, aku lari lintang pukang naik atas dan kunci pintu bilik. Menggigil! Esoknya aku demam. Sampai hari ni aku tak pasti manusia atau pun hantu yang tegur aku tu.

LAPTOP KAWAN SABAH

Ridzma Mawar

Ada satu cerita. Kenangan semasa zaman Kolej Sains Kesihatan Sungai Buloh pada tahun 2005. Kami kena siapkan *assignment* anatomi dan ditugaskan untuk melakukan bahagian *thoracic* termasuk otot-otot dan lain-lain.

Maka bermulalah sesi taip menaip dan pada ketika itu aku tak ada *laptop* lagi. Aku pinjam *laptop* seorang sahabat dari Sabah. Tiba giliran aku untuk guna *laptop* pada lewat malam, kawan-kawan dah bergelimpangan tidur.

Awalnya aku tersengguk-sengguk saat sedang menaip, akhirnya aku terlelap dengan jari masih di papan kekunci. Tak lama lena, aku tersedar dan terpandang skrin komputer. *Text cursor* sedang bergerak sendiri menaip satu ayat.

"My name is David."

Aku terus tersedar dan dengan pantas aku menekan butang *backspace* untuk memadam ayat tersebut. Namun ia terus menaip. Lalu terus aku tutup dokumen tersebut.

Aku buka semula dokumen tersebut dan terfikir untuk sambung kerjaku. Aku terpandang langsir dan kawan-kawanku yang sedang tidur. Ah tak jadi aku menaip. Takut. Aku tutup terus *laptop* tersebut.

Keesokan harinya aku bertanya pada sahabatku jika dia ada buat tetapan untuk menaip sendiri di *laptop* itu. Namun sahabatku menafikan, memang tiada sebarang tetapan untuk fungsi itu. Lalu aku menceritakan peristiwa yang telah berlaku. Masing-masing tercengang dan hanya mampu berpandangan antara satu sama lain.

KERETA WARDEN

Syikin Sulaiman

Waktu sekolah menengah agama dulu saya tinggal di asrama. Asrama sememangnya sinonim dengan cerita-cerita pelajar diganggu makhluk halus dan macam-macam lagi.

Suatu malam semasa saya di Tingkatan 4, saya sengaja lepak di depan koridor sambil minum seorang diri. Koridor terang, jadi tak takut sangat dan ada kereta warden diletakkan di bawah bangunan sekolah.

Sengaja saya perhatikan kereta itu. Makin lama perhati, rupanya ada yang memerhati kembali. Bila saya nampak dengan jelas bayangan yang ada dalam kereta itu, tak tunggu lama terus saya berlalu dari situ.

Seram! Dengan wajah hodohnya, rambut mengerbangnya, memang meremang bulu roma. Lepas kejadian itu saya tak pernah lagi lepak di koridor seorang diri.

SELEPAS LIGHT OFF

Nurul Nadira MN

Kejadian ini berlaku di asrama perempuan sebuah sekolah menengah di luar bandar. Ketika kejadian ini, aku berada di Tingkatan 5 Sains 1 dan memegang jawatan sebagai Ketua Aspuri. Aku menginap di dorm 6 yang berada di tingkat 3 bangunan asrama perempuan.

Selepas waktu ulangkaji, semua pelajar ke kantin untuk makan lewat malam kecuali tujuh orang penginap dorm 4. Mereka terus masuk ke dalam bilik.

Selesai makan lewat malam, semua pelajar perlu mengejar masa *light off* pada jam 11.00 malam. Masa yang berbaki itu kebiasaannya digunakan untuk mengemas buku mengikut jadual waktu sekolah esok, menyeterika baju seragam sekolah, membasuh baju, dan tak kurang juga yang membuat perangai kanak-kanak riang ria berlari berkejaran sehingga ditegur pengawal keselamatan.

Tapi lain kisahnya di dorm 4. Mereka terus mematikan lampu sebaik sahaja waktu ulangkaji berakhir. Aku tidak mengesyaki apa-apa.

Anggapanku mereka semua kepenatan dan tidur awal. Rupa-rupanya tidak!

"Tie, cuba kau tengok di atas kepala katil aku ni, kau nampak tak apa yang aku nampak?" Acik berbisik kepada Atie.

Atie mendongak dan dalam samar cahaya dari beranda, mereka nampak seorang perempuan dengan rambut mengurai ke hadapan bertenggek di atas kepala katil Acik. Mereka menggigil ketakutan, menangis tanpa bunyi. Mereka tidak bergerak walau sedikit, hanya anak mata sahaja melilau meninjau kalau-kalau ada lagi makhluk seperti itu di dalam bilik.

"*Korang*, ada orang tarik rambut aku la." Norzi pula mengadu.

Mereka tidur bersebelahan dan katil mereka dirapatkan. Tidak lama selepas itu, semua katil mereka digegarkan. Terasa seperti ada gempa bumi kecil berlaku. Kesemua ahli dorm 4 terbangun dan menjerit terkejut. Mereka semua berpelukan di hujung katil tetapi tidak berani ke mana-mana apabila masing-masing nampak apa yang Atie dan Acik nampak tadi.

"Aku datang. Kau seru," bergema suara makhluk itu.

Rupa-rupanya mereka semua bermain permainan "Seru Roh" di dalam bilik selepas waktu ulangkaji tadi. Sekarang, nasiblah mereka.

RUMAH MAK MERTUA

Hasnie Hidayah Sharifudin

Hujung tahun 2013 saya dapat berpindah ke semenanjung. Sementara mencari rumah sendiri, saya menumpang di rumah mak mertua.

Pada suatu hari, jam 9 pagi selepas saya dan anak siap mandi, saya buka pintu bilik untuk turun sarapan di bawah. Tiba-tiba terdengar suara mak mertua panggil anak saya.

"Rayyan, mari turun bawah!"

Saya beritahu pada anak untuk tunggu dan turun dengan saya. Masa itu saya tahu suami saya dah pergi kerja. Saya hairan kenapa mak mertua masih ada di rumah. Sepatutnya dia dah pergi berniaga.

Kami berdua pun turun saja dengan tenang. Sampai di bawah saya lihat memang tiada siapa pun di rumah. Mak mertua saya pun dah keluar berniaga. Memang tinggal kami berdua saja. Persoalannya, suara siapa yang panggil nama anak saya? Sampai sekarang saya masih takut.

SIAPA TU MAK?

Nurul Nadira MN

Jam 3.30 pagi sepupu aku bangun untuk ke tandas. Untuk ke tandas dia akan lalu di tempat solat mak dia. Dia nampak mak dia tengah solat sunat. Mak dia memang biasa bangun tahajjud.

Keluar dari tandas nak ke bilik, sekali lagi dia lalu di tempat solat maknya. Kali ini mak dia tengah berzikir sambil pegang tasbeih. Tiba-tiba dia ternampak seorang kanak-kanak perempuan berlari-lari anak dari arah ruang tamu rumah itu, lalu di tempat solat mak dia dan terus berlari ke dapur.

Sepupuku spontan tanya, "Eh, siapa tu mak?"

"Alah, dia tumpang lalu saja tak kacau kita," jawab mak dia.

Sepupu aku terkelu, menggigil, dan dengan muka pucat terus masuk bilik. Esoknya sepupu aku demam.

GANGGUAN MALAM RAYA

Syikin Mansor

Kejadian berlaku pada malam raya kedua tahun ini. Tiba-tiba mak aku mengilai di tengah malam "Hi hi hi hi!"

Aku yang tidur-tidur ayam terus terjaga.

"Mak kau kena rasuk, benda tu masuk sebab mak kau lemah," kata nenekku.

"Panggil Al-Hakim untuk bantu mak kau." sambungnya lagi.

Al-Hakim datang dan memulakan bacaan doa. Suami dan bapa saudaraku menahan mak aku dari lari. Selepas membaca ruqyah, Al-Hakim tanya, "kenapa kau masuk ke dalam badan hamba Allah ini?"

"Aku masuk sebab aku nak keluarga dia bergaduh sesama sendiri. Aku iri hati dengan keluarga dia," kata emakku sambil ketawa mengekek.

Al-Hakim menggertak supaya jin yang dihantar itu keluar dari badan mak. Suasana jadi

tenang kembali. Al-Hakim bagitahu, "orang tu hantar sesuatu untuk Pak Lang(bapaku) tapi yang kena Mak Lang sebab lemah."

Keesokan harinya, kami balik ke rumah. Emak dan bapaku pergi beraya ke rumah mak mertuanya. Perkara yang sama terjadi lagi. Kebetulan ada perawat Islam yang bertandang raya ke rumah nenekku. Dia membantu menenangkan mak aku yang dah kena rasuk.

Beberapa hari kemudian, perawat tersebut datang ke rumah untuk memulihkan mak dan bapaku. Bahkan dia turut memagar rumah kami.

Semasa perawat itu memagar rumah, dia terjumpa sesuatu di bawah pasu bunga. Sebuah botol kecil yang dibalut dengan kain kuning. Di saat perawat tersebut memegang botol itu, dia merasa panas dan dalam masa yang sama dia membacakan doa. Botol itu terus pecah dan selepas itu keadaan menjadi normal kembali. Alhamdulillah.

SENYUMAN ADIK JUNIOR

Nurul Asykin

Kisah ini berlaku semasa aku sedang belajar di sebuah universiti di Melaka. Dari semester satu hingga lima tak pernah ada gangguan yang berlaku kecuali ada satu ketika itu kami nyanyi lagu Cindai beramai-ramai.

Masa tengah menyanyi, tiba-tiba terdengar suara sesuatu yang ikut menyanyi. Suaranya macam penyanyi klasik zaman televisyen hitam putih. Semua terus senyap dan balik katil masing-masing. Lepas kejadian itu, dah tak ada pula unsur-unsur gangguan lain yang aku terima.

Tapi masa semester enam, aku dan kawan-kawan di bilik paling depan terdengar suara budak perempuan menjerit. Senang cerita kena histeria. Kecoh dan seram juga ketika itu. Bayangkanlah suara dia punya kuat dari bilik dia yang hujung boleh dengar jelas di bilikku.

Aku yang memang agak penakut ditambah dengan ilmu agama yang suam-suam kuku, memang duduk saja di dalam bilik. Lama juga kejadian histeria itu. Kemudian bila aku dengar dah reda, aku pun beranikan diri pergi jenguk adik yang

kena histeria tu. Kakak senior, kan? Kenalah prihatin.

Aku ingat lagi, masa aku masuk aku tengok adik itu terbaring di bawah. Masa itu memang ramai orang lagi. Dan ketika aku tengah pandang adik itu, tiba-tiba dia pandang aku kembali dengan mata yang bersinar sambil tersenyum manis. Ah sudah! Aku pun perlahan-perlahan keluar dan kembali ke bilikku.

Esok paginya, aku bagitahu kawan-kawan sebilik yang aku nak basuh baju. Aku beritahu mereka aku berdoa sangat agar tak terserempak dengan adik tu di tandas sebabnya aku bukanlah berani sangat. Malangnya, doa aku tak dimakbulkan.

Masa aku nak ambil baldi baju, tiba-tiba terdengar pintu tandas terbuka. Bayangkanlah awal-awal pagi macam itu dengan keadaan sunyi sepi, bunyi engsel pintu tandas yang uzur dan kau seorang diri dalam bilik air.

Bila aku angkat muka nak tengok siapa yang keluar, aku nampak adik ini tengah berdiri dekat pintu tandas dengan rambut yang panjang mengurai sambil tersenyum manis. Renungan mata

dia memang tajam dan dalam. Aku pun senyum balik, angkat tangan dan patah balik ke bilik konon-konon lupa bawa sabun.

Ada beberapa kali juga jumpa adik ini di kawasan bilik dia. Setiap kali terjumpa, dia akan pandang dengan renungan yang menyeramkan sambil tersenyum dan mengelus rambutnya yang panjang. Kalau bernasib baik, boleh dengar dia ketawa manja. "Hik,hik,hik." Kalau kau orang tengok cara dia senyum, cara dia pandang, kau orang akan faham perasaanku.

Disebabkan hal ini, kawanku menganjurkan bacaan Yasin. Aku berdoa janganlah dia duduk di sebelah aku pula nanti. Masa dah berkumpul dalam bilik tu, entah kebetulan atau apa, tiba-tiba adik ini ada dan terjatuh berhampiranku. Aku yang berada paling dekat dengannya terpaksa tolong pegang dan lap muka adik itu dengan air. Alhamdulillah, tak berlaku apa-apa perkara pelik.

Mungkin disebabkan kejadian ini, aku pun jadi berani sedikit. Sampai aku tamat belajar, aku dah tak jumpa adik itu lagi. Aku berharap walau di mana dia berada sekarang, dia dalam keadaan sihat dan bahagia selalu. Maafkan kakak senior kau ini yang asyik berdoa tak nak jumpa kau dik.

AYAM GANTUNG

عیشامایوزی هیشام

Dulu zaman belajar, memang kaki *hiking* kumpulan ARC di UIA. Satu masa kami pergi berkelah, ada buat aktiviti *flying fox* merentas air terjun.

Entah macam mana ada kesilapan teknikal pula dan aku tersangkut di atas itu lebih lima minit sebelum diselamatkan. Peristiwa itu menyebabkan aku mendapat gelaran ayam gantung. Nasib baik abang-abang senior memang mahir bab-bab tali ni.

Malam tu aku demam sebab terkejut dan tangan pun lebam sikit. Malam tu tidur dalam dome, aku terjaga dan ingat nak keluar sekejap sebab cuaca macam panas. Senior aku si Acik pula tidur di sebelah. Dia tidur telentang tegak sambil tangan berkiam. Walaupun mukanya tak jelas kelihatan sebab gelap, aku tahu tu Acik berdasarkan daripada fizikal dan baju yang dipakainya. Aku malas nak kejut dia, maka aku pun tidur semula.

Esok pagi aku bangun tengok Acik dah tak ada. Aku pun keluar dari dome dan terus ke arah rakan-rakan di bawah khemah lain. Aku nampak

Acik tengah duduk minum. "Dah elok demam ke, Joey?"

"OK dah, Acik. Kaulah tidur mati, aku nak keluar kejap semalam, tak boleh."

Semua senyap bila dengar saya cakap macam tu.

"Masa bila aku tidur? Kat mana aku tidur? Aku dari semalam memang duduk sini," kata Acik sambil yang lain mengiyakan cakupnya. Makanya, aku pun rasa nak demam balik pada pagi itu.

TAP TAP TAP!

Qaizam Ismail

Kali pertama aku jauh dari keluarga adalah ketika aku belajar di satu institut kemahiran ni. Bergaullah dengan kawan-kawan yang datang dari seluruh Malaysia.

Tengah malam tu kecoh ada orang ceroboh asrama. Apabila dah reda, agak-agak dalam 2 3 pagi, kawan-kawan aku pakat gabung katil *double decker* tu untuk tidur ramai-ramai.

Saya pula tak nak. Jadi, sebelah kanan katil kosong, sebelah kiri pun kosong. Berkelompok-kelompoklah katil-katil yang kawan-kawan ni gabung. Masing-masing sambung tidur.

Tengah lena, saya terjaga kerana terdengar bunyi *tap tap tap* di koridor luar. Bunyinya seperti orang kawad. Saya tahu bunyi tu sebab, tempat saya belajar ni memang ketat disiplinnya. Pagi pergi perhimpunan kena kawad, bengkel belajar pun kena kawad.

Bunyi tu datang dari kiri ke kanan. Tengah mamai-mamai saya sambung tidur lagi. Tak lama,

kedengaran lagi bunyi lagi *tap tap tap*, dari kanan ke kiri. Ia masih di koridor luar.

Saya buka mata terus duduk, jenguk dekat siling, bunyi kipas kot dalam hati saya. Maklumlah dorm lama, kipas lama. Masih berbaik sangka. Saya baring balik dan nak sambung tidur tapi kali ni *TAP TAP TAP TAP*, kuat betul bunyi kawad tu dalam bilik.

Ia datang dari pintu stor yang dijadikan bilik belajar kecil di sebelah kanan, menuju ke arah katil kosong sebelah kanan saya. Bunyi kawad tu kemudian berpusing balik menuju semula ke pintu stor.

Masa tu memang lampu tutup kalau waktu tidur. Saya tak tunggu lama, saya terus tarik bantal dan selimut, lalu pergi ke katil kawan saya yang tidur beramai-ramai tu. Saya kejutkan kawan saya yang berada di tepi. T namanya

“T, tepi sikit, tumpang tidur,” bisik saya.

Dia geser sedikit ke tepi bagi memberi ruang untuk saya. Masa tu saya terfikir, bunyi tu dah 3 kali. Kalau saya berkeras juga, tak mustahil terpacul benda-benda tu di depan katil yang saya tidur tadi.

Benda itu mungkin askar Jepun yang tak ada kepala, sebab kawasan saya belajar tu dulu memang kem askar-askar Jepun.

Bila dah pagi, sedang kami siap-siap pergi kelas/bengkel, T tu tanya saya, “kenapa semalam kau tiba-tiba nak tidur sekali dengan kita orang?”

Saya ceritalah peristiwa saya dengar bunyi kawad dan dia balas “Haaa itulah, bila ajak tidur ramai-ramai waktu awal tu, kau tak nak!”

Saya hanya mampu tersengih macam kerang busuk.

KAWAN ADIK IPAR

Nurul Hazwani Zakaria

Kejadian ini berlaku lapan tahun yang lepas. Masa itu aku sedang mengandung anak sulung dan tinggal di rumah mertua. Bila dah sarat memang kerap sangat nak terkencing.

Kejadian ni berlaku jam 1 pagi ke atas. Masa itu dah tak tahan sangat nak terkencing. Bilik air pula di tingkat bawah. Aku pun cepat-cepat turun ke bawah.

Tinggal beberapa anak tangga saja lagi tiba-tiba adik ipar terpancul di depan muka. Aku tegur dia.

"Dik, lambatnya balik?"

"Hehehe lambat sedikit kak. Ada kerja. Akak nak ke mana?" soal adik iparku.

Ketika ini mataku tertumpu pada kelibat seseorang di belakang adik ipar. Perempuan berambut panjang dan tunduk saja ke bawah. Dia memakai jubah putih kosong kain jenis ringan.

Dari tadi aku perhatikan perempuan itu. Kedudukannya betul-betul di belakang adik ipar. Bila adik ipar berhenti di tangga sebab bertegur sapa denganku, perempuan itu terus pergi ke arah dapur yang gelap.

Aku pun pada ketika itu dah tak tahan nak terkencing lalu terus terlupa pasal perempuan tadi. Aku pergi ke bilik air di dapur. Keadaan agak gelap kerana hanya satu lampu dinyalakan di ruang antara tangga dan dapur. Adik ipar pun dah naik ke atas dan tidur.

Keluar dari bilik air, aku terus naik ke bilik. Mata aku melilau dalam gelap dan ternampak susuk badan adik iparku yang seorang lagi di situ.

"Eh dik, buat apa kat situ dalam gelap? Tak tidur ke? Jom lah tidur." Mulut aku ini pun, ramah betul asyik nak menegur aja. Geram juga dengan diri sendiri.

Adik iparku cuma pandang dan senyum saja, sama macam karakter dia yang sebenar. Tapi agak pelik sebab tak menjawab langsung.

"Akak nak naik dulu. Jangan duduk dalam gelap. Dah, pergi tidur." Aku pun naik ke atas.

Keesokan harinya, aku tanyalah pada dua adik iparku itu.

"Siapa perempuan dekat belakang kau semalam dik?"

Adik iparku dah terpinga-pinga. "Mana ada bawa balik siapa-siapa."

Kami berdua dah mula pelik. Lepas itu aku tanya pula pada adik ipar seorang lagi.

"Naik tidur jam berapa, dik? Buat apa duduk dalam gelap semalam itu?"

Dia jawab, "kita tidurlah kak. Mana ada duduk di bawah."

Ah sudah. Garu kepala aku bila teringat semua hal semalam. Itulah ramah sangat kan dah mendapat. Banyak lagi sebenarnya. Diri ini memang selalu kena kacau dari kecil. Nanti akak kongsi lagi kalau kau orang suka.

SMS MINTA TOLONG

Jumiati Nordin

Kisah ini berlaku lima tahun lalu. Dah hampir tengah malam, aku masih ralit melayan Facebook. Mak bapa dan adik-beradikku semua dah lena diulit mimpi yang indah di bawah sinaran bulan.

Aku tersenyum-senyum tengok Facebook. Tiba-tiba ada bunyi SMS masuk.

"Siapa pula yang mesej tengah-tengah malam ini?" Aku pun melihat SMS itu.

"ASSALAMUALAIKUM NAK, BOLEH MINTA TOLONG? TALI KAPAN SAYA TERBUKA, TOLONG IKATKAN BALIK UNTUK SAYA BOLEH TAK?"

Meremang bulu tengkuk aku. Mesej masih panjang tapi setakat itu saja aku mampu baca. Terus tutup telefon. Terkejut bercampur takut. Jantung berdegup laju, dahi berpeluh pun aku tak sedar. Dahlah aku seorang diri saja dalam bilik. Aku cuba tenangkan diri, mungkin ada orang nak *prank* malam-malam buta macam ini.

Tiba-tiba aku terdengar orang ketuk pintu dapur kami di tingkat bawah. Pada mulanya aku biarkan saja, lepas itu diketuk lagi. Ah sudah, takkan aku nak turun pergi tengok pula.

Kemudian, aku terdengar sesuatu di beranda rumah pula. Bunyi macam orang melompat-lompat. Pintu depan pula kena ketuk dua kali. Senyap sekejap. Tiba-tiba pintu bilik aku pula kena ketuk. Ya Allah, kali ini bukan main-main punya bunyi.

Aku rasa sejuk menggigil dah seluruh badan. Entah doa apa saja yang aku kumat-kamitkan. Sempat tengok jam, baru pukul 1 pagi. Takkanlah tak ada seorang pun dalam rumah ini yang dengar bunyi-bunyi itu.

Ah tak boleh jadi ini. Aku nekad buka pintu bilik dan terus pecut masuk bilik mak bapa aku. Aku terus baring saja dekat lantai bilik, lepas itu mak aku terjaga.

"Kenapa ni Dayah? Kau OK ke?"

Aku diamkan diri sambil tersenyum kelat. Bapa aku pula terjaga. " Kenapa nak?"

Aku pun ceritalah. Ada orang kacau. Bapa aku bangun terus pergi dapur ambil parang. Bapak aku teriak dengan kuat.

"Siapa yang kacau anak aku hah? Jangan nak main-main, aku potong kau orang nanti!"

Keadaan pun reda. Tiada bunyi lagi. Aku tunjuk juga mesej berhantu yang aku terima itu. Berkerut juga kening bapaku baca. Lepas itu bapa aku pergi ambil wudhu dan baca ayat-ayat ruqyah supaya 'benda' tu tak kacau aku lagi.

Sampai sekarang, aku dah tak pernah main telefon sampai tengah malam.

BILIK MESYUARAT

Nur Amirah

Ada satu hari aku kerja dan kena balik lambat. Pagi itu salah seorang rakan sekerja kena kacau. Kacau yang biasa-biasa sajalah. Setakat dengar bunyi-bunyi kertas saja. Rakan yang seorang ini memang selalu datang kerja awal sebab rumah dia jauh.

Waktu makan tengahari pula, ada tiga orang termasuk aku tengah buat kerja masing-masing. Ruang kami di antara bilik mesyuarat dan bilik bos. Semua sedang fokus buat kerja sendiri bila tiba-tiba pintu bilik mesyuarat terbuka sendiri.

Kebetulan aku memang tengah angkat kepala pandang bilik mesyuarat itu. Tapi memang tak nampak apa-apalah sebab bilik itu gelap. Semua yang ada masa itu dah takut dan ada yang nak menegur, tapi aku suruh mereka diam saja dan jangan cakap apa-apa.

Sebelah petang itu tu rakan sekerja dari tingkat atas turun ke bawah untuk serahkan kerja sedikit. Tiba-tiba rakanku itu ternampak ada mata merah dekat celah pintu bilik mesyuarat itu dan sekali lagi pintu itu terbuka sendiri. Rakanku dah

lari menyorok di balik dinding, tinggal aku dan yang lain masih di tempat masing-masing tak bergerak.

Disebabkan aku tak nak keadaan jadi kecoh, aku pun pergi ke bilik itu dan tutup semula pintu. Tapi sebelum tutup, aku tinjau dulu ke dalam, tapi terang-teranglah aku tak nampak apa-apa. Bukannya hijab aku terbuka pun, kan? Haha.

Lepas kejadian itu aku terus balik ke rumah. Aku sampai rumah hampir pukul 9 malam dan terus tidur. Dalam pukul 4 pagi, aku terjaga. Aku terasa macam ada orang tenung aku dari bucu dinding. Aku buka mata sedikit dan ternampak kelibat hitam. Aku tutup mata semula dan cakap dalam hati.

"Aku tak kacau kau, kau jangan kacau aku."

Aku buat tak tahu dan kalih badan tidur mengiring. Elok saja aku kalih badan dan hampir hanyut ke alam mimpi, aku rasa macam ada orang panjat katil lalu baring di sebelahku.

Masa itu aku memang dah mengantuk gila. Aku cakap, "kau nak buat apa ikut suka kau. Aku nak tidur ni tak larat nak layan kau."

Aku pun terus tidur macam biasa.

TANDAS HOSPITAL

Wan Ros Ina Lina

Pengalaman jaga anak dekat hospital. Masa tu anak dua orang, dua-dua demam panas dan dimasukkan ke wad Hospital HRPZ II. Malam tu anak tidur, katil sebelah menyebelah pun nyenyak tidur dibuai mimpi. tiba-tiba aku tak boleh tidur rasa nak ke tandas.

Mula-mula tahan saja sebab tengok jam dah pukul dua pagi. Aduh. Sekali rasa tu datang lagi tak boleh tahan tahan dah. Dahi dah berpeluh ni. tak boleh jadi, aku bangun dari kerusi tengok kawasan keliling. tengok semua orang tengah sedap tidur.

Aku telan air liur lagi. Perasaan takut menyelubungi diri. Masa ni seram sejuk habis kaki dan tangan aku. Masa tu jururawat tengah sedap lelap dekat meja depan tu.

“Habishlah aku, macam mana ni,” getus hati.

Aku pun perlahan lahan menuju ke pintu keluar untuk menuju ke tandas tengah-tengah malam buta. Aku tengok jam tangan aku ,dah dekat pukul tiga pagi.

Wad anak aku duduk ni tingkat bawah sekali. Tandas tak lah jauh sangat, tapi terletak di luar wad. Depan ni saja sebenarnya tapi kena lalu ikut kaki lima dan sebelah kaki lima ni ada tempat sidai kain.

Di tempat itu, kain putih bergayutan dan melambai-lambai ditiup angin. banyak betul kain putih tersidai dekat situ. Angin bertiup lembut sepoi-sepoi bahasa. Bulu roma dah berdiri. Kepala aku terasa macam besar, rasa macam rambut aku pun berdiri juga. Padahal rambut aku dalam tudung kot.

Aku pandang bawah, nampak kaki aku putih semacam saja. Masa itulah aku rasa sesuatu lalu sebelah aku. Aku tak berpaling kiri atau kanan dah. Aku jalan cepat- cepat. Laju betul aku jalan, tapi aku pelik bila aku tengok tiang dekat kaki lima tu macam tak melepasi aku je. Maksud aku, macam tak bergerak saja langkah aku. Walaupun aku jalan sangatlah laju, tapi aku masih dekat kaki lima tu lagi. Angin bertiup, suasana seram sejuk.

Sebenarnya jarak antara bangunan wad anak aku ni dengan tandas dekat sangat. Menghadap depan-depan saja, tapi tak tahulah kenapa terasa jauh sangat perjalanan aku ni.

Aku pun bacalah ayat Qursi sambil pejam mata tapi kaki aku melangkah. Sedar-sedar aku tengok aku dah berada dekat katil anak- anak aku.

“Eh, cepatnya aku sampai sini?”

Alhamdulillah, aku pandang keliling wad. semua masih tidur. Sunyi sepi saja. Masa tu bulu roma aku dah tak berdiri dah. aku pun baca ayat-ayat suci dan sambung tidur.

RAMBUT TEBAL DAN PANJANG

Nur Raihan Syuhada

Ini kisah saya. Masa itu pukul 9 malam. Nenek suruh basuh pinggan mangkuk di luar. Saya pun basuh sambil tengok kiri kanan.

Tiba-tiba macam ternampak kelibat rambut di tepi saya. Masa itu memang dah rasa seram sangat. Dalam hati ini rasa nak pecut naik ke atas rumah. Tapi saya beranikan diri dan toleh ke tepi perlahan-lahan.

Rupa-rupanya kelibat yang saya nampak itu cuma rambut saya. Maklumlah dulu masa budak-budak rambut tebal dan panjang. Sekarang saja rambut tak tebal sebab asyik luruh saja fikirkan masalah dunia. Sekian.

2 KISAH SERAM PENSYARAH

Norhazwani Mohd Asri

Kisah 1 —Kejadian ni terjadi masa saya bertugas untuk jaga (invigilate) final peperiksaan pelajar sarjana muda. Masa tu hujung minggu, pagi sabtu. Memang saya seorang diri masa tu.

Kebiasaannya, pada pagi sabtu, makcik *cleaner* akan datang cuci pejabat. Pagi tu, sebelum saya masuk pejabat saya singgah ke pondok pengawal untuk tanya ada *cleaner* tak dekat pejabat. Pakcik pengawal cakap *cleaner* belum ada lagi, dan dia bagi kunci pejabat.

Setibanya saya di depan pejabat, saya saja saja suka-suka melawak, bagi salam depan pintu pejabat sambil cuba pusing-pusing tombol pintu (memang pintu berkunci) dan cakap "ada sesiapa dekat dalam? Saya nak masuk."

Tiba-tiba, saya terdengar ada seseorang buka selak kunci pintu dari dalam. Saya dengan beraninya buka pintu pejabat. Dalam pejabat tu gelap gelita, dan tiada tanda-tanda ada orang dalam tu. Memang masa tu rasa seram gila tapi saya buat bodoh saja, dan masuk

Kisah 2 —Masa tu, saya mengajar pelajar sarjana muda. Kalau ikutkan semester, masa tu jadual pelajar diploma tengah peperiksaan akhir. Jadi saya terpaksa ubah lokasi ke tingkat paling atas.

Kelas dekat tingkat atas sekali memang menyeramkan. Kebetulan masa tu, lampu korridor rosak. Memang gelap gelita lorong korridor, tapi saya dan pelajar tetap masuk satu kelas ni. Kebetulan semua pelajar perempuan masa tu.

Baru nak mula kelas, tiba-tiba pintu kelas belakang terbuka padahal tak ada angin pun. Memang dah tutup rapat sebelum tu. Kemudian saya pergi tutup, tapi bila mula kelas semula, pintu belakang terbuka balik. Sampai 3-4 kali kejadian tu.

Akhirnya saya cakap dari depan "kalau nak belajar, masuklah. Tapi jangan ganggu orang lain. Kalau tak, sila keluar!"

Memang pelajar saya masa tu senyap saja selama 2 jam. Seram barangkali. Saya pun dapat rasa ada benda dekat belakang kelas masa tu.

GELANG BATU-BATU KECIL

Fadilah Hamzah

Kisah masa belajar dulu. Rakan serumah saya diserang histeria. Dah lebih 24 jam, masih meracau lagi. Rakan-rakan serumah dah tak tahu nak buat apa. Petang tu datang 2 orang pensyarah kami melawat mangsa. Dia boleh duduk dan berkomunikasi macam orang biasa, tapi kita tahu bukan dia yang sedang bercakap.

Semasa pensyarah sedang berkomunikasi dengan mangsa saya pun datang duduk hampir dengan mereka padahal sebenarnya saya dan rakan-rakan lain letih sangat pada waktu itu kerana kami dah semalaman tak tidur menjaga mangsa.

Waktu tu saya memakai gelang yang ada batu-batu kecil. Gelang itu berbunyi kalau batunya berlaga. Tiba-tiba mangsa menoleh kepada saya, merenung dan tersenyum. dia mengangkat tangannya dan memusing-musingkan pergelangan tangannya.

“Cing! Cing! Cing! Aku suka,” dia berkata kepada saya.

Meremang tengkuk saya, lantas terus menanggalkan gelang saya.

“Eh, kenapa tanggal pula?” katanya lagi sambil terus tersenyum. Saya bangun lalu masuk ke bilik saya kerana ketakutan.

Sejak peristiwa itu saya tak pernah memakai apa-apa hiasan yang boleh mengeluarkan bunyi lagi. Terutama rantai tangan berloceng.

BANGSAL DI TEPI JALAN

Wani Radzee

Sekitar pukul 12:34 tengah malam, dalam perjalanan ke Lumut, kami berhenti dekat tepi jalan bawah lampu, depan sikit dari kedai makan. Sebelah kiri ada bangsal dengan tingkap nako yang tak tertutup. Kosong dan gelap.

Suami nak *power nap*, anak-anak memang dah tidur. Aku dekat sebelah suami, tengah belek-belek telefon, tunggu nak kejut mereka semula nanti.

Tengah *scroll* Facebook, terasa bagai dilambai-lambai dari luar. Aku toleh pandang ke kanan tapi tak perasan di luar. Jadi, aku sambung *scroll* Facebook. Makin rancak pula ia lambai. Toleh lagi sekali, baru perasan ada ada sesuatu berkelubung di dalam bangsal tu. Kepalanya bergoyang ke kiri ke kanan disebalik tingkap nako, sambil lengan bajunya dah terkeluar dari tingkap, melambai pada aku.

Aku tunduk pandang telefon sambil curi-curi jeling bangsal tu. OK, ia dah tak lambai. Ia tercegat sahaja di situ. Sebab rasa nak tahu, aku toleh ke

arahnya. Ia menyoroklah pula, jadi aku sambung pandang telefon.

Senyap-senyap aku matikan skrin telefon dan pandang sekali lagi ke arah tingkap itu. Makhluk tu sibuk terbuai-buai dekat tingkap. Kali ni dengan pantas aku on bluetooth dan *connect* pada radio lalu cari surah Al-Baqarah.

Ingatkan dia menyorok bila pasang bacaan Al-Quran. Rupanya dia rapatkan muka pada tingkap sambil menyeringai. Tak seram sangat rupanya tapi sebab dia bukan manusia, tetap jadi seram.

Aku kejut suami minta cari tempat berhenti yang lain. Nak tunggu lama, memang tak lah. Takkan nak tunggu dia datang ketuk tingkap kereta. Fuh!

SAKA MENCARI TUAN BARU

Malissa Saidin

Seperti yang kita maklum, saka terjadi apabila keturunan daripada nenek moyang yang mempelajari ilmu-ilmu melibatkan jin. Jin akan berpindah mencari waris baru apabila tuannya meninggal dunia.

Dijadikan cerita, semasa Ali (bukan nama sebenar) sedang memancing di sekitar kampung halaman arwah neneknya, ada seorang kawan Ali telah memberitahu Ali bahawa ada jin ingin meminta izin memasuki tubuhnya. Jin tersebut seperti ingin menyampaikan sesuatu.

Lalu kawan Ali membenarkan jin tersebut masuk ke dalam badannya. Jin itu memperkenalkan diri dan membuka cerita kepada Ali tujuan sebenar bahawa dia ingin bebas daripada perjanjian yang telah dibuat oleh arwah nenek Ali. Jin berkata lagi, sejak tuannya, iaitu arwah nenek Ali, meninggal, tiada orang yang memberikan dia 'sajian' seperti yang telah dijanjikan.

Oleh sebab itu lah, dia sering mengganggu keturunan arwah nenek Ali agar keturunan arwah

porak peranda dan sakit. Sebelum jin meminta diri untuk keluar daripada badan kawan Ali, jin memberitahu Ali cara cara untuk membebaskan dirinya dengan menggali tembikar yang telah di tanam di belakang rumah arwah nenek Ali. Tembikar tersebut hendaklah di letakkan jauh daripada manusia iaitu di sebuah pulau terpencil.

Kemudian, jin tersebut pun keluar daripada badan kawan Ali. Sejak kejadian tu, Ali menceritakan perkara yang terjadi tadi kepada semua keluarga arwah nenek. Ada yang setuju untuk membebaskan jin tersebut dan ada yang berat hati hendak membebaskannya.

Akhirnya kata sepakat telah termetrai, dan semua keluarga bersetuju memindahkan tembikar tersebut dan membebaskan jin itu dengan bantuan seorang ustaz.

Semoga kita semua dilindungi Allah S. W. T.

KURSUS DI CHENG, MELAKA

MamadyLa MamadyLa

Saya kongsikan satu cerita yang berlaku ketika zaman bujang waktu berkursus di Cheng, Melaka bersama sahabat saya, Siti Rohida Abdullah Sani.

Umur pun baru 22. Bersama kami ada 30 orang yang datang dari Triang, Pahang. Sayalah ketua geng tersebut, manakala Ateh @ Siti Rohida pula adalah pembantu saya. Anak-anak buah semua panggil “mami”.

Hostel kami berada di tingkat 3. Manakala tingkat bawah sekali geng dari Surabaya, pekerja kontrak kilang. Kami jarang bergaul dengan geng dari Surabaya ni sebab masing-masing kepenatan bekerja, balik pun dah malam.

Di akhir minggu kami berkursus tu saya dan Ateh didatangi ahli geng Surabaya. Mereka mengadu anak buah kami bising, berkejaran waktu malam, pindah-pindah perabot sana sini sewaktu mereka tidur. Kadang kala mereka dengar ada yang tumbuk sambal dan jerit-jerit pada waktu malam. Dah habis sabar katanya, maka mereka terpaksa beritahu kami.

Kami pun berkumpul dan menasihati semua anak buah agar jaga adab dan jaga perasaan orang lain. Masalahnya anak buah saya tak ada seorang pun yang mengaku mereka bising. Pagi-pagi subuh dah kena tunggu bas, siapa lagi sanggup pindah perabot dan menumbuk sambal tengah malam. jam 10 malam dah berdengkur.

Anak buah saya cakap sebenarnya yang bising adalah geng tingkat bawah. Mereka yang selalu tumbuk sambal, bunyi menggoreng, menjerit-jerit, kejar-mengejar, cuma anak buah saya tak nak kecoh dan tak nak keruhkan keadaan, jadi mereka diam.

Jadi saya dan Ateh berpakat ajak geng Surabaya cuba perangkap siapa yang buat bising-bising waktu malam. 4 hari sebelum tamat kursus, tiap jeriji pintu depan digegar seseorang sambil berlari-lari. Kami tak sempat pun nak kejar.

Esoknya geng Surabaya pun cakap benda yang sama. Jeriji mereka digegar dan ada yang jerit-jerit “Mami, mama, mami, mama...”

Akhirnya saya pakat dengan ketua geng Surabaya untuk ajak serang hendap. Tangga hostel

memang ada dua saja. satu di hujung, satu lagi di pangkal. Jadi geng Surabaya ni nak kejar dari bawah ke tingkat atas, dan kami geng Pahang dari tangga sebelah kami akan serang ke bawah.

Ikut idea kami tu, si pengacau tak akan mampu lari ke mana-mana sebab kami dah blok dua jalan turun dan naik.

Malam kedua terakhir kami di hostel. Lepas waktu isyak, anak-anak buah saya dah sedia untuk serang ke bawah. Zaman tu mana ada telefon bimbit, jadi kami semua sepakat kalau dah dengar saja ada orang gegar jeriji pintu, memekak atau pun berlari, siaplah nak hempuk dengan kayu.

Jam 11 malam, mula kedengaran bunyi jeriji kami digegar, disusuli jeriji rumah sebelah. Ateh dan geng lain dah bersedia keluar bawa kayu dan penyapu. Saya agak lambat sikit sebab simpan dompet rakan sebilik dan kunci dalam almari baju.

Sayup-sayup kedengaran geng Surabaya pun jerit-jerit dari bawah. Bising dan memang kecohlah. Saya rasa tak sedap hati dan berlari keluar mencari anak-anak buah saya. Baru 3 anak tangga saya melangkah, kedengaran jeritan dari

bawah lari ke atas “Mami lari mami, mami masuk rumah, mamiiii.”

Saya dalam terpinga-pinga tu buka pintu dan tunggu Ateh dan yang lain-lain bertempiran lari ke dalam rumah. Saya tak tau apa-apa. Kedengaran dari bawah budak-budak Surabaya menjerit-jerit ketakutan. Setelah semuanya dalam keadaan separuh tenang. mengah-mengah. pucat muka masing-masing, barulah ada yang bersuara.

"Mami, bukan orang, Mami. Bukan orang... "

"Habis tu? Apa?"

"Badan saja Mami... badan berlari ke bawah tak ada kepala. Allahuakhbar, gugur jantung koi, Mamiiii"

Terus aku ajak anak buah ni ambil wuduk siap-siap, dan tidur. Kami berempat tidur berpelukan. Ateh tak sempat tengok. Siapa turun awal dapatlah tengok lembaga tak berkepala berlari dengan baju lusuh dan berdarah.

Tunggu subuh nak tanya geng team Surabaya apa mereka nampak, tapi bila dah

berjumpa mereka langsung tak nak bercakap, murung, monyok, pucat saja muka.

Sebelum kami naik bas, ketua geng Surabaya datang salam dan peluk saya. "Maaf ya, mami karna bersangka buruk ama anak-anak Pahang. Kami udah tau angkara siapa... "

"Mami. selama kita bersama di sini, Kita cuma duduk di tingkat G sama 3. Mana ada orang di tingkat 1 sama 2, jadi yang bising-bising di atas kami itu, siapa? Yang bising-bising di tingkat bawah anak-anak Pahang itu, siapa? Kenapa nggak dipikir sampe ke situ? Iya, saya udah liat/lihat. Hanya kepala aja, mami. Nggak punya tubuh badan. Ya Tuhan... dia yang selama ini bikin bising Mami mami mami tiap malam!"

OK, dah faham. Yang memekak itu kepalanya. Yang rajin tumbuk sambal dan pindah perabot itu badannya.

Kami tinggalkan hostel tu tanpa menoleh lagi. Jujur kami cakap dah tak nak ke sana lagi. Ada yang demam, ada yang trauma setelah ternampak makhluk tu. Kami berdua yang tak nampak ni pun dah seram. Sumpah tak nak ke sana lagi.

HARUMAN BUNGA

Nor Zulraida Mohd Nor

Masa tu saya sedang belajar di UM KL. Kejadian ni berlaku sekitar tahun 2005. Kalau tak silap saya, saya tinggal di Kolej 4 UM. Memang di sana macam-macam cerita seram saya pernah dengar tapi tak pernah kena ganggu.

Bilik saya berada di *basement*. Betul-betul tepi tangga untuk naik ke tingkat atas. Tangga tu jarang orang guna sebab tangga tu di bahagian hujung dorm. Bilik saya pula memang bilik hujung sekali. Masa kejadian saya ada di kampung. Kawan-kawan yang bercerita pada saya.

Pada malam kejadian, kawan saya Z (perempuan, cuma kami panggil Z) berjalan kaki balik dari mana, saya lupa. Masa tu maghrib. Untuk masuk ke pekarangan lobi dorm kami, Z terpaksa mendaki jalan yang sedikit membukit. Sampai di hadapan dorm kami dia terhidu seolah-olah bau haruman bunga tapi tak pasti haruman apa.

Tiba-tiba Z tegur bau tu padahal dia jalan seorang diri saja. Cari penyakit betul! Masuk saja ke dalam bilik, dia mula rasa tak sedap badan kemudian dia demam dan meracau.

Masa tu lebih kurang pukul 8 malam. Kawan-kawan yang lain datang dan tolong jengukkan si Z. Dalam berjaga-jaga tu, Z tiba-tiba beritahu kawan saya supaya minta saya datang ke bilik untuk temankan dia. Padahal masa tu saya memang di kampung.

Kawan saya cakap. "Eh Ida mana ada dekat sini. Dia dekat kampung."

Si Z ni tak percaya dia cakap, "balik kampung? Dah tadi tu yang tepi hujung kaki aku tu bukan Ida ke?"

Si kawan ni terdiam tak berkata apa-apa. Terus telefon kawan seorang lagi suruh temankan sekali. Keesokan tu barulah mereka berani ceritakan pada Z. Terus Z tu telefon saya sendiri. Lepas beritahu saya di kampung, si Z terus terdiam. Nasib baik tak melarat Z punya meracau.

Bagi saya seram sebab saya ni penakut. Dahlah menyamar jadi aku pula. Orang cakap, benda ni boleh menyamar jadi kita sebab saiz kita sama dengan makhluk tu.

JENGLOT

Fara Ahmad

Aku mengusahakan bisnes kesihatan dan kecantikan. Secara tidak secara langsung banyak kisah-kisah yang tidak masuk akal yang berlaku kepada pelanggan dikongsi denganku sebagai iktibar dan pengajaran.

Salah satunya adalah hobi yang boleh membawa malapetaka. Seperti mengumpul koleksi barangan lama dan unik dari Malaysia dan Indonesia oleh keturunan terdahulu. Apabila mereka telah tiada, tidak secara langsung anak cucu pula yang menjadi pewaris antara sedar dan tidak.

Ritual dan perjanjian yang telah dibuat mereka terdahulu tidak diketahui oleh kita dan bermulalah episod siri masalah demi masalah yang melanda.

Salah satunya, satu hari mereka dikejutkan dengan puluhan ekor kambing yang diternak mati kesemuanya secara mengejut. Jabatan veterinar di panggil kerana bimbang juga mungkin ada virus yang menular.

Semua bangkai telah diambil dan diselidiki oleh mereka untuk mencari punca kematian. Ternyata tiada virus yang didapati dan semua kambing ada kesan tebusan di leher masing-masing seolah-olah darah mereka telah dihirup keluar!

Ada rahsia yang disimpan.

Rupanya dalam diam ada pihak si anak tidak mahu membuang koleksi bapanya untuk kepentingan peribadi. Salah satunya JENGLOT. Makhluk hodoh selalunya sepasang jantan dan betina yang berwajah hodoh seperti gabungan monyet dan serangga. Tidak mempunyai tulang. Nampak seperti patung tidak bernyawa tetapi rambutnya akan sentiasa memanjang.

Mungkin akibat ritual pemberian upah darah tidak diberikan seperti dahulu telah membuatkan si jenglot menghabisi kambing-kambing sebagai mangsanya?

Fikir-fikirkan. Sesiapa yang masih menyimpan koleksi-koleksi ANGKER. Mohon berfikir panjang!

LIF HOSPITAL JOHOR BAHRU

Nor Farhanah Mustapah

Ini pengalaman semasa menjaga arwah nenek di hospital daerah Johor Bahru. Selepas solat isyak, aku pun turun ke bawah untuk membeli makanan. Aku guna lif bomba saja sebab lif ini yang terbuka dulu. Bila dah masuk tiba-tiba lif naik ke atas pula.

Aku lupa lif naik ke tingkat berapa tapi bila pintu lif terbuka, angin kuat menerpa. Memang boleh rasa sejuk angin itu dan tak ada orang pun yang menunggu lif di tingkat itu. Pintu lif pun tertutup.

Aku ingat lif turun ke bawah terus tapi rupanya dia berhenti dan terbuka di setiap tingkat tanpa ada orang yang masuk pun. Cuma ada angin yang kuat itu di setiap tingkat.

Aku pelik tapi nak buat macam mana dah seorang diri, reda sajalah. Kaki aku dah macam kena paku. Memang tergamam macam itu saja.

Bila sampai di bawah aku baru terfikir siapa yang main lif sebenarnya? Dan bila dah sampai di bawah angin kuat itu pun sudah tiada.

PASIR GUDANG - MUAR

Ayu Marlina Easa

Kami memandu berempat bersama anak-anak sahaja. Adi Harraz di tempat duduk hadapan. Dalam *carseat*. Seperti biasanya, Husna dan Hanif berdua di tempat duduk belakang.

Kelas membaca Husna tamat jam 6 petang. Mengganggu perjalanan ke Muar lebih kurang 2 jam 30 minit. Aku terus memandu melalui Lebuh raya Senai Desaru. Berhenti mengisi minyak Petrol di Shell Layang-layang. Kami turun di situ membeli sedikit makan untuk alas perut. Biasalah anak-anak kecil cepat lapar.

Keluar dari Tol Senai, semua sudah lena dibuai mimpi. Aku pun mula menguap. Langit mula gelap. Kereta terus dipandu dengan kelajuan 90 km/h.

Jam di telefon menunjukkan 7.45 petang ketika melepasi susur keluar Yong Peng Utara. Mata semakin kelat. Perut pula dah mula berkeroncong. Jalan gelap hanya bersuluhkan lampu kereta aku sahaja.

Tiba-tiba Adi Harraz terjaga, duduk tegak, mata terbeliak, menoleh memandang aku.

"Adi dah bangun?"

Matanya besar, bulat mata hitamnya. Tak senyum atau tidak merengek seperti selalu. Diam. Aku sangkakan dia masih mengantuk. Dia masih memandang aku di sebelahnya.

"Huwaaaaa," dia menjerit sekuat-kuatnya. Macam dicubit.

Aku memandu perlahan kereta itu. Sambil menoleh ke Adi, ekor mataku terperasan kelibat putih di belakang tempat duduk Adi. Sekilas lagi ku pandang, ia masih ada di situ. Sedangkan aku tak menggantung apa-apa di situ. Ku pijak pedal minyak, tapi terasa berat, mendak.

Fuh meremang bulu roma. Adi menjerit semakin kuat. Bibirku terkumat kamit membaca apa-apa sahaja yang terlintas di kepala. Doa makan, doa naik kenderaan, doa penerang hati. Seolah bibir dan otak tidak saling bekerjasama.

Aku capai telefon, mainkan ayat Qursi. Ulang-ulang putar. Sambil ku tepuk peha dan

usap-usap kepalanya. Adi mula senyap tapi matanya masih terbuka dan pandang ke hadapan.

Kereta yang aku rasa berat tadi terasa ringan seperti biasa. Nak ku toleh ke belakang, tapi tiada keberanian lagi.

Aku masih meremang. Lama baru ku perasan, aku melepasi Hentian Sebelah Yong Peng. Teringat kejadian lama di situ. Adi kembali lena. Mujur Husna dan Hanif tak sedar apa yang terjadi. Alhamdulillah.

*Nota editor: apa “kejadian lama” yang penulis maksudkan tu ya?

SESUATU YANG TAK KENA

Mismocca Shikin

Satu malam, aku bersama adik-beradik yang lain sibuk membuat persiapan untuk menunaikan solat maghrib secara berjemaah.

Ketika itu kami semua merasakan tidak selesa, terasa ada sesuatu yang tidak kena, seolah-olah ada benda buruk yang bakal berlaku.

Setelah persiapan dibuat, kami pun mulakan solat berjemaah. “Allahuakbar!” laung adikku ketika itu. Pada rakaat kedua hati ku tiba-tiba berdebar-debar merasakan seolah-olah ada sesuatu memandangkanku dari belakang.

Aku abaikan sahaja perasaan itu dengan harapan ia tenggelam dengan sendirinya. Jika toleh ke belakang melebihi 3 gerakan, batal pula sembahyangnya.

“Assalamualaikum warahmatullah”, salam pengakhiran solat diberi, tiba-tiba terdengar suara garau dari belakang “Apa yang kau sembah, ha?”

Terkejut beruk kami semua apabila suara garau itu adalah dari kakak kami yang uzur.

TELUK KUMASI, 2015

Muzafar Oishii

Malam itu pasukan kami akan mengadakan operasi Drill Stem Test ke atas 5 telaga minyak melalui platform Teluk Kumasi. Setiap telaga memakan masa selama 3 hari. Alhamdulillah, hanya tinggal satu sahaja lagi. CH-1, yang merujuk kepada Carigali H-1.

23:00 Selepas taklimat, kami bersedia dengan operasi yang akan dimulakan. Mesyuarat kotak peralatan, mesyuarat keselamatan juga selesai diadakan.

24:00 CH-1, dibuka. Bermula dengan bukaan telaga pada kadar yang terendah dahulu. Ujian DST adalah penting untuk menentukan jumlah minyak yang dikeluarkan berapa tong sehari (*barrel per day*). Bunyi ngauman bahan bakaran tersangat kuat setelah dibuka. Di *port side*, api marak menjulang membakar sisa telaga yang dikeluarkan. Malam itu seperti biasa, angin begitu kuat menderu. Bulan, bintang menyembunyikan diri masing-masing. Bagaikan tahu sesuatu akan berlaku.

03:00 Tiba-tiba kadar penurunan dari CH-1 berlaku dengan begitu drastik. Bagaikan telaga tersangkut sesuatu dari bawah perut laut. Pak Ali selaku ketua pasukan agak kaget. Lantas menyuruh aku mengambil sampel air dari *wellheader*. *Wellheader* ialah tempat di mana semua kawalan bukaan telaga dari bawah laut ke saluran bahan bakar dan lain-lain.

Aku mengambil botol sampel secepat mungkin. Entah mengapa ketika aku menahan air sampel dari corong kecil pada bukaan *wellheader*, bulu roma tengkukku meremang.

Ada 10 orang bertugas malam itu mengikut tugas masing-masing. Aku memandangi mereka. Namun masing-masing masih sibuk siap siaga dengan peralatan mereka.

Usai mengambil sampel, aku membawa masuk ke dalam makmal. Aku masih seram sejuk. Tambahan pula di dalam kontena makmal, aku berseorangan. Ujian yang akan aku buat ialah ujian klorida bagi menentukan jumlah air laut yang dikeluarkan. Ujian ini penting bagi ketua pasukan mengetahui apa yang berlaku di bawah sana. Adakah minyak yang dikeluarkan atau tembakan

penggalian masih berlaku di paras *bedding* atas minyak bumi.

Tak semena-mena, sewaktu aku mencampurkan natrium ke dalam sampel, ia bertukar warna merah! Sepatutnya ujian aku menghasilkan warna kuning bukannya merah! Aku kaget. Aku periksa semula botol sampel. Hampir saja terlepas pegangan aku pada botol sampel.

MasyaAllah, yang berada dalam botol tu bukan sampel air, tapi darah. Siap berambut!

Aku lari keluar dari makmal macam tak cukup tanah. Muka aku pucat. Aku jumpa Pak Ali. Aku tengok muka dia pun sama pucat. Dari *welheader* keluar titisan-titisan cecair pekat berwarna merah. Hanyir lagi busuk.

Waktu tu *well engineer, company man*: Andre dan Mr Hendrikson dari Sweden baru sampai setelah dihubungi melalui *walkie-talkie*. Mereka pun terkulat-kulat melihat keangkeran yang berlaku. Kami yang bertugas malam tu masing-masing dah berdiri rapat-rapat dah.

Bau hanyir mulai kuat, dan cecair warna merah dah memang membasahi habis lantai

platform ketika itu. Aku siap berdiri atas kotak. Punyalah takut terkena *safety boot* aku. Di bawah sana, kami dengar bunyi deburan ombak menggila.

Tak semena-mena pula, entah dari mana, datang kabus menyelubungi Teluk Kumasi. Mr Hendrikson cepat-cepat suruh hubungi kapal yang sentiasa berdekatan jika ada kecemasan supaya lebih menjauhi platform. Takut-takut berlaku pelanggaran.

Lebih pelik, radio semua terputus. Kedengaran di corong radio ialah bunyi *krtttttttttttt!*

Hampir 3 jam kami berdiri rapat berdekatan *wellheader*. Semua tak berani lari turun ke tingkat bawah. *Wellheader* letaknya di tingkat paling atas platform. Satu, sebab kami terlalu takut. Kedua, kabus makin tebal. Nak nampak jalan pun susah. Waktu tu aku dah berdiri saja belakang member aku Zakuan. Zakuan ni badan besar. Entah kenapa, aku yang cikeding ni rasa selamat sikit duduk belakang dia.

Menghampiri waktu subuh, kami dengar bunyi terjunan sesuatu ke dalam air laut. Bertalu-talu. Penglihatan yang samar-samar membuatkan kami sukar menduga apa yang

berlaku. Yang kami tahu, bulu roma mencanak tinggi. Seram!

Selepas habis terjunan laut berlaku, kabus mulai menyusut, dan dari kejauhan kami dengar raungan. Macam bunyi ikan paus. Tapi lebih kuat dan ngeri sebab ia bersahut-sahutan.

Kami 10 orang yang bertugas dan dua orang mat saleh tadi ternyata baju lencun dengan peluh. Masing-masing pertama kali terkena situasi begini. Kabus terus menghilang, bunyi ikan paus menghilang, yang tinggal lekitan merah di atas platform. *Company man* terus suruh kami ke bilik mesyuarat. Dia berpesan supaya kami tidak menghebohkan kejadian ini. Dia juga perlu melaporkan kepada syarikat apa yang berlaku.

Keesokan hari, pihak darat mengarahkan kami semua *rig-down*(berkemas). Ada sesuatu yang 'besar' dan aneh dikesan melalui imbasan geologi di kawasan itu. Ia tidak dikesan sebelum ini pada radar semasa eksplorasi.

Hari berikutnya, kami berlepas dengan helikopter ke darat. Membawa misteri dan disampaikan melalui coretan di mana anda sedang membacanya kini.

KATA PENUTUP DARI PENERBIT


E-BOOK **ANALEK ANGKER** INI ADALAH PERCUMA, BUKAN UNTUK DITERBITKAN SEMULA ATAU DIJUAL.

ANDA DIJEMPUT KE LAMAN WEB KAMI, UNTUK DAPATKAN BUKU-BUKU KISAH SERAM TERBITAN **MEDIA INSPIRASI NUSANTARA**.

KLIK PADA BUKU DI BAWAH UNTUK MELIHAT BUKU-BUKU YANG DITAWARKAN.



TERIMA KASIH ATAS SOKONGAN ANDA!



SELAGI SESUATU KEPERCAYAAN DIYAKINI OLEH MASYARAKAT SETEMPAT, MAKA WUJUD DAN BENARLAH IA, WALAUPUN KEWUJUDAN ITU MELANGGAR HUKUM ALAM.

PADA DASARNYA MINDA MANUSIA TIDAK DIBELENGGU OLEH APA-APA HUKUM. FIZIK MAHUPUN LOGIK. IA HANYA PERLUKAN KEPERCAYAAN DAN KEYAKINAN UNTUK MEWUJUDKAN SESUATU.